

Skim

Persaraan

Swasta

Panduan Pembelajaran  
Peperiksaan

**FIMM**

Federation of Investment Managers Malaysia



# **SKIM PERSARAAN SWASTA**

## **PANDUAN PEMBELAJARAN PEPERIKSAAN**

**Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia  
(Federation of Investment Managers Malaysia “FIMM”)**

19-06-1, Tingkat 6, Wisma Tune  
19, Lorong Dungun, Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +603 2093 2600 Faks: +603 2093 2700  
Laman web: [www.fimm.com.my](http://www.fimm.com.my)

Pemegang Hak Cipta/Penerbit  
© Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), 2012  
© Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM), 2013

Cetakan Pertama Versi Bahasa Malaysia: 2015

Hak cipta terpelihara. Panduan pembelajaran ini tidak boleh diterbitkan semula, disalin atau disebar dalam apa-apa bentuk atau apa-apa cara (contohnya, grafik, elektronik atau mekanikal, termasuk fotostat, rekod, rakaman atau sistem perolehan maklumat) tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta. Permohonan sedemikian mesti diajukan kepada penerbit. Kebenaran bertulis tersebut juga mesti diperolehi sebelum mana-mana bahagian penerbitan ini tersimpan dalam sebarang bentuk sistem perolehan maklumat.

## **Penafian**

Panduan pembelajaran untuk Skim Persaraan Swasta (Private Retirement Scheme “PRS”) ini dikeluarkan oleh Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) atas pemahaman bahawa:

1. FIMM dan penyumbang individu tidak bertanggungjawab terhadap keputusan hasil daripada sebarang tindakan yang diambil berdasarkan pada maklumat dalam panduan pembelajaran ini atau sebarang kesilapan atau peninggalan;
2. FIMM dan penyumbang individu dengan nyatanya menafikan semua dan sebarang tanggungjawab kepada mana-mana individu berhubung dengan apa-apa sahaja dan akibat daripada apa-apa sahaja yang dilakukan atau ditinggalkan oleh seorang individu yang bergantung pada keseluruhan atau sebahagian daripada kandungan panduan pembelajaran ini; dan
3. FIMM dan penyumbang individu tidak bertujuan untuk memberi nasihat undang-undang atau kepakaran lain dalam panduan pembelajaran ini dan jika sebarang nasihat undang-undang atau kepakaran lain diperlukan, perkhidmatan profesional yang berkecualan perlu diperolehi.

## **PANDUAN PEMBELAJARAN PEPERIKSAAN SKIM PERSARAAN SWASTA (PRS)**

### **OBJEKTIF**

Panduan pembelajaran ini dirancang sebagai persediaan untuk calon peperiksaan PRS. Di akhir panduan pembelajaran ini, calon seharusnya dapat memahami dan menerangkan :

- sifat dan struktur perlembagaan PRS;
- keperluan persaraan seorang individu dan langkah yang perlu diambil bagi memastikan simpanan persaraan yang mencukupi;
- rangka kerja kawal selia yang mentadbir PRS dan peranan SC;
- peranan dan fungsi bahagian utama rangka kerja PRS termasuk Penyedia PRS, Pemegang Amanah Skim, Pentadbir Pencen Swasta (Private Pension Administrator "PPA") serta Pengedar dan Perunding PRS;
- keperluan untuk penilaian kesesuaian dan kepentingan melabur dengan dana yang betul; dan
- keperluan pematuhan undang-undang dan garis panduan yang berkaitan dengan kod etika dan piawaian tingkah laku professional.

## KANDUNGAN

<b>GLOSARI DAN SINGKATAN</b>	vii
<b>Bab 1</b>	1-1
<b>PENGENALAN KEPADA INDUSTRI SKIM PERSARAAN SWASTA (PRS)</b>	
Objektif Pembelajaran	1-1
1.1 Landskap pencen dan persaraan di Malaysia	1-2
1.2 Objektif dan manfaat PRS	1-11
<b>Bab 2</b>	2-1
<b>RANGKA KERJA KAWAL SELIA</b>	
Objektif Pembelajaran	2-1
2.1 Pengenalan	2-2
2.2 Peranan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) ke atas industri PRS	2-2
2.3 Perundangan, peraturan dan garis panduan yang berkaitan	2-3
2.4 Komponen utama rangka kerja	2-6
<b>Bab 3</b>	3-1
<b>PENYEDIA SKIM PERSARAAN SWASTA (PRS)</b>	
Objektif Pembelajaran	3-1
3.1 Kelulusan	3-2
3.2 Tugas dan tanggungjawab	3-3
3.3 Lembaga pengarah dan kakitangan utama	3-6
3.4 Hal-hal operasi	3-8
<b>Bab 4</b>	4-1
<b>CIRI-CIRI SKIM PERSARAAN SWASTA (PRS)</b>	
Objektif Pembelajaran	4-1
4.1 Pengenalan	4-2
4.2 Pemegang Amanah Skim	4-18
4.3 Yuran, bayaran dan perbelanjaan	4-21

4.4	Urus niaga, penilaian dan penentuan harga	4-24
4.5	Dokumen pendedahan	4-27
<b>Bab 5</b>		<b>5-1</b>
	<b>KANDUNGAN SKIM PERSARAAN SWASTA (PRS)</b>	
	Objektif Pembelajaran	5-1
5.1	Jenis dana dalam Skim	5-2
5.2	Instrumen yang membentuk Skim	5-2
5.3	Kelulusan dana	5-3
5.4	Penamaan dana	5-4
5.5	Objektif pelaburan Skim	5-4
5.6	Pengubahsuaian surat ikatan	5-8
5.7	Persamaan di antara unit amanah dan PRS	5-8
<b>Bab 6</b>		<b>6-1</b>
	<b>PELABURAN SKIM PERSARAAN SWASTA (PRS)</b>	
	Objektif pembelajaran	6-1
6.1	Penilaian kesesuaian	6-2
6.2	Relevan, konsisten dan sesuai	6-6
6.3	Jenis pelaburan	6-7
6.4	Had pelaburan	6-7
6.5	Mengukur prestasi dan pulangan	6-11
<b>Bab 7</b>		<b>7-1</b>
	<b>PENGEDAR DAN PERUNDING SKIM PERSARAAN SWASTA (PRS)</b>	
	Objektif Pembelajaran	7-1
7.1	Mengawal selia saluran pengedaran	7-2
7.2	Lesen untuk berurusan dalam PRS	7-2
7.3	Pendaftaran Perunding PRS	7-3
7.4	Kod etika dan standard tingkah laku profesional	7-5
7.5	Memberikan perkhidmatan kepada ahli PRS	7-10
7.6	Menyediakan nasihat pelaburan	7-11
7.7	Memasarkan PRS	7-13



## GLOSARI DAN SINGKATAN

### **Ahli (Member)**

bermakna individu yang mempunyai kepentingan bermanfaat di bawah PRS atau skim persaraan tajaan majikan

### **Ahli Bebas (Independent Member)**

merujuk kepada seseorang individu yang tidak mempunyai sebarang kaitan dengan Penyedia PRS atau pemegang saham utama Penyedia PRS. Perlantikan ahli bebas sebagai ahli lembaga pengarah, ahli jawatankuasa pelaburan dana, penasihat Syariah dan panel penasihat Penyedia PRS akan membolehkan ahli bebas tersebut melaksanakan tugasnya tanpa gangguan dalam pertimbangan bebas beliau. Walau bagaimanapun, seseorang individu hanya dianggap bebas setelah ikatan beliau dengan Penyedia PRS atau pemegang saham utama telah tamat tempoh melebihi enam bulan. Berikut adalah senarai ringkas individu-individu yang tidak dianggap sebagai "ahli bebas"-

- (a) Pegawai Penyedia PRS;
- (b) Pegawai Pemegang Amanah Skim;
- (c) Pegawai mana-mana pertubuhan yang mempunyai kuasa untuk melantik atau memberi cadangan terhadap perlantikan ahli lembaga pengarah, ahli jawatankuasa pelaburan dana, penasihat Syariah dan panel penasihat Penyedia PRS;
- (d) Individu yang berkaitan dengan pegawai Penyedia PRS atau Pemegang Amanah Skim untuk Skim Persaraan Swasta;
- (e) Individu yang mewakili atau dianggap mewakili sebarang pertubuhan yang mempunyai kepentingan kawalan dalam Penyedia PRS;
- (f) Individu yang, dalam tempoh enam bulan sebelum pelantikan beliau sebagai ahli bebas, telah memperoleh apa-apa ganjaran atau manfaat (selain daripada manfaat persaraan) daripada Penyedia PRS atau mana-mana pertubuhan yang mempunyai kuasa untuk melantik atau memberi cadangan terhadap pelantikan ahli lembaga pengarah, ahli jawatankuasa pelaburan dana, penasihat Syariah dan panel penasihat Penyedia PRS

### **Akaun Pencen Swasta (Private Pension Account "PPA")**

bermakna sesuatu akaun yang dibuka dan diuruskan oleh Pentadbir Pencen Swasta bagi setiap ahli

### **Akta KWSP (Employee Provident Fund Act 1991)**

bermakna *Akta Dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991*

**Caruman (Contribution)**

bermakna jumlah yang dibayar kepada PRS oleh pencarum

**CMSA (Capital Markets and Services Act 2007)**

bermakna *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007*

**Dana Teras (Core Funds)**

bermakna dana wajib yang perlu ditawarkan dalam setiap Skim dan merangkumi dana konservatif, dana sederhana dan dana pertumbuhan

**Dana Bukan Teras (Non-Core Funds)**

bermakna dana lain di bawah sesuatu Skim

**Faedah Terakru (Accrued Benefits)**

bermakna jumlah kepentingan bermanfaat ahli dalam PRS

**FIMM (Federation of Investment Managers Malaysia)**

Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia

**Garis Panduan PRS (PRS Guidelines)**

bermakna Garis Panduan untuk Skim Persaraan Swasta

**Harga Hadapan (Forward Price)**

bermakna harga unit yang merupakan NAB seunit yang dikira pada titik penilaian berikut selepas penerimaan suatu arahan atau permintaan

**Institusi Kewangan (Financial Institution)**

(a) jika institusi kewangan berada di Malaysia-

- (i) bank berlesen;
- (ii) syarikat kewangan berlesen;
- (iii) bank Islam; atau
- (iv) institusi berlesen

(b) jika institusi berada di luar Malaysia, mana-mana institusi yang berlesen/ berdaftar/ diluluskan/ dibenarkan oleh pengawal selia perbankan berkenaan untuk menyediakan perkhidmatan kewangan

**Jadual Letak Hak (Vesting Schedule)**

merujuk kepada jadual yang menentukan hak manfaat terakru seseorang kakitangan berdasarkan pada terma-terma perkhidmatan

**Juruaudit (Auditor)**

bermakna seorang juruaudit yang berdaftar di bawah seksyen 310 *Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993*

**Kawal Selia PRS (PRS Regulations)**

bermakna *Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2012 (Industri Skim Persaraan Swasta)*

**Kerajaan (Government)**

bermakna kerajaan Malaysia

**Kumpulan Syarikat (Group of Companies)**

bermakna mana-mana syarikat dan perbadanan yang berkaitan dengannya

**KWAP**

bermakna Kumpulan Wang Persaraan [Diperbadankan]

**KWSP (Employee Provident Fund "EPF")**

bermakna Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

**LHDN (Inland Revenue Board "IRB")**

bermakna Lembaga Hasil Dalam Negeri

**LTAT**

bermakna Lembaga Tabung Angkatan Tentera

**Nilai Aset Bersih (NAB) (Net Asset Value "NAV")**

bermakna nilai untuk semua aset dana ditolak nilai semua liabiliti dana pada titik penilaian. Untuk tujuan pengiraan yuran pengurusan tahunan, yuran tahunan pemegang amanah dan yuran tahunan Pentadbir Pencen Swasta (PPA), NAB dana mesti merangkumi yuran pengurusan, yuran pemegang amanah dan yuran Pentadbir Pencen Swasta (PPA) untuk hari berkenaan

**Nilai Aset Bersih Seunit (NAV per Unit)**

bermakna NAB dana yang dibahagikan dengan bilangan unit dalam edaran, pada titik penilaian

**Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) (Portfolio Turnover Ratio "PTR")**

bermakna nisbah jumlah purata pemerolehan dan pelupusan dana untuk tahun tersebut pada nilai purata dana bagi tahun yang dikira pada dasar harian, iaitu

$$\frac{[\text{jumlah pemerolehan dana untuk tahun} + \text{jumlah pelupusan dana untuk tahun}] / 2}{\text{nilai purata dana untuk tahun yang dikira pada dasar harian}}$$

**Pasaran Layak (Eligible Market)**

bermakna pasaran yang-

- (a) ditadbir oleh pengawal selia;
- (b) beroperasi secara tetap;
- (c) terbuka kepada orang awam; dan
- (d) mempunyai kecairan yang mencukupi untuk tujuan dana berkenaan

**Pemegang Amanah Skim (Scheme Trustee)**

bermakna seseorang pemegang amanah PRS

**Pencarum (Contributor)**

bermakna mana-mana individu yang mencarum dalam PRS, termasuk ahli atau majikan mencarum bagi pihak pekerjaanya

**Pengedar PRS (PRS Distributor)**

bermakna mana-mana Penyedia PRS, penasihat institusi PRS dan penasihat PRS korporat yang berdaftar dengan FIMM untuk memasar dan mengedarkan PRS

**Pengeluaran Pra-persaraan (Pre-retirement Withdrawal)**

bermakna pengeluaran dari mana-mana dana di bawah sesuatu Skim yang berlaku sebelum seseorang ahli mencapai umur persaraan dan untuk sebab-sebab berikut:

- (a) Pada kematian seseorang ahli;
- (b) Pemergian tetap seseorang ahli dari Malaysia; atau
- (c) Pengeluaran sebarang faedah terakru sub-akaun B yang diuruskan oleh Penyedia PRS untuk setiap ahli

**Pengurus Dana (Fund Manager)**

bermakna individu yang memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal untuk menjalankan aktiviti pengurusan dana yang dikawal selia

**Penyedia PRS (PRS Provider)**

bermakna institusi yang menyediakan dan menguruskan PRS

**PERKESO (Social Security Organisation "SOCSO")**

bermakna Pertubuhan Keselamatan Sosial

**Perunding PRS (PRS Consultant)**

bermakna seseorang institusi PRS yang berdaftar dengan FIMM untuk memasar dan mengedarkan PRS

**Pilihan Automatik (Default Option)**

dana teras yang akan dipilih secara automatik untuk ahli yang tidak membuat pilihan dana beliau setelah menyertai sesuatu Skim

**PPA (Private Pension Administrator)**

bermakna Pentadbir Pencen Swasta (Private Pension Administration) institusi yang diluluskan di bawah seksyen 139C CMSA untuk melaksanakan fungsi penyimpanan rekod, pentadbiran dan perkhidmatan pelanggan bagi ahli dan pencarum berhubung dengan caruman yang dilakukan dalam PRS dan tugas-tugas lain yang ditetapkan oleh SC

**Prinsipal (Principal)**

bermakna Pengedar PRS yang diwakili oleh Perunding PRS

**PRS (Private Retirement Schemes)**

bermakna Skim Persaraan Swasta (Private Retirement Scheme) yang ditadbir oleh suatu atau skim amanah, yang ditawarkan dan disediakan kepada orang awam bagi tujuan semata-mata untuk atau menghasil dan menyediakan simpanan persaraan jangka panjang bagi ahli

**Resolusi Biasa (Ordinary Resolution)**

bermakna resolusi yang diluluskan melalui pengundian majoriti mudah yang dilakukan secara sah dalam mesyuarat ahli-ahli Skim atau dana (jika berkenaan)

**Resolusi Khas (Special Resolution)**

mempunyai makna yang sama seperti yang diberikan di bawah Kawal Selia PRS kecuali untuk tujuan penggulangan sesuatu dana, suatu resolusi khas diluluskan sekurang-kurangnya 3/4 majoriti daripada nilai unit yang dipegang oleh ahli yang mengundi di mesyuarat

**Skim Pelaburan Kolektif (Collective Investment Schemes)**

bermakna, untuk tujuan panduan pembelajaran ini, skim atau sebarang pengaturan di mana-

- (a) ia dibentuk untuk tujuan menghasilkan atau menyediakan kemudahan bagi individu yang menyertai atau menerima keuntungan atau pendapatan yang timbul daripada pemerolehan, pegangan, pengurusan atau pelupusan sekuriti, derivatif atau mana-mana hartanah lain (dirujuk sebagai "aset-aset skim") atau jumlah dibayar untuk keuntungan atau pendapatan sedemikian;
- (b) individu yang menyertai pengaturan dan tidak mempunyai kawalan harian ke atas pengurusan aset-aset skim; dan
- (c) aset-aset skim diuruskan oleh sebuah entiti yang bertanggungjawab terhadap pengurusan aset-aset skim dan telah diluluskan/ dibenarkan/ dilesenkan oleh pengawal selia berkenaan untuk melaksanakan aktiviti pengurusan dana;

dan termasuk, antara lain, dana unit amanah, amanah pelaburan hartanah, dana dagangan saham, dana borongan dan dana tertutup

**SC (Securities Commission Malaysia)**

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia)

**Sub-akaun A (Sub-account A)**

merujuk kepada sub-akaun yang diuruskan oleh Penyedia PRS bagi setiap ahli yang memegang 70% daripada keseluruhan caruman yang dibuat untuk mana-mana dana di bawah Skim yang dinyatakan dalam unit

**Sub-akaun B (Sub-account B)**

merujuk kepada sub-akaun yang diuruskan oleh Penyedia PRS bagi setiap ahli yang memegang 30% daripada keseluruhan caruman yang dibuat untuk mana-mana dana di bawah Skim yang dinyatakan dalam unit

**Umur Persaraan (Retirement Age)**

bermakna umur 55 tahun atau umur wajib persaraan dari pekerjaan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)

**Unit dengan Letak Hak Bersyarat (Conditionally Vested Unit)**

bermakna sesuatu unit yang memberi hak yang bersyarat kepada ahli. Hak bersyarat adalah tertakluk kepada pemenuhan syarat yang ditetapkan dalam jadual letak hak

**Unit Letak Hak (Vested Unit)**

bermakna unit yang memberi ahli hak tanpa syarat untuk unit tersebut

## BAB 1

# PENGENALAN KEPADA INDUSTRI SKIM PERSARAAN SWASTA (PRS)

---

### Objektif pembelajaran

Bab ini memberi tumpuan kepada dasar sistem pencen dan persaraan, rangka kerja pencen pelbagai teras Bank Dunia dan keperluan bagi Malaysia untuk membangunkan industri pencen swasta.

Di akhir bab ini, anda sepatutnya dapat:

- menghuraikan keadaan semasa landskap pencen dan persaraan di Malaysia serta pemain utamanya;
- menghuraikan rangka kerja pencen pelbagai teras Bank Dunia dan bagaimana ia digunakan dalam konteks Malaysia;
- memberi contoh Skim di bawah teras yang berlainan;
- mengenal pasti keperluan untuk simpanan persaraan yang lebih tinggi;
- menerangkan keperluan untuk membangunkan industri pencen swasta; dan
- menghuraikan manfaat PRS.

## 1.1 Landskap pencen dan persaraan di Malaysia

Landskap pencen dan persaraan di Malaysia boleh dikategorikan dalam dua bidang yang berlainan:

- skim pencen sektor awam berbanding sektor swasta; dan
- skim pencen wajib berbanding sukarela.

### Skim sektor awam dan sektor swasta

Skim sektor awam cenderung ke arah skim manfaat tetap di mana benefisiari tidak langsung menyumbang kepada persaraan mereka.

Dua contoh skim sektor awam ialah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT). KWAP menyediakan pencen dan manfaat lain kepada pesara kakitangan kerajaan manakala LTAT menyediakan yang sama kepada pesara kakitangan angkatan tentera.

Sebaliknya, skim sektor swasta lebih cenderung ke arah skim caruman tetap yang mempunyai kaitan langsung antara jumlah caruman, pulangan caruman dan wang simpanan pencen yang dihasilkan.

Dua contoh skim sektor swasta ialah KWSP dan skim persaraan tajaan majikan. KWSP ditadbir oleh *Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991* (Akta KWSP) dan menunjukkan kedua-dua caruman kakitangan dan majikan. Skim persaraan tajaan majikan merujuk kepada skim persaraan yang ditubuhkan oleh sesebuah syarikat untuk menyediakan manfaat kepada kakitangan syarikat tersebut atau syarikat berkaitannya. Skim tersebut di bawah skop seksyen 150 *Akta Cukai Pendapatan 1967* (Disemak - 1971) yang menyediakan insentif cukai kepada majikan yang mencarum kepada simpanan persaraan pekerja mereka.

### Skim pencen wajib dan sukarela

Skim pencen wajib ialah skim persaraan yang dimandatkan oleh undang-undang. Semua kakitangan sektor swasta di Malaysia perlu menyertai skim KWSP dengan mencarum sebahagian daripada pendapatan mereka. Caruman semasa yang dimandatkan ialah 11% kepada simpanan persaraan mereka. Sebahagian besar daripada simpanan ini hanya boleh dikeluarkan pada umur persaraan dan baki caruman hanya boleh dikeluarkan di bawah keadaan tertentu.

Seperti yang disarankan oleh namanya, skim pencen sukarela ialah skim persaraan yang dilakukan secara sukarela dan tidak seperti KWSP, di mana caruman minimum kepada skim sukarela tidak dimandatkan oleh undang-undang. Contoh semasa skim ini ialah skim persaraan tajaan majikan. Pembelian anuiti adalah layak sebagai skim sukarela. Inisiatif PRS tertakluk di bawah kategori ini.



**(a) Kecukupan simpanan persaraan individu**

Secara purata, pesara di Malaysia biasanya menghadapi isu mengenai kecukupan simpanan persaraan dan sama ada simpanan ini mampu bertahan memandangkan ketidakpastian jangka hayat dan penyusutan modal akibat inflasi. Jadual di bawah memberikan gambaran jumlah yang diperlukan bagi mengekalkan gaya hidup yang sesuai selepas persaraan.

Jumlah sekaligus yang diperlukan pada permulaan persaraan, dengan mengangap tempoh jangka hayat ialah 20 tahun selepas persaraan dan keupayaan untuk melabur jumlah sekali gus tersebut pada 2% setahun:

RM2,000 sebulan diperlukan ketika dalam persaraan	RM392,434.40
RM3,000 sebulan diperlukan ketika dalam persaraan	RM588,651.60
RM4,000 sebulan diperlukan ketika dalam persaraan	RM784,868.05

Jadual di bawah menunjukkan jumlah simpanan yang diperlukan setahun untuk mencapai jumlah sekaligus di atas, berdasarkan tahun tersedia untuk menabung (sehingga persaraan) dan mengandai bahawa individu tersebut akan melabur dan menggabungkan simpanan tersebut pada 4% setahun:


Tahun tersedia untuk menabung	30 tahun	20 tahun	15 tahun	10 tahun
Keperluan RM2,000 sebulan	RM6,997	RM13,179	RM19,599	RM32,686
Keperluan RM3,000 sebulan	RM10,495	RM19,768	RM29,398	RM49,029
Keperluan RM4,000 sebulan	RM13,994	RM26,357	RM39,197	RM65,372

Contohnya, seseorang individu yang berumur 40 tahun dan ingin bersara dalam tempoh 15 tahun dengan pendapatan persaraan sebanyak RM3,000 sebulan akan perlu menabung RM29,398 setahun, mengandaikan bahawa beliau akan melaburkan jumlah ini pada 4% setahun sepanjang 15 tahun yang akan datang sambil menabung untuk persaraan. Dengan menukar pemboleh ubah seperti tempoh untuk mengumpulkan simpanan, kadar faedah pelaburan dan pendapatan persaraan yang diperlukan sudah tentu akan mengubah cara pengiraannya. Walau bagaimanapun, perkara terpenting ialah terdapat keperluan bagi individu tersebut untuk memperuntukkan sejumlah besar simpan supaya dapat mencapai gaya hidup tertentu selepas persaraan.

Oleh itu, terdapat keperluan bagi menyediakan pelan simpanan persaraan yang sesuai supaya individu tersebut akan mempunyai wang simpanan yang mencukupi selepas persaraan. Wang simpanan ini sepatutnya terdiri daripada simpanan wajib KWSP dan dilengkapi oleh skim sukarela seperti PRS. Kedua-dua skim ini diperlukan bagi memastikan simpanan persaraan yang mencukupi. KWSP akan menyediakan simpanan yang minimum dan PRS akan membantu mengekalkan gaya hidup yang diinginkan oleh pesara.

Bagi menentukan pendapatan yang diperlukan untuk seseorang pesara, adalah perlu memahami “nisbah penggantian pendapatan”. Ini merupakan peratusan daripada pendapatan bekerja yang diperlukan oleh seorang individu bagi mengekalkan taraf hidup yang sama ketika dalam persaraan. Nisbah ini pada kebiasaannya ialah di antara 60% dan 90% daripada pendapatan bekerja sebelum persaraan. Seseorang pesara yang mencapai nisbah penggantian ini melalui penggabungan pengeluaran KWSP dan pendapatan semasa melalui pelaburan dalam PRS serta deposit tetap akan menikmati kehidupan yang selesa apabila beliau bersara.

**(b) Rangka Kerja Konsep Pencen Bank Dunia**



**(i) Lima Teras Rangka Kerja**

Rangka kerja polisi Bank Dunia menggunakan model lima teras apabila menilai usaha pembaharuan pencen dan keselamatan sosial sebuah negara. Bank Dunia berpendapat bahawa pendekatan pelbagai teras memberikan lebih fleksibiliti dan lebih sesuai menangani keperluan segmen penduduk sasaran serta menyediakan perlindungan terhadap sebarang risiko ekonomi, politik dan demografi yang dihadapi oleh sesuatu sistem pencen yang khusus.

**(ii) Lima teras dalam konteks Malaysia**

Bahagian yang berikut mengkonsepsikan rangka kerja pelbagai teras Bank Dunia dalam konteks Malaysia.

### **“Teras sifar” tanpa caruman**

Bank Dunia menganggap ini sebagai bantuan sosial am yang dibiayai dan disediakan oleh kerajaan tempatan atau negara untuk memastikan golongan yang berpendapatan rendah seumur hidup akan dijaga di usia tua mereka.

Di Malaysia, Jabatan Kebajikan Sosial menyediakan bantuan kewangan kepada warga berpendapatan rendah dan ini termasuk bantuan kewangan warga emas pada dasar uji kurang upaya.

### **“Teras pertama” yang wajib**

Teras ini bertujuan mengaitkan caruman kepada pelbagai peringkat pendapatan dengan tujuan menggantikan beberapa bahagian pendapatan pra-persaraan. Pelan manfaat ini biasanya ditentukan dan dibiayai pada dasar pelan “Bayar waktu keluar” dan tertakluk kepada risiko demografi dan politik.

Teras rangka kerja pencen ini tidak didapati di Malaysia. Salah satu contoh negara yang menggunakan “Teras pertama” ialah Jepun, di mana pekerja membayar sebahagian daripada pendapatan mereka kepada sistem pencen nasional yang bertujuan menyediakan “pencen asas” untuk semua penduduk di negara tersebut. Pencen asas bagi yang lanjut usia dibayar kepada pesara pada umur 65 tahun jika individu tersebut telah membayar premium selama 25 tahun atau lebih.

Teras ini tertakluk kepada risiko demografi kerana, seperti yang ditunjukkan dalam contoh di Jepun, bilangan penduduk lanjut usia yang meningkat dengan cepat telah memberi tekanan yang besar pada pembiayaan. Dengan jumlah pekerja muda yang semakin kurang untuk menyokong bilangan pesara yang meningkat, terdapat kekurangan dalam caruman bagi memenuhi pembayaran pencen dan juga tekanan yang amat besar ke atas kerajaan untuk membantu membiayai sistem pencen.

### **“Teras kedua” yang wajib**

Ini biasanya merupakan pelan simpanan seseorang individu, iaitu pelan caruman ditentukan di mana terdapat pilihan luas dalam instrumen pelaburan, pengurus pelaburan dan pemilihan untuk fasa pengeluaran. Pelan caruman yang nyata memberi individu hubungan jelas antara caruman, prestasi pelaburan simpanan dan manfaat muktamad.

Di Malaysia, teras ini termasuklah KWSP, KWAP dan LTAT.

### **“Teras ketiga” yang sukarela**

Teras ini boleh mengambil pelbagai bentuk (faedah ditentukan atau pelan caruman, pelan simpanan individu) tetapi pada dasarnya ia adalah fleksibel dan disediakan mengikut budi bicara. Kefleksibelan teras ketiga ini mengimbangi ketegaran teras lain dan membenarkan seseorang individu melengkapkan apa-apa sahaja yang dianggap kurang dalam pelan persaraan individu tersebut.

Bagi Malaysia, ini adalah di mana PRS akan dibentangkan. Terdapat Skim lain di bawah teras ini termasuk pelaburan swasta/skim simpanan untuk individu (unit amanah, deposit tetap dan produk insurans), skim persaraan tajaan majikan yang diluluskan di bawah seksyen 150 *Akta Cukai Pendapatan 1967* (Disemak - 1971), caruman tambahan kepada KWSP, anuiti dan Skim ganjaran pekerjaan yang tidak dibiayai.

PRS diperkenalkan untuk melengkapi simpanan KWSP (bagi individu yang bekerja) dan skim teras kedua lain. Walaupun KWSP boleh dianggap telah mencapai kejayaan dalam menyediakan perlindungan komprehensif kepada sektor yang pekerjaan dan memberi pulangan yang baik selama ini walaupun terdapat krisis kewangan global, ia bukanlah wajib bagi mereka yang bekerja secara persendirian. Antara tujuan PRS ialah memberi galakan kepada golongan ini untuk lebih gigih menabung bagi persaraan mereka.

Tambahan pula, kajian telah menunjukkan bahawa kebanyakan daripada pesara menghabiskan sekaligus jumlah KWSP mereka dalam tempoh tiga hingga lima tahun. Kebergantungan yang tinggi pada simpanan KWSP untuk keperluan persaraan mereka diburukkan lagi dengan pengeluaran pra-persaraan simpanan KWSP mereka untuk rumah, penjagaan kesihatan dan pendidikan. PRS menggalakkan pesara meningkatkan simpanan mereka dalam skim sumber alternatif bagi menyediakan kepelbagaian aliran pendapatan.

PRS juga dapat mengurangkan risiko tumpuan kebanyakan pesara yang bergantung pada satu sumber utama bagi simpanan persaraan mereka. PRS menyediakan sumber alternatif kepakaran pengurusan dana di mana ahli Skim berupaya memilih secara bebas di antara penyedia perkhidmatan yang bersaing.

### **“Teras keempat” bukan kewangan**

Bank Dunia mentakrifkan ini sebagai akses kepada sokongan tidak rasmi seperti sokongan kewangan keluarga daripada generasi muda, inisiatif atau program lain seperti penjagaan kesihatan menyeluruh, perumahan/rumah persaraan warga emas yang disubsidikan, pemilikan rumah dan ketersediaan gadai janji berbalik.

Bagi Malaysia, teras ini bergantung terutamanya pada nilai tradisi Asia di mana generasi muda dijangka menjaga ibu bapa dan golongan yang lebih tua.

### (c) Pemain Utama dan Komponen

#### (i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

KWSP merupakan landskap utama pencen di Malaysia. Pada 31 Disember 2011, KWSP mempunyai sejumlah 13.15 juta ahli berdaftar di mana 6.26 juta adalah pencarum aktif manakala 487,664 ialah majikan aktif. ([www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my))

KWSP ditubuhkan untuk membantu pekerja-pekerja menabung bagi tujuan persaraan dengan memperuntukkan peratusan tertentu dari gaji bulanan setiap ahli dan disimpan ke dalam akaun simpanan. Majikan juga menyumbang peratusan tertentu kepada dana bagi memenuhi tanggungjawab undang-undang dan moral mereka untuk melindungi dan meningkatkan simpanan persaraan ahli.

Umur ahli	Pengeluaran yang dibenarkan daripada simpanan terkumpul
50	30% daripada jumlah simpanan
55	100% daripada jumlah simpanan

Dari segi perundangan, KWSP hanya wajib memberi dividen tahunan sekurang-kurangnya 2.5% ke atas baki simpanan akaun ahli. Namun, KWSP telah memberikan dividen yang lebih tinggi kepada ahli selama ini. Pembahagian kadar dividen ini telah merosot mengikut dasar trend persekitaran kadar faedah global yang rendah pada amnya. Jumlah simpanan dalam KWSP tidak mengakrukan sebarang dividen sehingga dividen diumumkan oleh KWSP. Ini tidaklah seperti nilai aset bersih (NAB) untuk PRS yang akan berubah setiap hari perniagaan untuk menunjukkan perubahan terkini dalam aset dana dasar. Sebahagian besar simpanan KWSP dilaburkan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia dan instrumen pendapatan tetap lain (termasuk pinjaman peribadi) tetapi pelaburan dalam ekuiti dibenarkan. Sehingga 20% daripada aset KWSP boleh dilaburkan di luar negara. Ahli KWSP mempunyai pilihan untuk mempelbagaikan simpanan mereka jika mereka menyertai Skim Pelaburan Ahli KWSP. Skim ini membenarkan ahli KWSP melabur 20% daripada jumlah yang melebihi simpanan asas yang diperlukan dalam Akaun 1 dengan syarikat pengurusan unit amanah yang dilantik oleh Kementerian Kewangan.

KWSP adalah skim pekerjaan dan dikaitkan dengan pekerjaan di bawah KWSP. Oleh itu, golongan yang bekerja sendiri tidak akan menyumbang kepada KWSP dan tidak akan menerima manfaat daripada simpanan

wajib untuk persaraan. Dengan kadar caruman semasa kepada KWSP sebanyak 11% untuk pekerja dan 12% untuk majikan, seseorang individu yang bekerja dapat menabung sekurang-kurangnya 23% daripada gaji beliau setiap bulan di bawah skim ini. Berkuatkuasa dari 1 Januari 2012, caruman bahagian majikan untuk gaji bulanan sebanyak RM5,000 dan ke bawah meningkat 1% daripada 12% kepada 13%. Selanjutnya, mereka yang selesa dengan pulangan yang diberi oleh KWSP (stabil dan lebih tinggi daripada deposit tetap) boleh memilih untuk meningkatkan caruman setiap bulan melebihi kadar wajib sebanyak 11% dengan mengisi borang dengan KWSP. Caruman "tambahan" ini mungkin tidak dikecualikan cukai jika jumlah caruman melebihi had pelepasan cukai.

Lama-kelamaan, dengan ketiadaan alternatif lain kepada KWSP, individu yang tidak termasuk di bawah KWSP akan mengalami perbezaan ketara dalam simpanan persaraan mereka. PRS diperkenalkan bagi menggalakkan semua kumpulan tersasar, termasuk mereka yang bekerja sendiri, menambahkan simpanan supaya tidak mengalami kekurangan berbanding mereka di bawah KWSP. Walau bagaimanapun, ahli KWSP juga digalakkan berdaftar dengan PRS bagi melengkapkan simpanan KWSP mereka jika simpanan dalam KWSP tidak mencukupi untuk persaraan. Satu perkara penting yang perlu dimaklumkan ialah caruman PRS dan KWSP tidak boleh bertukar ganti. Setelah dicarumkan, jumlah akan dikekalkan dalam Skim masing-masing dan tertakluk kepada peraturan Skim. PRS juga sesuai untuk mana-mana majikan yang ingin menggunakannya. PRS melengkapi peruntukan wajib sedia ada. Majikan boleh menggunakan PRS sebagai satu peluang untuk meningkatkan daya tarikan pengambilan pekerja mereka atau nilai pekerja bagi menarik pekerja.

Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia adalah sama dengan PRS di mana ia menggalakkan mereka yang bekerja sendiri untuk mencarum kepada pelan persaraan, tetapi melalui KWSP. Apabila caruman tersebut masuk ke dalam KWSP, mereka yang bekerja sendiri tidak akan mempunyai pengaruh ke atas caruman mereka seperti ahli KWSP yang lain.

KWSP menguruskan kedua-dua dana dalaman dan luaran melalui pengurus dana. Tidak seperti PRS, ahli KWSP tidak boleh memilih kelas aset, pengurus dana atau campuran dana bagi caruman mereka. Pengiraan NAB harian juga tidak dipaparkan pada laman web KWSP kerana semua caruman telah digabungkan di mana suatu dividen akan diumumkan pada akhir tahun fiskal. Hanya pada masa tersebut Ahli KWSP boleh menilai prestasi dana dan pengurus.

(ii) **Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)**

Skim pencen bagi kakitangan awam ditubuhkan di bawah *Ordinan Pencen Kerajaan 1951* dan digunakan untuk kakitangan kerajaan

yang layak mulai 12 April 1991. Skim pencen tersebut bertujuan menyediakan keselamatan kewangan untuk kakitangan awam yang telah bersara dengan membayar mereka pencen bulanan yang mewakili seperatusan daripada gaji layak terakhir mereka. Manfaat pencen bulanan tidak lagi disediakan kepada mana-mana kakitangan awam selepas tarikh tersebut tetapi liabiliti pencen dikekalkan untuk mereka yang menyertai perkhidmatan awam sebelum tarikh di atas dan perlu dibiayai. Penubuhan Dana Amanah Pencen bermatlamat membiayai liabiliti pencen pada tahun 1991 dengan bantuan pemberian geran sebanyak RM500 juta daripada Kerajaan.

KWAP ditubuhkan pada 1 Mac 2007 untuk menggantikan Dana Amanah Pencen yang lama dan menerima kadar minimum sebanyak 17.5% daripada gaji setiap kakitangan awam sebulan sebagai caruman daripada Kerajaan untuk membiayai liabiliti pencennya. Tidak terdapat caruman langsung daripada kakitangan awam individu kerana ia ditakrifkan sebagai pelan faedah ditentukan. Objektif KWAP ialah menguruskan dana ke arah pencapaian pulangan optimum dari pelaburannya dan digunakan bagi membantu Kerajaan membiayai liabiliti pencennya.

(iii) **Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)**

LTAT ditubuhkan pada Ogos 1972 melalui Akta Parlimen. Tujuan utama LTAT ialah untuk menyediakan persaraan dan manfaat lain kepada ahli angkatan tentera (yang merupakan pencarum wajib) serta membolehkan pegawai dan ahli dari angkatan sukarela kerahan untuk menyertai skim simpanan. Objektif tambahan ialah menggalakkan pembangunan sosio-ekonomi serta menyediakan kebajikan dan manfaat lain kepada kakitangan angkatan tentera Malaysia yang akan bersara atau telah bersara.

Di bawah skim persaraan, ahli angkatan tentera yang berkhidmat perlu mencarum 10% daripada gaji bulanan kepada LTAT, dan Kerajaan, sebagai majikan, akan mencarum 15%.

(iv) **Skim persaraan tajaan Majikan**

Sesetengah majikan telah memilih untuk menyediakan pencen kepada kakitangan mereka sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat yang lebih luas serta untuk menggalakkan kesetiaan kakitangan. Pencen ini biasanya dibiayai oleh majikan di mana caruman adalah lebih tinggi daripada peratusan yang diperlukan oleh KWSP. Pelan ini perlu diluluskan dan adalah terletak di bawah seksyen 150 *Akta Cukai Pendapatan 1967* (Disemak-1971). Caruman oleh majikan ini (biasanya dikecualikan oleh cukai sehingga ke peratusan tertentu – pada masa kini hingga kadar maksimum 19%) diletak hak dengan

serta-merta tetapi hanya boleh dinikmati pada masa persaraan, sejajar dengan simpanan KWSP. Skim ini biasanya diuruskan secara dalaman, mempunyai lembaga pemegang amanah dengan peraturan pelaburan dan pengeluaran yang khusus, dan pembiayaannya dilakukan sepenuhnya atas budi bicara majikan. Skim ini hanya dibuka kepada kakitangan syarikat atau kumpulan syarikat. Seperti yang telah dinyatakan pada permulaan bab ini, ia merupakan pelan faedah tertentu bagi manfaat kakitangan dan bukan pelan caruman seperti PRS.

Skim persaraan tajaan majikan ini mesti ditubuhkan melalui satu surat ikatan amanah dan peraturan untuk dana. Kedua-dua ini perlu dinyatakan dengan jelas dan mesti memenuhi syarat-syarat yang ketat. Sebahagian daripada syarat-syarat tersebut ditetapkan seperti di bawah:

- mesti terdapat pengasingan dana, iaitu caruman yang dilakukan mesti diasingkan daripada pencarum dan dipegang oleh pihak ketiga yang merupakan lembaga pemegang amanah;
- bayaran untuk faedah persaraan hanya boleh dilakukan apabila pekerja mencapai umur persaraan 55 tahun, bersara awal disebabkan oleh penyakit, meninggal dunia atau meninggalkan Malaysia selama-lamanya; dan
- skim perlu mengikut polisi pelaburan yang telah ditetapkan oleh LHDN.

Kemungkinan kerugian yang dialami oleh skim ini semasa krisis ekonomi baru-baru ini serta kos tinggi pentadbiran skim sedemikian telah mengakibatkan ramai majikan memilih untuk memindahkan skim mereka ke KWSP.

(v) Anuiti

Dalam usaha menggalakkan lebih pendapatan persaraan, orang awam boleh mengambil kesempatan daripada insentif cukai di bawah undang-undang pencukaian untuk membeli anuiti yang disediakan oleh syarikat insurans. Anuiti ini ialah kontrak di mana penerima anuiti (individu yang membeli anuiti) menerima satu siri bayaran tetap pada tempoh berkala (biasanya setiap bulan) daripada syarikat insurans sehingga kematian penerima anuiti. Setiap bayaran anuiti mewakili pembayaran balik sebahagian daripada harga pembelian bersama faedah yang diperolehi.

Harga pembelian boleh dilakukan sekaligus (bayaran sekaligus) atau biasanya dalam konteks simpanan untuk persaraan, dibayar secara



bulanan/tahunan sepanjang tempoh bekerja seseorang individu. Caruman mesti diteruskan sehingga harga anuiti dibayar. Jika tidak, anuiti mungkin tidak memberi penerima anuiti bayaran yang diinginkan (lagi pun, anuiti berfungsi berdasarkan caruman keseluruhan dan penamatan caruman akan menjejaskan cara fungsinya) pada persaraan. Jika anuiti dibatalkan, penerima anuiti mungkin akan menerima caruman selepas ditolak bayaran pentadbiran dan bayaran lain, dan individu tersebut perlu memulakan bayaran sekali lagi jika beliau ingin membeli anuiti yang lain kemudian.

(vi) **Kesimpulan**

Landskap persaraan semasa di Malaysia tidak mampu menangani keperluan pesara Malaysia sepenuhnya. Walaupun teras kedua simpanan wajib telah menyediakan dasar untuk perancangan persaraan, ianya tidak mencukupi bagi mengekalkan gaya hidup selesa selepas persaraan jika bergantung semata-mata padanya.

Teras keempat, iaitu amalan tradisional yang bergantung pada generasi muda untuk menjaga warga emas. Ianya hanya akan berjaya dalam sebuah masyarakat jika terdapat bilangan ramai yang menjaga golongan yang kecil. Dengan populasi yang meningkat tua seperti Malaysia, bilangan warga emas akan bertambah dengan mendadak dan beban ke atas golongan generasi muda yang kecil akan menjadi sangat berat. Oleh itu, dorongan untuk mencari suatu penyelesaian mampu diri perlu diwujudkan.

Maka, terdapat keperluan untuk membangunkan teras ketiga, iaitu simpanan secara sukarela. Inisiatif kerajaan menggalakkan PRS melalui insentif cukai dengan menggariskan kepentingan dan betapa mustahaknya mendapatkan pertimbangan penduduk mengenai keperluan persaraan mereka. Dengan tumpuan negara yang memberi lebih penekanan pada simpanan sukarela, PRS merupakan platform untuk memulakan inisiatif ini dengan menyediakan satu penyelesaian yang menyeluruh, fleksibel dan khusus untuk seseorang individu.

## **1.2 Objektif dan manfaat PRS**

### **(a) Keperluan untuk perlindungan persaraan**

Seperti negara yang lain di dunia, Malaysia juga pada tahun-tahun akan datang, akan mengalami peningkatan populasi penduduk lanjut usia.

	Populasi penduduk berumur 55 tahun ke atas
1980	8%
2030 (dijangka)	15%

	Jangka hayat lelaki	Jangka hayat perempuan
1950s	56 years	58 years
2010	72 years	77 years
2020 (expected)	74 years	79 years

Risiko kelanjutan usia memberikan cabaran hebat kepada kecukupan simpanan bagi persaraan. Ini diburukkan lagi oleh kehabisan simpanan persaraan pramatang pada awal tempoh persaraan, memandangkan amalan lazim mengeluarkan jumlah sekaligus daripada caruman KWSP pada umur 55 dan desakan untuk meneruskan gaya hidup sedia ada selepas persaraan. Ini sudah tentu memerlukan jumlah simpanan keseluruhan yang lebih tinggi bagi menangani pembiayaan gaya hidup seseorang dalam fasa persaraan.

Tambahan pula, terdapat bukti statistik yang mencadangkan bahawa jumlah simpanan semasa di bawah KWSP dan skim lain di bawah “teras kedua” yang wajib tidak mencukupi untuk seorang pesara bertahan sepanjang persaraan mereka (dengan sesetengah kajian menunjukkan bahawa ramai kehabisan wang dalam tempoh 10 tahun persaraan mereka). Lebih-lebih lagi apabila pencarum bergantung sepenuhnya pada simpanan KWSP sebagai pendapatan persaraan tunggal dan tidak terdapat sumber simpanan alternatif bagi menambahkan pendapatan.

Untuk menangani masalah ini, terdapat empat kemungkinan penyelesaian.

Pertama, Malaysia sedang menerokai sama ada untuk meningkatkan umur persaraan wajib yang akan memberi tempoh lebih panjang bagi pekerja mengumpulkan simpanan. Selain itu, penduduk kini lebih sihat dengan kemajuan perubatan dan boleh bekerja secara produktif sehingga umur yang lebih tua.

Kedua, meningkatkan kadar caruman wajib di bawah “teras kedua”. Ini bukan merupakan keadaan yang sempurna kerana ia meletakkan beban yang tidak diperlukan ke atas majikan, meningkatkan kos melakukan perniagaan dan boleh menjadikan Malaysia tidak kompetitif dalam usaha menarik dan mengekalkan bakat. Tambahan pula, penyelesaian ini tidak menyeluruh kerana hanya pekerja yang dilindungi oleh KWSP atau skim “teras kedua” lain akan meraih manfaat.

Ketiga, ia boleh mempertimbangkan kenaikan gaji minimum di masa hadapan jika produktiviti membenarkan pekerja meraih manfaat daripada tahap gaji yang lebih tinggi dengan mencarum melalui KWSP yang diwajibkan dan skim sukarela lain.

Akhir sekali, ia boleh membangunkan skim persaraan sukarela di bawah “teras ketiga” untuk memperluaskan pilihan skim persaraan, dan liputan secara sukarela kepada semua segmen penduduk dan meningkatkan kecukupan simpanan persaraan secara keseluruhan. Dengan sistem pencen berbilang teras, negara akan memenuhi pelbagai keperluan persaraan masyarakat Malaysia dan berupaya menangani risiko ekonomi, demografi dan politik yang dihadapi oleh sistem pencen. Pelaksanaan PRS adalah di bawah penyelesaian ini.

**(b) Manfaat rangka kerja PRS**

PRS dapat menangani isu liputan dengan membantu mereka yang masih belum menabung di bawah KWSP, terutamanya bagi mereka yang bekerja sendiri. Kecukupan simpanan persaraan juga ditangani melalui simpanan tambahan melalui Skim PRS. Caruman tambahan atau sukarela oleh majikan memberi satu lagi penyelesaian untuk kecukupan. Akhir sekali, potongan bulanan adalah amat sesuai bagi PRS. Seseorang individu yang mendapat gaji asas melebihi RM4,500 hanya perlu menabung jumlah tambahan RM250 sebulan untuk menikmati pelepasan cukai penuh.

**(i) PRS ialah instrumen pelaburan yang telus**

Skim ini secara amnya adalah instrumen pelaburan yang telus di mana maklumat berikut didedahkan terlebih dahulu:

- semua yuran dan bayaran (langsung dan tidak langsung);
- mandat pelaburan termasuk objektif pelaburan dan strategi, had pelaburan dan peruntukan aset;
- prestasi dana; dan
- pengeluaran laporan tahunan serta pilihan Penyedia PRS dan dana PRS dalam setiap skim.

Sebarang perubahan dalam objektif pelaburan atau yuran memerlukan kelulusan ahli PRS sementara perubahan lain yang kurang penting memerlukan pengemukaan dokumen pendedahan tambahan. Ciri kemudahan PRS menyokong ketelusan kerana ahli memerlukan maklumat bagi melakukan keputusan sediamaklum untuk menukar Penyedia PRS.

(ii) **Menyediakan kumpulan dana untuk membiayai pesara semasa fasa persaraan**

Usaha menyeluruh dan terangkum ini akan menggalakkan rakyat Malaysia untuk lebih menabung demi persaraan mereka supaya menjadi pesara yang berupaya membiayai diri sendiri. Tambahan pula, rangka kerja PRS akan memberikan individu fleksibiliti untuk memilih daripada pelbagai penyedia dan dana yang disediakan. PRS adalah mudah alih di mana caruman yang dilakukan dan diakru kepada ahli PRS boleh dipindah kepada penyedia lain. Ciri kemudahalihan ini (yang kami akan bincangkan di bawah Bab 4 Ciri-ciri PRS) juga menggalakkan prestasi baik yang akan memanfaatkan peserta PRS. Dalam jangka masa panjang, ia dapat menghasilkan pulangan jangka panjang yang lebih baik dan jumlah yang lebih tinggi untuk simpanan tersedia pada masa persaraan, dengan syarat pelaburan dalam dana mencapai prestasi seperti yang dijangka.

Jika pesara berjaya mengumpul simpanan yang mencukupi (kedua-dua melalui caruman dan prestasi pelaburan) dalam PRS semasa fasa pekerjaan/simpanan pesara, pulangan tahunan PRS semasa fasa persaraan kemudiannya akan membolehkan pesara menambahkan sebahagian daripada perbelanjaan sara hidup ketika persaraan. Ditambahkan dengan pengeluaran daripada kekayaan terkumpul (simpanan KWSP) dan pendapatan lain (contohnya, elaun daripada anak, faedah daripada simpanan), pesara akan berupaya hidup dalam gaya hidup yang selesa.

(iii) **Sumber tambahan dana jangka panjang untuk pertumbuhan ekonomi**

Di samping mengekalkan matlamat utama meningkatkan simpanan persaraan individu untuk membiayai keperluan persaraan pada usia lanjut mereka, PRS mempunyai kelebihan sampingan yang memanfaatkan simpanan rakyat Malaysia yang, menurut Bank Dunia, mempunyai kadar simpanan yang tinggi. Simpanan yang dibebaskan boleh disalurkan bagi mewujudkan aliran dana yang baru dan mampan untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi dan khususnya dalam mengembangkan pasaran modal. Ini membantu ahli secara langsung kerana pertumbuhan yang rancak dalam pasaran modal boleh menarik pengurus dana berbakat yang akan menguruskan PRS dengan berkesan bagi membantu ahli mencapai sasaran pulangan jangka panjangnya. Pertumbuhan mantap dalam sektor kewangan juga tidak akan ditinggalkan dan akan melimpah ke sektor lain dan sejurusnya meningkatkan tahap gaji serta kualiti hidup. Apabila ahli membantu pasaran modal, mereka sebenarnya membantu diri sendiri dalam kitaran yang harmoni.

(iv) **Manfaat kepada pasaran modal Malaysia**

Aliran dana yang dikekalkan daripada PRS akan meningkatkan kerancangan pasaran modal dan menghasilkan manfaat, termasuk:

- meningkatkan inovasi produk dan persaingan;
- menambahkan aktiviti dan set kemahiran perantara; dan
- membina industri pengurusan dana secara berskala.

(v) **Mengurangkan beban kewangan Kerajaan**

PRS yang rancak dan skim “teras ketiga” lain yang dipandu oleh pendekatan pelbagai teras Bank Dunia akan mengurangkan keperluan untuk Kerajaan menyediakan jaringan keselamatan sosial untuk penduduk yang berada dalam fasa persaraan.

(c) **Pengalaman “Teras ketiga” di negara lain**

PRS ialah satu contoh “teras ketiga” di bawah rangka kerja Bank Dunia. Skim teras ketiga ini membantu ahli menabung dengan lebih banyak secara sukarela untuk keperluan persaraan sendiri mereka. Terdapat pelbagai pelaksanaan skim “teras ketiga” tetapi pada amnya, isu populasi lanjut usia dan persaraan mampan perlu ditangani dengan serta-merta. Kebanyakan kerajaan di seluruh dunia sedang melaksanakan perkara tersebut.

Beberapa contoh skim yang dilaksanakan adalah:

**KiwiSaver di New Zealand**

Skim ini bermula sebagai skim simpanan jangka panjang sukarela yang diperkenalkan pada Julai 2007. Ia bertujuan untuk meningkatkan kadar simpanan yang rendah. Peserta pekerja boleh memilih untuk mencarum sebanyak 2%, 4% atau 8% daripada gaji kasar mereka dan mempunyai lebih fleksibiliti untuk menukar kadar caruman atau penyedia skim. Mereka yang bekerja sendiri boleh memilih seberapa banyak yang mereka ingin mencarum. Pelbagai manfaat cukai disediakan untuk skim bagi menggalakkan penyertaan. Terdapat 1.6 juta KiwiSavers pada Jun 2011 dengan jumlah caruman sebanyak NZ\$1.6 bilion.

### Skim persaraan tambahan di Singapura

Skim persaraan tambahan (Supplementary Retirement Scheme “SRS”) ialah sebahagian daripada strategi pelbagai pendekatan Kerajaan Singapura untuk menangani keperluan kewangan populasi yang lanjut usia. Caruman kepada SRS adalah secara sukarela dan layak untuk pelepasan cukai. Pulangan pelaburan adalah bebas daripada cukai terkumpul dan hanya 50% daripada pengeluaran dari SRS pada masa persaraan akan dikenakan cukai. Had caruman SRS tahunan (kini pada S\$12,750 untuk warga Singapura dan pemastautin tetap dan S\$29,750 untuk warga asing) tertakluk kepada penyemakan. Pada 31 Disember 2010, jumlah caruman SRS mencecah S\$2.49 bilion.

## SOALAN LATIHAN

---

### Soalan 1

Dalam konteks Rangka kerja Konseptual Pencen Bank Dunia, PRS jatuh di bawah

- (A) "teras pertama"
- (B) "teras kedua"
- (C) "teras ketiga"
- (D) "teras keempat"

[Jawapan: C]

### Soalan 2

Apakah antara manfaat yang dinyatakan dalam PRS?

- (i) Mengurangkan keperluan rakyat Malaysia untuk melabur dalam unit amanah
  - (ii) Sumber tambahan untuk modal jangka panjang bagi pertumbuhan ekonomi
  - (iii) Meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia pada persaraan mereka
  - (iv) Meningkatkan beban fiskal Kerajaan untuk menyediakan jaringan keselamatan sosial
- (A) (i) dan (iv) sahaja
  - (B) (i) dan (iii) sahaja
  - (C) (ii) dan (iii) sahaja
  - (D) (ii), (iii) dan (iv) sahaja

[Jawapan: C]

### Soalan 3

Yang manakah antara kenyataan berikut BENAR berhubung dengan PRS?

- (i) Dimandatkan oleh undang-undang
- (ii) Ia adalah skim pencen sukarela
- (iii) Ia adalah plan faedah ditentukan
- (iv) Ia adalah pelan caruman ditentukan

- (A) (i) dan (iii) sahaja
- (B) (i) dan (iv) sahaja
- (C) (ii) dan (iii) sahaja
- (D) (ii) dan (iv) sahaja

[Jawapan: D]



## BAB 2

### RANGKA KERJA KAWAL SELIA

---

#### Objektif pembelajaran

SC telah membangunkan rangka kerja kawal selia dan pengawalan untuk industri PRS. Reka bentuk keseluruhan rangka kerja kawal selia ini termasuklah undang-undang, peraturan dan garis panduan, adalah selaras dengan amalan terbaik dan akan membina keyakinan dalam industri PRS.

Di bawah rangka kerja kawal selia yang dinyatakan dalam *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007* (CMSA), SC diberi kuasa untuk mengawal, melulus dan menyelia komponen berikut dalam industri PRS:

- Pentadbir PRS;
- Penyedia PRS;
- Skim;
- Pemegang amanah kepada PRS (Pemegang Amanah Skim); dan
- Pemegang amanah kepada skim persaraan tajaan majikan (Pemegang Amanah Majikan).


Di akhir bab ini, anda sepatutnya dapat–

- menghuraikan rangka kerja kawal selia industri PRS;
- menyenaraikan undang-undang, peraturan dan garis panduan berlainan yang mentadbir industri PRS;
- menghuraikan peranan SC dalam industri PRS;
- menghuraikan peranan Penyedia PRS, Pengedar dan Perunding PRS, dan Pentadbir PPA dalam rangka kerja;
- mengiktiraf keperluan untuk PPA mengekalkan keselamatan dan kerahsiaan maklumat;
- mengingatkan kembali penalti untuk kegagalan melaksanakan tugas bagi menyimpan kerahsiaan maklumat ahli; dan
- menyenaraikan fungsi PPA.

## 2.1 Pengenalan

Rangka kerja PRS yang diperkenalkan adalah hasil cadangan yang dibuat oleh SC kepada Kerajaan bagi mempercepatkan pembangunan industri persaraan swasta di Malaysia.

Ini menunjukkan bahawa industri PRS yang mantap perlu disokong oleh struktur pengawalseliaan yang kukuh. Objektif pengawalan ini adalah untuk memastikan industri PRS berjalan lancar dengan menggalakkan kestabilan sistem dan melindungi ahli serta pewaris melalui suatu keperluan perlindungan yang berhemat. Untuk mencapai matlamat ini, SC telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan kuasa serta sumber yang mencukupi untuk mengawal, menyelia serta menguatkuasakan peraturan ke atas industri PRS.



## 2.2 Peranan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) ke atas industri PRS

### (a) Am

SC diberi kuasa oleh undang-undang untuk mengawal dan menyelia industri PRS. Ini merangkumi Skim, Penyedia PRS, Pengedar dan Perunding PRS, Pemegang Amanah Skim, Pemegang Amanah Majikan dan Pentadbir PRS yang dikenali sebagai PPA.

Berhubung dengan ini, CMSA, Kawal Selia PRS dan Garis Panduan PRS bertujuan menyediakan kawal selia yang melindungi keselamatan simpanan dalam rangka kerja PRS, dan menjaga kepentingan pencarum PRS. SC boleh mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah undang-undang sekuriti jika garis panduan ini gagal dipatuhi.

### **(b) Membangunkan industri pencen swasta**

Diberi tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Kerajaan, SC membangunkan PRS sebagai sebahagian daripada landskap pencen swasta di Malaysia dalam—

- (i) menyediakan industri PRS yang dikawal selia dan diselia dengan baik;
- (ii) menyediakan pilihan dan fleksibiliti kepada ahli dalam usaha mereka untuk menabung demi persaraan;
- (iii) membina kepercayaan dan keyakinan dalam industri PRS dan rangka kerjanya;
- (iv) memudahkan rangka kerja pencen swasta yang berkesan kos; dan
- (v) melindungi kepentingan ahli melalui garis panduan operasi yang berhemat.

### **2.3 Perundangan, peraturan dan garis panduan yang berkaitan**

Pada 5 April 2012, rangka kerja kawal selia industri PRS dinyatakan seperti berikut:

- *Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007 (CMSA);*
- *Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Industri Skim Persaraan Swasta) 2012 (Kawal Selia PRS); dan*
- Garis Panduan baru yang dikeluarkan oleh SC merangkumi:
  - *Syarat-syarat Kelayakan untuk Penyedia PRS; dan*
  - *Garis panduan untuk Skim Persaraan Swasta (Garis Panduan PRS).*

Rangka kerja kawal selia yang dibangunkan oleh SC bertujuan untuk memastikan bahawa industri PRS dikendalikan dalam keadaan yang selamat dan terjamin di mana orang awam mempunyai keyakinan penuh untuk menyumbang dan menabung secara sukarela bagi keperluan persaraan mereka.

**(a) Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007 (CMSA)**

CMSA menetapkan keperluan undang-undang untuk Penyedia PRS, PRS, Pemegang Amanah Skim, Pemegang Amanah Majikan dan Pentadbir PRS. PPA bertujuan untuk melaksanakan tugas dan fungsi Pentadbir PRS yang diluluskan berdasarkan CMSA.

Kuasa dan kewibawaan SC sebagai pengawal selia industri PRS dinyatakan dengan jelas dalam pindaan terkini CMSA. Pindaan ini yang berkuatkuasa pada 3 Oktober 2011 memperkenalkan Bahagian IIIA yang baharu dengan menyatakan peruntukan undang-undang yang berkenaan dalam industri PRS. Peruntukan di bawah CMSA dibahagikan seperti berikut:

- (i) Bahagian 1 bertajuk Pendahuluan;
- (ii) Bahagian 2 mengenai PRS yang merangkumi sub-bahagian tentang pentadbir PRS, Penyedia PRS, Pemegang Amanah PRS dan Skim;
- (iii) Bahagian 3 mengenai Pemegang Amanah bagi skim persaraan tajaan majikan; dan
- (iv) Bahagian 4 bertajuk Am.

Beberapa syarat yang disediakan adalah seperti berikut:

- (i) Wang yang diterima daripada ahli disimpan dalam akaun amanah;
- (ii) Peletakan hak untuk caruman yang dilakukan oleh ahli sebagai faedah terakru yang layak diterima oleh ahli; dan
- (iii) Pengkalan faedah terakru untuk ahlinya.

**(b) Kawal Selia PRS**

Rangka kerja kawal selia yang dinyatakan dalam CMSA memberi kuasa kepada SC, dengan kelulusan Menteri, untuk menggubal peraturan ke atas semua perkara berhubung dengan PRS, Pentadbir PRS, Penyedia PRS, Pemegang Amanah Skim dan Pemegang Amanah Majikan. Peraturan juga menentukan piawaian dan tingkah laku peserta yang diluluskan yang terlibat dalam industri baharu ini.

Kawal Selia PRS yang berkuat kuasa pada 19 Mac 2012 bermatlamat untuk melengkapi pengendalian Bahagian IIIA baharu pada industri PRS dalam CMSA. Peruntukan utama dalam Kawal Selia PRS termasuk—

- (i) Syarat untuk pendaftaran, penyerahan surat ikatan, dokumen pendedahan dan Lembaran Penerangan Produk;

- (ii) Tugas dan tanggungjawab Penyedia PRS, Pemegang Amanah Skim dan Pemegang Amanah Majikan;
- (iii) Ganti rugi dan penggantian Pemegang Amanah Skim;
- (iv) Kuasa mahkamah dalam keadaan khusus; dan
- (v) Syarat berhubung dengan pengekalan senarai pendaftaran ahli, hak berkaitan dengan ahli yang telah meninggal dunia, mesyuarat ahli dan kelulusan terlebih dahulu dari SC untuk penggulungan sesuatu Skim.

### (c) Syarat kelayakan

Kriteria utama dalam penilaian permohonan untuk kelulusan sebagai Penyedia PRS adalah berdasarkan pada pematuhan kepada *Syarat Kelayakan untuk Penyedia Skim Persaraan Swasta* (Garis Panduan Kelayakan). Garis Panduan Kelayakan menyatakan jangkaan dan syarat yang perlu dipenuhi oleh seorang pemohon. Penggalakan tadbir urus yang tinggi dibuktikan oleh syarat kelayakan yang ketat (contohnya kepakaran berkaitan dalam pengurusan dana dan rekod prestasi yang baik) dan syarat pengendalian (contohnya modal, had pelaburan, pengurusan tadbir urus dan risiko) yang diperlukan daripada Penyedia PRS di bawah Garis Panduan Kelayakan.

Berhubung dengan ini, pemohon juga perlu menggariskan model perniagaan mereka dalam penyediaan PRS. Ini termasuk pelbagai cadangan dana, yuran indikatif dan struktur bayaran serta kebolehan mereka memenuhi syarat pentadbiran khusus PRS, seperti keupayaan sumber, sistem dan proses, serta perkhidmatan kepada ahli. Faktor kualitatif seperti struktur tadbir urus, reputasi dan kedudukan profesional, serta rekod prestasi yang baik dan komitmen untuk mengembangkan industri PRS mesti juga dipertimbangkan.

### (d) Garis Panduan PRS

Garis Panduan PRS yang dikeluarkan oleh SC selaras dengan seksyen 377 CMSA menetapkan syarat operasi untuk PRS, Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim. Garis Panduan PRS selanjutnya menjelaskan secara terperinci syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh Penyedia PRS untuk menubuh, menyedia sesuatu Skim atau mengemukakan diri sebagai pihak yang menubuh, menawar atau menyediakan sesuatu Skim serta syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh Pemegang Amanah. Garis Panduan PRS bertujuan untuk menyediakan persekitaran kawal selia yang akan melindungi keselamatan simpanan dalam rangka kerja PRS dan menjaga kepentingan pencarum Skim.

SC diberi kuasa di bawah seksyen 92A(1) CMSA untuk menentukan maklumat yang diberi kepada seseorang individu yang melakukan caruman kepada PRS. Peraturan 7 dalam Kawal Selia PRS menyatakan selanjutnya bahawa seseorang tidak boleh mengeluarkan, menyebarkan atau mengedar apa-apa borang

permohonan untuk caruman kepada PRS tanpa berdaftar atau menyerahkan dokumen pendedahan kepada SC yang mengandungi maklumat yang dinyatakan dalam Garis Panduan PRS.

### **(e) Garis panduan lain yang digunakan**

Di mana Penyedia PRS menjalankan sebarang aktiviti yang dikawal selia seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 CMSA, Penyedia PRS mestilah merupakan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk melaksanakan aktiviti pengurusan dana yang dikawal selia, dan mesti mengikut dan mematuhi garis panduan berkenaan yang dikeluarkan oleh SC untuk pemegang lesen, termasuk–

- (i) *Buku Panduan Pelesenan SC*; dan
- (ii) *Garis Panduan Fungsi Pematuhan untuk Syarikat Pengurusan Dana*.

Penyedia PRS boleh menyumberluarkan fungsi pejabat pentadbirannya kepada pihak luar. Berhubung dengan ini, Penyedia PRS mesti mematuhi dan memastikan pematuhan syarat-syarat dalam *Garis Panduan Penyumberluaran bagi Perantara Pasaran Modal* yang dikeluarkan oleh SC.

## **2.4 Komponen utama rangka kerja**

### **(a) Penyedia PRS**

Di bawah seksyen 139P CMSA, hanya Penyedia PRS yang diluluskan akan dibenarkan untuk menyediakan PRS (dan dana persaraan di bawah Skim) kepada orang awam. Seksyen 139Q CMSA menyatakan bahawa permohonan untuk kelulusan sebagai Penyedia PRS boleh dilakukan dalam cara dan bentuk sedemikian yang mungkin ditentukan oleh SC. Dalam meluluskan permohonan, SC mungkin mengenakan syarat-syarat atau sekatan yang ia anggap sesuai (seksyen 139Q(3) CMSA).

Untuk melayakkan diri sebagai Penyedia PRS, pemohon, antara lain, mesti memegang atau memohon untuk memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk aktiviti pengurusan dana yang dikawal selia.

Penyedia PRS diluluskan oleh SC untuk menubuh atau menyediakan PRS dan menawarkan Skim tersebut kepada masyarakat yang melabur termasuk majikan. Penyedia PRS akan mengurus dan mentadbirkan dana di bawah Skim menurut surat ikatan dan dokumen pendedahan. Penyedia PRS bertanggungjawab kepada ahli PRS untuk mematuhi standard integriti yang tinggi dan mengurus pentadbiran PRS dan dana dengan wajar demi kepentingan ahli Skim.

Kawal Selia PRS juga memberi kepastian dan mengukuhkan peranan utama Penyedia PRS. Tugas utama Penyedia PRS di bawah Peraturan 10 termasuk:

- (i) Melaksanakan kuasa Penyedia PRS untuk tujuan yang wajar dan jujur, demi kepentingan ahli secara keseluruhan;
- (ii) Melaksanakan tahap ketelitian dan ketekunan yang akan diamalkan oleh seseorang individu yang munasabah jika beliau berada dalam kedudukan Penyedia PRS;
- (iii) Menjalankan fungsi Penyedia PRS dan mengurus serta mengendalikan PRS selaras dengan CMSA, Kawal Selia PRS dan apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh SC dan surat ikatan;
- (iv) Memberi keutamaan kepada kepentingan ahli jika berlaku percanggahan;
- (v) Menyimpan serta menyediakan rekod lengkap dan tepat untuk semua maklumat kepada Pemegang Amanah Skim dan juruaudit serta surat ikatan untuk orang awam;
- (vi) Tidak bertindak sebagai prinsipal dalam penjualan dan pembelian sekuriti, hartanah dan aset kepada dan daripada PRS kecuali ditetapkan sebaliknya oleh SC; dan
- (vii) Tidak melakukan pelaburan di mana ia mungkin mempunyai kepentingan kewangan atau meraih manfaat tanpa kelulusan Pemegang Amanah Skim.

Teras utama tugasnya adalah pengendalian yang betul untuk Skim dan dilaksanakan untuk kepentingan ahlinya. Penyedia PRS menjalankan fungsi utama dari segi penerimaan caruman, pemprosesan transaksi oleh ahli dan pengurusan dana dalam Skim.

Tugas lanjutan yang dinyatakan melalui Peraturan 11 ialah mengenai tanggungjawab Penyedia PRS untuk menyediakan dan menghantar laporan tahunan PRS kepada SC dan semua ahli. Peraturan ini juga memberi jangka masa di mana laporan tahunan sedemikian mesti dihantar kepada ahli dan ia mesti disediakan tanpa sebarang bayaran kepada ahli. Penyedia PRS juga dibenarkan untuk mengenakan jumlah bayaran yang wajar bagi salinan tambahan yang diminta oleh ahli.

## **(b) Pengedar dan Perunding PRS**

Pengedar PRS akan diberi lesen bagi aktiviti kawal selia baharu untuk berurusan dalam PRS di bawah Jadual 2 CMSA atau termasuk dalam kategori individu berdaftar di bawah Jadual 4 CMSA. Wakil Pengedar PRS yang dirujuk sebagai Perunding PRS mesti berdaftar dengan FIMM.

Prinsip dasar ialah untuk memastikan semua Perunding PRS memperoleh sekurang-kurangnya minimum standard pengetahuan yang diperlukan oleh industri PRS. Perunding PRS menemui ahli berpotensi dan majikan yang biasanya merupakan titik hubungan pertama untuk ahli. Perunding PRS dipertanggungjawabkan kepada ahli dan ahli berpotensi PRS untuk bertindak secara berintegriti dengan profesionalisme yang tinggi. Tugas Perunding PRS disenaraikan dalam Bab 7 panduan pembelajaran ini dan ia merangkumi–

- (i) bertindak dengan jujur, berintegriti dan bermaruah serta mengendalikan diri sendiri secara profesional dan beretika;
- (ii) melayan ahli dengan penuh hormat dan mendedahkan sepenuhnya semua maklumat yang berkaitan kepada ahli untuk melakukan keputusan pelaburan termaklum; dan
- (iii) tidak menyalah nyata PRS, dana atau prestasi lampau dana ketika memasarkan PRS.

### **(c) PPA**

Penubuhan PPA adalah komponen penting dalam landskap pencen swasta untuk meningkatkan kecekapan dan kemudahan ahli-ahli serta keberkesanan keseluruhan pentadbiran industri pencen swasta di Malaysia. PPA bertanggungjawab bagi memastikan penubuhan dan pengoperasian sistem pentadbiran yang cekap bagi keseluruhan industri pencen swasta di Malaysia. Secara keseluruhan, ia akan bertanggungjawab memudah dan mengekalkan semua transaksi berkaitan PRS yang dilakukan oleh pencarum dan ahli. PPA juga berfungsi sebagai pusat sumber data dan penyelidikan berhubung dengan industri PRS di Malaysia.

#### **(i) Tugas dan tanggungjawab**

PPA ialah sebuah institusi yang diluluskan oleh SC bertujuan melaksanakan fungsi pengekalan rekod, pentadbiran dan perkhidmatan pelanggan untuk ahli dan pencarum berhubung dengan caruman berkaitan dengan PRS.

Beberapa tugas khusus adalah seperti berikut–

- menerima dan menghantar arahan dalam cara yang ditentukan oleh SC;
- menyimpan rekod untuk semua transaksi atau wang yang dibayar atau diterima;
- menyediakan maklumat kepada Penyedia PRS dan ahli; dan
- tugas sedemikian yang mungkin ditetapkan oleh SC.



PPA mesti bertindak dalam memastikan kepentingan orang awam terjaga pada setiap masa terutamanya keperluan yang berkaitan dengan perlindungan ahli. PPA mesti memaklumkan SC dengan serta-merta jika terdapat keadaan bertentangan yang mungkin akan menjejaskan ahli. PPA juga tidak boleh mengenakan sebarang yuran atau bayaran pada Penyedia PRS atau ahli tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada SC. Terma rujukan atau peraturan operasinya juga memerlukan kelulusan terlebih dahulu daripada SC.

Tanggungjawab lain PPA termasuk menjalankan aktiviti promosi dan kesedaran am untuk PRS dan bertindak sebagai pusat sumber bagi data dan penyelidikan untuk industri PRS. PPA juga perlu memantau yuran yang dikenakan dan prestasi yang disediakan oleh Penyedia PRS yang berlainan.

Tugas dan tanggungjawab PPA tidak boleh diserahkan atau disumberluarkan tanpa kelulusan SC.

(ii) **Kelulusan terlebih dahulu untuk pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif serta kandungan ahli lembaga**

Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif PPA mesti diluluskan oleh SC.

Lembaga pengarah mesti terdiri daripada sekurang-kurangnya satu pertiga pengarah berkepentingan awam.

(iii) **Keperluan untuk mengekalkan keselamatan dan kesulitan maklumat**

- Tanggungjawab untuk mengambil langkah keselamatan wajar

PPA mesti mengambil semua langkah keselamatan sewajarnya bagi melindungi maklumat dan dokumen berhubung dengan ahli daripada sebarang akses, pengubahan, pendedahan dan penyebaran yang tidak dibenarkan. PPA mesti menyediakan infrastruktur pentadbiran dan langkah keselamatan yang diperlukan bagi melaksanakan tanggungjawab ini.

- Tanggungjawab untuk menyimpan kerahsiaan

PPA mempunyai akses kepada maklumat sulit dan peribadi serta dokumen berhubung dengan ahli PRS. PPA bertanggungjawab untuk tidak mendedahkan maklumat tersebut kepada mana-mana individu kecuali di bawah keadaan khusus yang dinyatakan di bawah seksyen 139N dan 139O CMSA.

Tanggungjawab ini amat penting dan individu yang gagal dalam tanggungjawab ini akan dikenakan denda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan untuk tempoh sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali. Ini adalah untuk meyakinkan orang awam bahawa privasi data mereka adalah amat penting.

(iv) **Fungsi PPA**

PPA bertanggungjawab melaksanakan fungsinya seperti berikut:

- Menerima maklumat pendaftaran daripada Penyedia PRS dan mengeluarkan nombor akaun pencen swasta sepanjang hayat kepada ahli;
- Mengekalkan pangkalan data untuk semua nombor akaun pencen swasta yang dikeluarkan dan transaksi berhubung dengan akaun setiap ahli;
- Menghantar maklumat ahli untuk mengemaskini butiran akaun, pemindahan antara Penyedia PRS dan pengeluaran wang;
- Mengeluarkan penyata akaun gabungan kepada semua ahli;
- Mengekalkan laman web yang memberi ahli akses dalam talian kepada akaun mereka, menghuraikan dengan terperinci Skim yang disediakan oleh setiap Penyedia PRS serta pendidikan/kedaran am;
- Mengendalikan pusat panggilan dan menguruskan aduan; dan
- Menjanakan laporan, termasuk laporan statistik dan pematuhan, mengenai pembangunan dalam industri PRS.

(v) **Akaun pencen swasta**

Akaun pencen swasta sepanjang hayat akan dibuka untuk ahli berpotensi oleh PPA dengan melengkapkan borang pembukaan yang diperlukan, membuat bayaran kecil dan menyediakan bukti pengenalan. Prosedur pembukaan akaun mungkin berlainan untuk transaksi dalam talian.

Selepas akaun dibuka, PPA akan menghantar surat atau e-mel kepada ahli yang mengandungi nama pengguna dan kata laluan yang unik untuk mengakses akaun mereka secara dalam talian di [www.ppa.my](http://www.ppa.my).

Akaun pencen swasta akan menunjukkan caruman yang dilakukan oleh ahli atau majikan sebagai pencarum kepada semua Penyedia PRS. Selain itu, setiap Penyedia PRS juga akan menguruskan akaun bagi setiap ahli Skimnya.

PPA akan menghantar penyata gabungan kepada ahli mengenai semua pegangan mereka, manakala Penyedia PRS akan menghantar penyata akaun kepada ahli yang melangani Skim mereka.

(vi) **Yuran dan bayaran yang terlibat**

Semua Penyedia PRS akan mengenakan bayaran yuran pada ahli untuk pengurusan pelaburan, kos pemegang amanah dan pentadbiran. Dokumen pendedahan akan menyatakan yuran yang dikenakan oleh mereka. Setiap ahli perlu merujuk kepada Penyedia PRS masing-masing untuk senarai lengkap yuran / bayaran yang terlibat.

PPA juga akan mengenakan yuran untuk pembukaan, kemudahan transaksi dan pengurusan akaun PPA bagi setiap ahli. Setiap yuran dan bayaran utama yang dikenakan bagi setiap Penyedia PRS dipaparkan dengan terperinci di dalam laman web PPA bagi tujuan perbandingan. Sebarang yuran yang dikenakan oleh PPA pada ahli atau pencarum boleh dikumpulkan oleh Penyedia PRS yang bertindak bagi pihak PPA.

(vii) **Menyemak pelaburan PRS mereka**

Ahli boleh menyemak pelaburan PRS mereka dengan PPA secara dalam talian atau menghubungi Penyedia PRS masing-masing mereka. Ahli akan menerima penyata pada dasar berkala dari Penyedia PRS dan penyata gabungan untuk pelaburan, termasuk caruman yang dipegang oleh setiap Penyedia PRS dari PPA.

## SOALAN LATIHAN

---

### Soalan 1

Berikut ialah tanggungjawab PPA, KECUALI:

- (A) menjalankan aktiviti promosi dan kesedaran am untuk Skim
- (B) bertindak sebagai pusat sumber bagi data dan penyelidikan untuk industri PRS
- (C) memantau yuran yang dikenakan dan prestasi yang disediakan oleh Penyedia PRS yang berlainan
- (D) melantik Pemegang Amanah bagi setiap Skim

[Jawapan: D]

### Soalan 2

Manakah antara yang berikut memerlukan kelulusan SC?

- (i) Penyedia PRS
  - (ii) PRS
  - (iii) Perunding PRS
  - (iv) Pemegang Amanah Skim
- 
- (A) (iii) sahaja
  - (B) (i) dan (ii) sahaja
  - (C) (i), (ii) dan (iv) sahaja
  - (D) Semua di atas

[Jawapan: C]

### Soalan 3

Manakah yang berikut merupakan undang-undang, peraturan dan garis panduan berhubung dengan PRS?

- (i) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007
  - (ii) Kawal Selia Pasaran Modal & Perkhidmatan (Industri Skim Persaraan Swasta) 2012
  - (iii) Garis Panduan untuk PRS
  - (iv) Syarat-syarat Kelayakan untuk Penyedia PRS
- 
- (A) (i) sahaja
  - (B) (i) dan (ii) sahaja
  - (C) (ii), (iii) dan (iv) sahaja
  - (D) Semua di atas

[Jawapan: D]



## BAB 3

### **PENYEDIA SKIM PERSARAAN SWASTA (PRS)**

---

#### **Objektif pembelajaran**

Hanya Penyedia PRS yang telah diluluskan oleh SC boleh menubuh, menawar atau menyediakan PRS atau bertindak untuk menubuh, menawar atau menyediakan PRS.

Di akhir bab ini, anda sepatutnya dapat:

- menyenaraikan kriteria kelayakan dan pemilihan bagi Penyedia PRS;
- menghuraikan tugas dan tanggungjawab Penyedia PRS secara terperinci;
- menyenaraikan kakitangan utama Penyedia PRS dan peranan mereka; dan
- menjelaskan prosedur operasi berhubung dengan—
  - pendaftaran ahli;
  - “hak tempoh bertenang”;
  - sebarang percanggahan kepentingan;
  - rebat dan komisen ringan;
  - penelitian oleh ahli;
  - mesyuarat ahli;
  - jawatankuasa pelaburan;
  - jawatankuasa audit;
  - penasihat Syariah; dan
  - panel penasihat.

### 3.1 Kelulusan

Penyedia PRS mesti diluluskan oleh SC.

#### (a) Kriteria kelayakan

Untuk layak sebagai Penyedia PRS, perkara berikut perlu dipatuhi–

- (i) merupakan perantara kewangan sedia ada atau syarikat induk atau pegangan sesebuah perantara kewangan sedia ada;
- (ii) mempunyai pengalaman berkaitan dalam pengendalian dan pentadbiran dana runcit atau pencen atau perniagaan insurans nyawa;
- (iii) memenuhi modal berbayar minimum sebanyak RM5 juta dan syarat dana pemegang saham sebanyak RM20 juta yang mesti dikekalkan pada setiap masa;
- (iv) mempunyai tadbir urus korporat yang baik dari segi ketelusan pelaporan, tanggungjawab dan bidang kuasa dalam struktur organisasi, dengan lembaga pengarah Penyedia PRS yang merupakan individu layak dan sesuai dengan kepakaran, pengalaman dan kecekapan berkaitan untuk melaksanakan peranan mereka dalam syarikat; dan
- (v) menubuhkan satu sistem pematuhan komprehensif dan pengurusan risiko termasuk rangka kerja audit dalaman, rangka kerja pengurusan risiko, rangka kerja pematuhan dan pelan kesinambungan perniagaan.

Tambahan pula, Penyedia PRS dengan operasi perniagaan semasa mesti menunjukkan bahawa terdapat dasar-dasar yang mencukupi untuk menguruskan sebarang percanggahan kepentingan antara perniagaan PRS dan operasi semasanya.

#### (b) Kriteria Pemilihan

##### (i) Rekod prestasi

Rekod prestasi yang mantap dalam industri pengurusan dana merupakan kriteria penting dalam pemilihan. Penyedia PRS boleh menunjukkan rekod prestasinya dengan–

- mempunyai pengalaman berkaitan dengan pengurusan dana, pengurusan dana pencen atau pelaburan insurans nyawa;
- mempunyai aset di bawah pengurusan sebanyak RM1 bilion (atau setara dalam matawang asing) setiap tahun untuk tiga tahun terakhir berturut-turut; dan



- mempunyai kakitangan utama yang berpengalaman selama sekurang-kurangnya tiga tahun dalam bidang pelaburan berkaitan dengan dana skim yang dicadangkan dan berpengalaman selama 10 tahun dalam pengurusan dana di industri berkaitan.

**(ii) Keupayaan Pentadbiran**

Penyedia PRS perlu mempunyai sistem pentadbiran yang berkesan dan mampu menunjukkan keupayaan untuk–

- mengendalikan transaksi dalam jumlah yang besar;
- menguruskan baki akaun yang sedikit dan tidak aktif;
- berurusan dengan PPA dan sistem Penyedia PRS lain untuk memenuhi permintaan pelaburan ahli;
- mengendali dan menyelesaikan aduan;
- memastikan kerahsiaan; dan
- mengeluarkan laporan kepada ahli, Pemegang Amanah Skim, PPA dan SC.

### **3.2 Tugas dan tanggungjawab**

Selain daripada tugas dan tanggungjawab di bawah Peraturan 10, Penyedia PRS perlu mematuhi syarat-syarat di bawah Garis Panduan PRS dan garis panduan lain yang digunapakai.

**(a) Am**

**(i) Pengendalian Skim**

Penyedia PRS mesti mengendalikan PRS, mengurus dana di bawah PRS dan melaksanakan tanggungjawabnya, mengikut–

- surat ikatan dan dokumen pendedahan;
- Garis Panduan PRS;
- undang-undang keselamatan termasuk Kawal Selia PRS; dan
- amalan perniagaan terbaik yang dipatuhi dalam industri pengurusan pelaburan.

Penyedia PRS mesti–

- mematuhi standard integriti yang tinggi dan urus niaga wajar dalam mengendalikan PRS dan menguruskan dana demi kepentingan ahli;
- memastikan bahawa sifat-sifat dana dikenal pasti dengan jelas dan diasingkan daripada sifat-sifat lain Penyedia PRS; dan
- mematuhi sebarang tugas lain yang diberikan kepada Penyedia PRS oleh surat ikatan selagi ia tidak melanggar undang-undang dan peraturan sedia ada.

(ii) **Struktur organisasi yang mantap**

Bagi memastikan bahawa Penyedia PRS bersedia secukupnya untuk menjalankan perniagaan menguruskan Skim dalam cara yang sesuai dan cekap, Penyedia PRS mesti menubuhkan struktur organisasi yang mantap. Struktur organisasi mesti mempunyai–

- panduan tanggungjawab, kuasa dan laporan yang jelas;
- sistem pengurusan risiko dan pengawalan yang mantap;
- sumber manusia yang layak dan mencukupi; dan
- mempunyai sistem, prosedur dan proses yang mencukupi dan wajar.

(iii) **Kebertanggungjawaban kepada Pemegang Amanah Skim**

Penyedia PRS perlu bertanggungjawab kepada Pemegang Amanah Skim untuk sebarang kerugian yang dialami oleh dana disebabkan oleh pengurusan dan usaha yang tidak mencukupi dalam mengendalikan Skim dan menguruskan dana di bawah Skim.

(iv) **Pematuhan oleh pegawai dan wakil Penyedia PRS**

Penyedia PRS mesti memastikan bahawa pegawai dan wakilnya–

- tidak menggunakan maklumat yang diperoleh dalam proses memenuhi peranan mereka untuk meraih manfaat bagi diri mereka sendiri atau menyebabkan kerugian kepada ahli PRS;
- tidak menyalahgunakan kedudukan mereka untuk meraih manfaat bagi diri mereka sendiri atau menyebabkan kerugian kepada PRS;

- mematuhi sebarang tugas dan tanggungjawab yang ditentukan oleh undang-undang sekuriti; undang-undang amanah dan Garis Panduan PRS.

**(b) Tanggungjawab kepada PPA**

PPA ditubuhkan untuk bertindak sebagai pusat penyimpanan maklumat serta data ahli Skim dan meningkatkan kecekapan pentadbiran keseluruhan dalam industri PRS.

Bagi membolehkan PPA melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya di bawah seksyen 139H CMSA, Penyedia PRS mesti–

- menyediakan maklumat dan mematuhi keperluan laporan, dalam apa-apa cara dan kekerapan yang ditetapkan oleh PPA;
- memaklumkan PPA dalam masa yang ditetapkan apa-apa perubahan yang dilakukan pada Skim atau dana di bawah Skim atau dokumen pendedahan; dan
- memudahkan pembukaan akaun pencen swasta termasuk pengimbasan dan memuat naik borang serta maklumat berkaitan;
- mengambil semua langkah-langkah untuk mematuhi arahan yang diberi oleh PPA berhubung dengan permintaan ahli yang dilakukan kepada PPA untuk–
  - melakukan sebarang pengeluaran pra-persaraan daripada mana-mana dana di bawah PRS; atau
  - memindah wang ke Penyedia PRS lain.

**(c) Penilaian dan penentuan harga yang tepat**

Penyedia PRS mesti mengambil perlindungan yang sewajarnya bagi memastikan bahawa semua dana di bawah Skim dan setiap unit dana dinilai serta ditentukan harga dengan betul dan tidak meninggalkan apa-apa penentuan dalam harga boleh memberi akan manfaat kepada Penyedia PRS yang merugikan ahli PRS.

**(d) Transaksi bebas ikatan**

Penyedia PRS mesti melakukan semua transaksi untuk dana secara bebas (andaikan semua pihak adalah bebas dan pada kedudukan setara) dan memastikan bahawa ia tidak melaksanakan transaksi yang akan mengakibatkan dana mengalami kos atau risiko yang tidak diperlukan.

**(e) Perakaunan dan rekod berkenaan lain yang mencukupi**

Penyedia PRS mesti mengekalkan rekod yang mencukupi;

- bagi membolehkan peninjauan yang lengkap dan tepat untuk Skim dan dananya;
- bagi mematuhi surat ikatan, Garis Panduan PRS, sekuriti dan undang-undang berkenaan yang lain; dan
- bagi memastikan bahawa penyata kewangan Skim dan dananya memberi gambaran yang benar dan wajar mengenai kedudukan kewangan menurut standard perakaunan kedudukan setiap dana yang diluluskan pada akhir tempoh kewangan.

**(f) Pegangan unit oleh Penyedia PRS**

Penyedia PRS atau penamanya tidak boleh memegang apa-apa unit dalam dana di bawah Skim, melainkan apabila mematuhi permintaan ahli untuk membeli balik atau mewujudkan unit baru bagi memenuhi permintaan dijangka untuk unit daripada pencarum tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak—

- tiga juta unit setiap dana; atau
- 10% unit dana dalam pengedaran dana, yang mana lebih rendah.

**(g) Mengendalikan aduan**

Penyedia PRS mesti mewujudkan, mengekal dan melaksanakan polisi dan prosedur bertulis bagi memastikan bahawa aduan daripada ahli dikendalikan dengan tepat pada masa dan dalam cara yang wajar, dan memastikan bahawa aduan diselesaikan dengan memuaskan. Satu senarai pendaftaran aduan yang diterima serta sebarang tindakan yang diambil mesti diuruskan oleh Penyedia PRS.

**3.3 Lembaga pengarah dan kakitangan utama**

**(a) Komposisi ahli lembaga**

Lembaga pengarah Penyedia PRS terdiri daripada sekurang-kurangnya dua ahli bebas dan mesti mengekalkan nisbah minimum sekurang-kurangnya satu pertiga ahli bebas pada setiap masa. Tanggungjawab pengarah bebas ialah untuk melindungi kepentingan ahli PRS.

**(b) Kakitangan utama**

**(i) Ketua pegawai eksekutif**

Ketua pegawai eksekutif Penyedia PRS mesti merupakan pegawai sepenuh masa.

**(ii) Individu yang dilantik untuk bertanggungjawab dalam fungsi pengurusan dana**

Penyedia PRS mesti melantik seorang individu untuk bertanggungjawab terhadap fungsi pengurusan dana bagi setiap dana di bawah Skim dan individu ini boleh bertanggungjawab untuk lebih daripada satu dana.

**(iii) Pegawai pematuhan**

Pegawai pematuhan mesti memastikan pematuhan pada surat ikatan, dokumen pendedahan PRS, Garis Panduan PRS dan undang-undang sekuriti melalui laporan pendapat beliau kepada lembaga pengarah dan di mana wujud, jawatankuasa pematuhan. Jika Penyedia PRS mengendalikan sesuatu dana menurut prinsip Syariah, pegawai pematuhan mesti berpengetahuan dalam undang-undang dan prinsip Syariah.

Tugas pegawai pematuhan dinyatakan dalam Garis Panduan Fungsi Pematuhan untuk Syarikat Pengurusan Dana. Sebagai tambahan, pegawai pematuhan ditugaskan untuk–

- memantau dan menyelesaikan keadaan percanggahan kepentingan;
- memeriksa dan menyiasat ketaksekatan dalam operasi Penyedia PRS;
- bertanggungjawab ke atas buku panduan pematuhan dan kod tingkah laku bagi pekerja Penyedia PRS;
- memberi nasihat mengenai perkara berkenaan pematuhan dan pembangunan kawal selia; dan
- bertanggungjawab untuk latihan pematuhan Penyedia PRS.

(iv) **Fungsi audit dalaman**

Penyedia PRS mesti mengekalkan fungsi audit dalaman yang bebas bagi melaporkan kepada jawatankuasa audit mengenai kecukupan, kecekapan dan keberkesanan pengurusan risiko dan pengawalan dalaman Penyedia PRS.

### **3.4 Hal-hal operasi**

(a) **Pendaftaran ahli**

Penyedia PRS mesti mengekalkan senarai pendaftaran ahli yang terkini di pejabat berdaftar atau tempat utama perniagaan dan memastikan bahawa maklumat yang diperlukan di bawah peraturan 17 Kawal Selia PRS seperti berikut dimasukkan:

- Nama, alamat dan nombor kad pengenalan ahli;
- Bilangan unit yang dipegang oleh setiap ahli dalam setiap dana di bawah Skim;
- Tarikh di mana setiap ahli dimasukkan ke dalam senarai pendaftaran;
- Tarikh di mana seorang individu berhenti menjadi ahli; dan
- Apa-apa maklumat lain yang diperlukan oleh SC.

Selain daripada Peraturan 17, Penyedia PRS juga mesti memasukkan ke dalam senarai pendaftaran—

- nombor pasport ahli untuk ahli warga asing;
- di mana Penyedia PRS memegang unit dana dalam Skim, nama syarikat dan nombor pendaftaran; dan
- di mana unit dikeluarkan selaras dengan jadual letak hak, nama majikan sebagai ahli dan selanjutnya mengklasifikasikan unit tersebut sebagai letak hak atau letak hak bersyarat mengikut jadual letak hak.

Penyedia PRS juga mesti—

- menukar senarai pendaftaran setelah menerima notis bertulis untuk pertukaran nama dan alamat mana-mana ahli; dan
- menolak kemasukan nama bersama ke dalam senarai pendaftaran.

Jika terdapat percanggahan atau perselisihan, kemasukan dalam senarai pendaftaran ahli yang dikekalkan oleh Penyedia PRS akan mengatasi maklumat dalam akaun pencen swasta yang dikekalkan oleh PPA.

Penyedia PRS boleh memberi notis tidak kurang daripada 14 hari kepada SC dengan menutup senarai pendaftaran tetapi tiada bahagian senarai pendaftaran akan ditutup lebih daripada 30 hari dalam mana-mana tahun kalendar. Mana-mana ahli yang tidak berpuas hati dengan tindakan tersebut mempunyai pilihan undang-undang untuk memperbetulkan senarai pendaftaran.

**(b) Hak bertenang**

Hak bertenang mesti diberi kepada ahli yang mencarum dengan PRS buat kali pertama. Setelah individu tersebut menjadi ahli PRS dan telah melaksanakan hak bertenang beliau, hak bertenang berhubung dengan Skim bagi caruman lain tidak lagi disediakan.

Ini memberi ahli (selain daripada kakitangan PRS dan mana-mana individu lain yang diluluskan untuk mengurus niaga dalam PRS) peluang mempertimbangkan keputusan untuk menyertai PRS. Tempoh hak bertenang tidak boleh kurang daripada enam hari perniagaan bermula daripada tarikh penerimaan permohonan PRS oleh Penyedia PRS. Pembayaran balik untuk pelaksanaan hak bertenang ialah harga pembelian unit dan sebarang bayaran yang dikenakan dengan pembelian. Semua wang pembayaran mesti dipulangkan kepada ahli seolah-olah individu tersebut tidak pernah menyumbang kepada PRS.

**(c) Percanggahan kepentingan**

Penyedia PRS dan lain-lain yang terlibat dalam pelaksanaan PRS seperti Pemegang Amanah Skim, wakil dan penyedia perkhidmatan mesti mengelak percanggahan kepentingan di mana mungkin. Jika percanggahan tidak boleh dielakkan, Penyedia PRS mesti memastikan bahawa percanggahan tidak mengakibatkan kerugian kepada ahli PRS, serta semua transaksi dengan pihak berkaitan mesti dilakukan secara dasar bebas ikatan jika mereka merupakan pihak bebas. Pengarah bebas Penyedia PRS perlu meluluskan pelantikan dan pembaharuan pihak berkaitan ini.

**(d) Rebat dan komisen ringan**

Komisen ringan ialah barangan dan perkhidmatan (seperti perkhidmatan penyelidikan dan berita) yang disediakan oleh broker/peniaga yang tidak dibayar dengan mata wang sebenar tetapi dengan komisen perdagangan yang dijana daripada aktiviti dana. Rebat ialah pemulangan balik komisen perdagangan kepada Penyedia PRS berdasarkan kepada beberapa pengukuran (contohnya, jumlah rebat).

Rebat mesti disalurkan kepada dana khusus berkenaan. Namun demikian, barangan dan perkhidmatan daripada komisen ringan mungkin diuruskan oleh Penyedia PRS jika ia menunjukkan bahawa ahli menerima manfaat daripada barangan dan perkhidmatan tersebut, dan juga–

- urus niaga terbaik dilakukan pada terma yang sedia ada; dan
- amalan komisen ringan didedahkan dalam dokumen pendedahan dan laporan dana.

Pegawai pematuhan mesti mengesah dan memaklumkan lembaga pengarah atau jawatankuasa audit atau jawatankuasa pematuhan Penyedia PRS bahawa barangan dan perkhidmatan yang diterima oleh Penyedia PRS harus mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

#### **(e) Penelitian oleh ahli**

Semua ahli PRS mempunyai hak untuk meneliti dokumen yang berkaitan dengan PRS. Oleh itu, Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim mesti menyediakan dokumen-dokumen ini di tempat utama perniagaan mereka:

- Surat ikatan dan sebarang surat ikatan tambahan untuk PRS;
- Dokumen pendedahan semasa dan dokumen pendedahan tambahan untuk PRS (jika ada);
- Laporan tahunan dan interim terkini untuk pelbagai dana PRS;
- Setiap kontrak dan dokumen penting yang dirujuk oleh dokumen pendedahan dan dokumen pendedahan tambahan;
- Semua dokumen lain yang dirujuk dalam dokumen pendedahan dan dokumen pendedahan tambahan termasuk laporan, surat, penilaian dan penyata oleh mana-mana pakar;
- Akaun teraudit dari Penyedia PRS dan dana di bawah Skim untuk tiga tahun yang lampau atau dari tarikh perbadanan atau ditubuhkan (jika kurang daripada tiga tahun);
- Akaun teraudit terkini Penyedia PRS dan dana di bawah Skim untuk tahun kewangan semasa; dan
- sebarang persetujuan yang diberi oleh pihak pakar atau individu yang dinamakan dalam dokumen pendedahan atau dokumen pendedahan tambahan sebagai pemberi maklumat untuk dimasukkan ke dalam dokumen pendedahan atau dokumen pendedahan tambahan;

untuk penelitian ahli pada setiap masa dan tanpa mengenakan sebarang bayaran atau yuran dalam waktu perniagaan biasa Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim.



**(f) Mesyuarat ahli**

**(i) Mesyuarat yang dipanggil oleh Penyedia PRS atau Pemegang Amanah Skim**

Penyedia PRS atau Pemegang Amanah Skim boleh memanggil mesyuarat PRS atau dana di bawah Skim pada bila-bila masa dengan–

- memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 14 hari kepada ahli;
- menetapkan tempat dan masa serta resolusi yang dicadangkan dalam notis; dan
- mengeluarkan notis mesyuarat tersebut dalam surat khabar tempatan.

**(ii) Mesyuarat yang diminta oleh ahli**

Ahli PRS juga boleh meminta Penyedia PRS untuk memanggil mesyuarat di bawah peruntukan Peraturan 20 Kawal Selia PRS jika syarat berikut dipenuhi:

- Tidak kurang daripada lima puluh ahli atau satu persepuluh daripada semua ahli Skim atau dana, seperti mana kes yang mungkin berlaku, mengarahkan PRS secara bertulis untuk berbuat demikian;
- Arahan bertulis diberi kepada Penyedia PRS di pejabat berdaftaranya; dan
- Tujuan mesyuarat diadakan bagi mempertimbangkan penyata kewangan terkini; untuk memberi Pemegang Amanah arah tuju yang dianggap sesuai oleh mesyuarat; atau untuk mempertimbangkan apa-apa hal lain berhubung dengan Skim atau dana atau surat ikatan.

Di bawah keadaan sedemikian, Penyedia PRS perlu memanggil mesyuarat dalam tempoh 21 hari selepas menerima permintaan daripada ahli dan memberi notis bertulis mengenai mesyuarat tersebut kepada semua ahli ke alamat terakhir mereka. Notis juga perlu diberi melalui iklan yang disiarkan dalam surat khabar bahasa kebangsaan dan satu surat khabar lain yang diluluskan oleh SC.

**(g) Jawatankuasa pelaburan**

**(i) Sebahagian daripada fungsi pengawasan dalam PRS**

Selain daripada Pemegang Amanah Skim, jawatankuasa pelaburan ditubuhkan sebagai sebahagian daripada fungsi pengawasan dalam PRS. Ia akan memberi keselesaan tambahan kepada ahli bahawa unsur-unsur pelaburan dana di bawah Skim diuruskan dengan wajar dan mematuhi objektif dan had surat ikatan dan dokumen pendedahan lain.

**(ii) Komposisi**

Jawatankuasa pelaburan dana mesti mempunyai sekurang-kurangnya tiga ahli individu dan nisbah minimum sekurang-kurangnya satu pertiga ahli bebas dengan sekurang-kurangnya dua ahli bebas pada setiap masa.

Seseorang individu boleh dilantik untuk menduduki lebih daripada satu jawatankuasa pelaburan PRS tetapi beliau tidak boleh memegang jawatan dalam yang berikut disebabkan oleh percanggahan kepentingan:

- Sebagai seorang ahli jawatankuasa pelaburan dalam dana yang diuruskan oleh Penyedia PRS lain atau syarikat pengurusan di luar kumpulan syarikat;
- Sebagai seorang pengarah Penyedia PRS lain atau syarikat pengurusan di luar kumpulan syarikat;
- Sebagai seorang penasihat Syariah untuk dana yang sama;
- Sebagai seorang ahli panel penasihat untuk dana yang sama; dan
- Sebagai seorang pegawai untuk wakil yang menjalankan fungsi pengurusan untuk dana yang sama.

Penyedia PRS mesti memastikan bahawa individu yang dilantik menjadi ahli jawatankuasa pelaburan adalah "layak dan sesuai" seperti yang ditakrifkan oleh Garis Panduan PRS dan mempunyai kepakaran pengurusan dana yang diperlukan bagi menjalankan peranan dan tanggungjawab mereka.

**(iii) Peranan dan tanggungjawab**

Peranan dan tanggungjawab jawatankuasa pelaburan termasuk yang berikut:

- Memilih strategi yang sesuai bagi mencapai objektif dana;
- Memastikan strategi dilaksanakan dengan wajar dan cekap; dan
- Memantau, mengukur dan menilai prestasi dana secara aktif.

## (h) Jawatankuasa audit

### (i) Komposisi

Jawatankuasa audit mesti mempunyai ahli bukan eksekutif Penyedia PRS dengan sekurang-kurangnya tiga ahli individu dan nisbah minimum sekurang-kurangnya satu pertiga ahli bebas dengan sekurang-kurangnya dua ahli bebas pada setiap masa. Seorang ahli jawatankuasa audit tidak boleh memegang jawatan sebagai–

- penasihat syariah untuk mana-mana dana Penyedia PRS;
- seorang ahli panel penasihat untuk mana-mana dana Penyedia PRS; dan
- seorang pegawai untuk wakil yang menjalankan fungsi pengurusan untuk mana-mana dana Penyedia PRS.

### (ii) Peranan dan tanggungjawab

Sama seperti jawatankuasa pelaburan dan Pemegang Amanah Skim, jawatankuasa audit membantu fungsi pengawasan dana dengan menyemak dan melaporkan kepada lembaga pengarah mengenai rangka kerja dan fungsi audit dalaman, dan memastikan bahawa perkara yang dibentangkan oleh laporan audit telah diselesaikan dengan cara yang memuaskan. Jawatankuasa audit juga perlu menyemak laporan tahunan dan interim Penyedia PRS serta transaksi pihak berkaitan dan situasi percanggahan kepentingan yang mungkin timbul.

## (i) Penasihat Syariah

### (i) Kandungan

Seorang penasihat Syariah mestilah bebas daripada Penyedia PRS dan berdaftar dengan SC. Di mana individu dilantik, penasihat Syariah mesti merangkumi sekurang-kurangnya tiga individu yang memenuhi kriteria “layak dan sesuai”. Di mana sesebuah syarikat dilantik sebagai penasihat, syarikat tersebut mesti melantik sekurang-kurangnya seorang pakar Syariah yang memenuhi kriteria “layak dan

sesuai". Kriteria "layak dan sesuai" termasuk mempunyai reputasi dan perwatakan yang baik, mempunyai standard integriti yang tinggi, berurus dengan semua secara wajar, mengambil pertimbangan yang sepatutnya dalam menjalankan tugas, dan mempunyai kelayakan, kepakaran dan pengalaman yang diperlukan bagi melaksanakan tugas.

(ii) **Peranan dan tanggungjawab**

Peranan utama penasihat Syariah ialah untuk memastikan bahawa semua aspek PRS dan perniagaan pengurusan dana termasuk struktur dana dan pelaburan serta dokumen seperti surat ikatan dan dokumen pendedahan mematuhi prinsip Syariah. Penasihat perlu menyediakan laporan untuk dilampirkan dalam laporan tahunan dan interim PRS dengan menyatakan sama ada dana patuh Syariah telah dikendalikan dan diuruskan menurut prinsip Syariah untuk tempoh kewangan yang ditinjau.

(j) **Panel penasihat**

(i) **Am**

Suatu panel penasihat perlu dilantik apabila sesuatu dana mengikut satu set khusus prinsip (contohnya pelaburan berkewajipan dari segi sosial). Panel ini mesti mengandungi sekurang-kurangnya tiga individu yang bebas daripada Penyedia PRS dan mesti memenuhi kriteria "layak dan sesuai".

(ii) **Peranan dan tanggungjawab**

Panel penasihat mempunyai tanggungjawab bagi memastikan bahawa dana yang diuruskan mengikut prinsip tertentu dana dengan mengkaji semula laporan pematuhan dana dan laporan transaksi pelaburan. Panel penasihat juga mesti menyediakan laporan untuk dilampirkan dengan laporan tahunan dan interim PRS yang menyatakan pendapat mereka sama ada prinsip pelaburan telah dipatuhi.

## SOALAN LATIHAN

---

### Soalan 1

Tugas Penyedia PRS adalah seperti berikut KECUALI:

- (A) mengendalikan dana mengikut surat ikatan
- (B) memegang aset dana dalam amanah bagi pihak ahli
- (C) menubuhkan struktur organisasi yang jelas menunjukkan tanggungjawab, kuasa dan pelaporan
- (D) memastikan bahawa sifat-sifat dana dikenal pasti dan diasingkan daripada sifat-sifat Penyedia PRS

[Jawapan: B]

### Soalan 2

Hak tempoh bertenang mesti tidak kurang daripada \_\_\_\_ hari perniagaan bermula daripada tarikh penerimaan permohonan PRS oleh Penyedia PRS.

- (A) lima
- (B) enam
- (C) tujuh
- (D) sepuluh

[Jawapan: B]

### Soalan 3

Manakah antara pihak berikut yang membentuk sebahagian daripada fungsi pengawasan dalam PRS?

- (i) Pemegang Amanah Skim
- (ii) Jawatankuasa audit
- (iii) Jawatankuasa pelaburan
- (iv) Perunding PRS

- (A) (i) dan (iii) sahaja
- (B) (ii) dan (iv) sahaja
- (C) (i), (ii) dan (iii) sahaja
- (D) Semua di atas

[Jawapan: C]

## BAB 4

### CIRI-CIRI SKIM PERSARAAN SWASTA (PRS)

---

#### Objektif pembelajaran

Bab ini membincangkan dengan terperinci ciri-ciri dan sifat PRS serta komponen utama PRS. Bab ini juga mengkaji dokumen pendedahan dan pelbagai yuran dan bayaran PRS.

Pada akhir bab ini, anda sepatutnya dapat:

- menghuraikan liputan PRS;
- menyenaraikan insentif cukai dan struktur akaun PRS;
- menerangkan pilihan dana automatik dan parameter dana teras;
- menghuraikan bentuk keadaan pengeluaran daripada PRS;
- menerangkan mekanisme penukaran antara dana dan keupayaan untuk melakukan pemindahan antara Penyedia PRS (kemudahan);
- menerangkan konsep letak hak, jadual letak hak dan faedah terakru;
- menerangkan penentuan harga hadapan apabila berlaku penjualan dan penebusan, dan kesan pemecahan dan pengagihan pendapatan pada nilai aset bersih (NAB) setiap unit dana;
- menghuraikan pelbagai yuran dan bayaran serta kesannya pada dana di bawah Skim;
- menghuraikan pelbagai bahagian yang berhubung kait dengan dokumen pendedahan, termasuk Lembaran Penerangan Produk, bahagian data penting dan dokumen pendedahan tambahan;
- menerangkan kepentingan nisbah pusing ganti portfolio dan kesan kemungkinan pada pulangan; dan
- mengenalpasti tindakan undang-undang berhubung dengan kenyataan palsu dan mengelirukan dalam dokumen pendedahan.

## 4.1 Pengenalan

PRS ditakrifkan sebagai produk pasaran modal dan merupakan skim pelaburan jangka panjang sukarela yang direkabentuk bagi membantu individu mengumpul simpanan untuk persaraan. SC akan meluluskan Penyedia PRS, Pemegang Amanah Skim dan PRS serta memberi lesen kepada Penedar PRS di mana berkenaan bagi memastikan standard tingkah laku minimum dan pemberian nasihat pelaburan wajar kepada ahli-ahli individu Skim.

PRS terdiri daripada pilihan dana yang dipanggil dana teras dan dana bukan teras. Di bawah adalah penjelasan ringkas berkaitan pelbagai jenis kelas aset yang boleh dilaburkan dalam PRS–

### Bon

Bon ialah pelaburan hutang di mana seorang pelabur meminjam wang kepada sesebuah organisasi (syarikat, supra-nasional atau kerajaan) yang meminjam dana untuk jangka masa tertentu pada kadar faedah tetap. Bon digunakan untuk membiayai pelbagai projek dan aktiviti korporat. Bon juga biasanya dirujuk sebagai sekuriti pendapatan tetap kerana bayaran kupon daripada bon ini ditetapkan terlebih dahulu dan berkontrak. Tahap kadar faedah bon ditentukan oleh kualiti kredit terbitan dan tempoh bon. Semakin rendah kualiti kredit penerbit maka semakin tinggillah kadar faedah yang dijangka. Untuk tempoh bon, kadar faedah dijangka adalah lebih tinggi jika tempoh kematangan lebih panjang untuk bon.

### Ekuiti

Perkataan tersebut melambangkan kedudukan pemilikan atau ekuiti dalam sesebuah syarikat. Pemegang ekuiti hanya menikmati tuntutan baki dalam syarikat selepas semua tuntutan terdahulu telah diselesaikan (iaitu tuntutan oleh pemegang hutang dan lain-lain). Berhubung dengan PRS, ekuiti merujuk kepada stok dan saham syarikat yang dilaburkan oleh dana di bawah Skim. Pulangan dana di bawah Skim adalah dalam bentuk dividen yang diterima dan peningkatan modal saham.

### Instrumen pasaran wang

Ini merupakan aset kewangan yang mempunyai kecairan tinggi dan kematangan yang singkat (kurang daripada setahun). Instrumen pasaran wang merangkumi sijil deposit (SD), penerimaan jurubank, bil perbendaharaan, kertas komersial dan perjanjian pembelian balik (repos). Pasaran wang digunakan oleh peserta sebagai satu cara peminjaman dan pemberian pinjaman dalam tempoh pendek.



### Skim pelaburan terkumpul

Skim pelaburan terkumpul ialah pelaburan bersama dengan pelabur lain untuk memanfaatkan kelebihan kerjasama berkumpulan.

Kelebihan ini termasuk keupayaan mengupah pengurus pelaburan profesional, perkongsian kos dan pempelbagaian. Skim pelaburan terkumpul ditakrifkan di bawah Garis Panduan PRS dan yang sewaktu dengannya, termasuklah dana unit amanah, amanah pelaburan hartanah, dana dagangan bursa, dana borong dan dana tertutup.

### Derivatif

Derivatif ialah sekuriti di mana harga bergantung pada atau berasal daripada satu atau lebih aset dasar. Kontrak derivatif ialah antara dua atau lebih pihak yang nilainya ditentukan oleh turun naik dalam aset dasar. Contoh-contoh derivatif adalah kontrak niaga hadapan, kontrak hadapan, opsiyen dan pertukaran hutang.

Derivatif boleh digunakan untuk melindungi nilai daripada risiko. Contohnya, sebuah syarikat Malaysia melindungi nilai AS\$ yang belum diterima melalui pilihan mata wang dengan terdapat kepercayaan yang berlakunya kemerosotan nilai AS\$. Derivatif juga boleh digunakan untuk spekulasi. Pembelian kontrak hadapan bon kerajaan Malaysia untuk meraih keuntungan dari jangkaan penurunan kadar faedah adalah salah satu contoh tingkah laku spekulatif.

### Hartanah

Hartanah ditakrifkan sebagai tanah dan segala yang tetap di dalamnya, termasuk bangunan, perkakas siap dan apa-apa barangan yang disertakan dengan struktur. Hartanah boleh digolongkan ke dalam tiga kategori luas berdasarkan pada penggunaannya; kediaman, komersial dan industri. Contoh hartanah adalah termasuk rumah, blok apartmen, tanah yang belum dibangunkan, bangunan pejabat, kompleks runcit, kondominium dan kilang.

Hartanah tidaklah seperti aset-aset lain di mana ia dipengaruhi oleh keadaan setempat lokasi terdekat hartanah tersebut. Dengan pengecualian kemelesetan ekonomi global atau negara, harga hartanah paling dipengaruhi oleh faktor-faktor tempatan termasuk peluang pekerjaan, kadar jenayah, kewujudan sekolah-sekolah yang baik, cukai hartanah tempatan, jarak kedai-kedai dan akses dari jalan-jalan utama.

**(a) Liputan**

**(i) Kelayakan**

PRS dibuka kepada warga negara Malaysia dan asing. Ahli mestilah merupakan individu berumur 18 tahun ke atas. Majikan juga boleh mencarum kepada Skim sebagai manfaat kepada pekerja mereka bagi menggalakkan kesetiaan pekerjaan dengan mengadakan jadual letak hak yang melanjutkan tempoh letak hak bagi caruman mereka.

**(ii) Caruman**

Memandangkan PRS ialah skim sukarela, tidak terdapat jumlah tetap yang diperlukan atau tempoh berkala tetap untuk melakukan caruman (walaupun Penyedia PRS individu mungkin menetapkan caruman minimum dan maksimum untuk setiap dana yang disediakan oleh mereka). Akaun pencen swasta sepanjang hayat boleh dibuka oleh PPA setelah ahli melengkapkan borang pembukaan akaun berkenaan dan/atau memenuhi syarat-syarat lain. Pada pembukaan akaun pencen swasta, ahli-ahli berpotensi tidak perlu melakukan caruman kepada Skim. PPA tidak menerima wang/caruman daripada ahli. Untuk melakukan caruman, ahli-ahli perlu menyatakan arah pelaburan mereka kepada Penyedia PRS. Ini boleh dilakukan pada masa yang sama ketika membuka akaun pencen swasta atau pada peringkat kemudiannya.

Di mana ahli mendaftar untuk membuka akaun pencen swasta dan melakukan caruman pada masa yang sama, Penyedia PRS tidak perlu menunggu sehingga akaun pencen swasta dibuka sebelum melanggan unit untuk dana di bawah Skim yang dipilih oleh ahli.

Caruman boleh ditamatkan dan juga dimulakan semula selepas sebarang selangan masa. Ahli juga boleh mencarum dengan lebih daripada satu Skim walaupun Penyedia PRS sekali lagi mungkin menghadkan bilangan dana dalam Skim yang boleh disertai oleh ahli. Penyedia PRS menetapkan jumlah caruman minimum dan maksimum yang boleh dilakukan oleh ahli.

**(b) Pilihan automatik**

Pilihan automatik tersedia kepada ahli yang memilih Penyedia PRS mereka tetapi tidak menetapkan pilihan dana. Sebagai contoh ialah apabila majikan melakukan caruman kepada akaun ahli tetapi pekerja tidak menyatakan dana untuk dilaburkan. Jumlah tersebut akan diperuntukkan secara terus dengan menggunakan pilihan automatik berdasarkan pada umur ahli.

Penyedia PRS perlu mendapatkan bukti yang memuaskan bagi pengesahan pengenalan dan umur ahli untuk semua borang dan dokumen yang diterima bagi pihak PPA, dan mempunyai prosedur pengesahan ahli yang berkesan. Ini termasuklah–

- mewujudkan pengenalan penuh dan sah ahli;
- mengesahkan pengenalan yang diberi, jika diperlukan; dan
- mewujudkan yang mana berkenaan, kedudukan kewangan, pengalaman pelaburan, dan objektif pelaburan pelanggan.

Terdapat tiga dana teras dalam pilihan automatik yang mesti disediakan di bawah mana-mana PRS. Jadual di bawah menyediakan butir-butir lanjut termasuk peruntukan aset untuk dana teras di bawah pilihan automatik:

	<b>Dana Pertumbuhan</b>	<b>Dana Sederhana</b>	<b>Dana Konservatif</b>
<b>Kumpulan umur</b>	<b>Di bawah umur 40 tahun</b>	<b>40 tahun dan ke atas tetapi belum mencapai 50 tahun</b>	<b>50 tahun dan ke atas</b>
<b>Parameter</b>	Maksimum 70% ekuiti  *Pelaburan di luar Malaysia dibenarkan	Maksimum 60% ekuiti  *Pelaburan di luar Malaysia dibenarkan	80% dalam debentur/ instrumen pendapatan tetap dengan minimum 20% instrumen pasaran wang dan maksimum 20% ekuiti  *Pelaburan di luar Malaysia tidak dibenarkan

Lingkungan umur dipilih berdasarkan pada pendekatan kitaran hayat untuk pelaburan. Mereka di bawah umur 40 tahun mempunyai tempoh yang lama untuk mengumpulkan simpanan bagi persaraan dan mampu melabur lebih banyak dalam ekuiti. Walaupun terdapat beberapa tahun dengan pulangan negatif, pelabur boleh mengabaikan pulangan negatif ini dan menunggu untuk pemulihan pasaran. Pelabur dalam kumpulan umur 40 hingga 50 tahun perlu mula menimbangkan bahawa persaraan adalah dalam satu atau dua kitaran pasaran. Bahagian ekuiti akan dikurangkan hingga maksimum 60% dan portfolio menjadi lebih seimbang dengan lebih aset yang menghasilkan pendapatan. Apabila pelabur mencapai umur 50 tahun, persaraan pasti akan berlaku dan pelabur tidak mampu lagi mengabaikan kitaran pasaran kerana beliau akan berpindah daripada fasa pengumpulan ke fasa pengurangan pengumpulan (*decumulation*). Portfolio mesti mempunyai lebih aset yang menghasilkan pendapatan dan hanya beberapa aset berisiko (ekuiti).

Adalah penting untuk memaklumkan bahawa seseorang ahli boleh memilih untuk mencarum secara aktif kepada tiga dana teras di atas yang merupakan pilihan automatik jika mereka memilih untuk berbuat demikian.

Penyedia PRS perlu memaklumkan kepada ahli sebulan lebih awal secara bertulis bahawa pelaburan ahli dalam dana teras akan ditukarkan menurut

undang-undang pilihan automatik kecuali ahli memberi arahan sebaliknya. Pada ketika ini, ahli juga patut menerima nasihat pelaburan am dan tinjauan pasaran. Ini akan memudahkan ahli membuat keputusan sama ada beliau ingin kekal di bawah pilihan automatik yang akan bertukar secara automatik mengikut umur mereka atau memilih dana tertentu. Apabila seseorang individu menjadi ahli dan telah membuat caruman pertama beliau kepada Skim sebulan sebelum beliau mencapai umur 40 atau 50 tahun, seperti mana kes yang mungkin berlaku, Penyedia PRS mesti memperuntukkan caruman tersebut kepada dana sederhana atau dana konservatif seperti mana kes yang mungkin berlaku.

### **(c) Caruman sukarela**

#### **(i) Insentif cukai**

Terdapat pelepasan cukai RM3,000 setahun bagi individu jika mereka memilih untuk mencarum dalam PRS. Pelepasan ini tersedia untuk 10 tahun yang akan datang bermula dari tahun 2012 dan boleh digunakan untuk caruman kepada lebih daripada satu PRS.

Majikan yang menyumbang untuk kakitangan boleh menikmati tolakan cukai tambahan di samping sumbangan KWSP yang wajib dan sehingga 19% daripada ganjaran pekerja. Ini meningkatkan secara efektif pulangan untuk Skim berbanding dana yang tidak dikecualikan. Ini merupakan manfaat tambahan PRS.

#### **(ii) Struktur Akaun**


Semua caruman yang dilakukan kepada PRS akan diperuntuk dan dikekalkan dalam dua sub-akaun:

- 70% daripada keseluruhan caruman yang dilakukan kepada mana-mana dana dalam Skim dikekalkan dalam sub-akaun A dan tidak boleh dikeluarkan sehingga ahli mencapai umur persaraan.
- 30% daripada keseluruhan caruman yang dilakukan kepada mana-mana dana dalam Skim dikekalkan dalam sub-akaun B dan boleh dikeluarkan setahun sekali selepas pembayaran penalti cukai.

Umur persaraan ditakrifkan di bawah Garis Panduan PRS sebagai umur 55 tahun atau umur wajib persaraan daripada pekerjaan seperti yang ditetapkan oleh SC.

(iii) Contoh peruntukan caruman

Untuk gambaran pecahan kepada dua akaun tersebut, sila rujuk kepada contoh peruntukan caruman dalam diagram di bawah.



Katakanlah Pencarum 1 pada permulaannya mencarum RM1,000 ke dalam Penyedia XY pada 1 Mei 20X3. Caruman sebanyak RM1,000 dipecahkan kepada nisbah 70/30 seperti yang lazim ke dalam sub-akaun A dan sub-akaun B masing-masing dengan sub-akaun A menerima RM700 dan sub-akaun B menerima RM300. Ini akan digunakan untuk membeli Dana Bon dengan NAB sebanyak RM1 pada hari tersebut.

Pada 1 Januari 20X4, Pencarum 1 melakukan satu lagi caruman sebanyak RM1,000 ke dalam Penyedia XY dan terus memilih Dana Bon XY. Seperti biasa, caruman sebanyak RM1,000 dipecahkan kepada nisbah 70/30 ke dalam sub-akaun A dan sub-akaun B masing-masing. Pada 1 Januari 20X4, NAB Dana Bon XY meningkat ke RM2.00. Oleh itu, caruman pada 1 Januari 20X4 hanya akan membenarkan Pencarum 1 membeli 350 unit Dana Bon XY (RM700/NAB untuk RM2) bagi sub-

akaun A dan 150 unit Dana Bon XY untuk sub-akaun B. Pada keseluruhannya, Pencarum 1 akan mempunyai 1,050 unit dalam sub-akaun A bernilai RM2,100 dan 450 unit dalam sub-akaun B bernilai RM900 pada 1 Januari 20X4.

**Pelaburan dalam Dana Bon XY**

Tarikh	Jumlah Caruman (RM)	Diperuntukkan untuk sub-akaun A (RM)	Diperuntukkan untuk sub-akaun B (RM)	NAB seunit (RM)	Unit yang dibeli (sub-akaun A)	Unit yang dibeli (sub-akaun B)
1 Mei 20X3	1,000	700	300	1.00	700	300
1 Jan 20X4	1,000	700	300	2.00	350	150

**Nilai pelaburan dalam Dana Bon XY**

Tarikh	Unit yang dibeli (sub-akaun A)	Unit yang dibeli (sub-akaun B)	Pegangan terkumpul (sub-akaun A)	Pegangan terkumpul (sub-akaun B)	NAB seunit (RM)	Nilai sub-akaun A (RM)	Nilai sub-akaun B (RM)
1 Mei 20X3	700	300	700	300	1.00	700	300
1 Jan 20X4	350	150	1050	450	2.00	2100	900

Pada 1 Mei 20X3, Pencarum 1 juga bercadang untuk menyertai Penyedia YZ dengan membeli Dana Ekuiti YZ. Beliau mencarum sebanyak RM1,000 yang sekali lagi dipecahkan kepada nisbah 70/30 ke dalam sub-akaun A dan sub-akaun B masing-masing. Dengan NAB Dana Ekuiti YZ pada RM1 pada hari tersebut, Pencarum 1 boleh membeli 700 unit untuk sub-akaun A dan 300 unit untuk sub-akaun B.

Pada 1 Januari 20X4, Pencarum 1 melakukan satu lagi caruman sebanyak RM1,000 ke dalam Penyedia YZ dan terus memilih Dana Ekuiti YZ. Seperti biasa, caruman sebanyak RM1,000 tersebut dipecahkan kepada 70/30 ke dalam sub-akaun A dan sub-akaun B masing-masing. Pada 1 Januari 20X4, NAB Dana Ekuiti YZ turun ke RM0.50. Oleh itu, caruman pada 1 Januari 20X4 akan membenarkan Pencarum 1 membeli 1,400 unit Dana Ekuiti YZ (RM700/NAB untuk RM0.50) bagi sub-akaun A dan 600 unit untuk sub-akaun B. Secara keseluruhan, Pencarum 1 akan mempunyai 2,100 unit dalam sub-akaun A bernilai RM1,050 dan 900 unit dalam sub-akaun B bernilai RM450.

**Pelaburan dalam Dana Ekuiti YZ**

Tarikh	Jumlah Caruman (RM)	Diperuntukkan ke sub-akaun A (RM)	Diperuntukkan ke sub-akaun B (RM)	NAB seunit (RM)	Unit yang dibeli (sub-akaun A)	Unit yang dibeli (sub-akaun B)
1 Mei 20X3	1,000	700	300	1.00	700	300
1 Jan 20X4	1,000	700	300	0.50	1,400	600

**Nilai pelaburan dalam Dana Ekuiti YZ**

Tarikh	Unit yang dibeli (sub-akaun A)	Unit yang dibeli (sub-akaun B)	Pegangan terkumpul (sub-akaun A)	Pegangan terkumpul (sub-akaun B)	NAB seunit (RM)	Nilai sub-akaun A (RM)	Nilai sub-akaun B (RM)
1 Mei 20X3	700	300	700	300	1.00	700	300
1 Jan 20X4	1,400	600	2,100	900	0.50	1,050	450

Sila ambil perhatian yang berikut:

Semua caruman baru kepada mana-mana Penyedia PRS dan dana dalam skim haruslah dipecahkan kepada 70/30 ke dalam sub-akaun A dan sub-akaun B masing-masing.

Semua pengeluaran daripada sub-akaun B kecuali yang berlaku pada persaraan diklasifikasikan sebagai pengeluaran pra-persaraan dan tertakluk kepada penalti cukai yang dikumpul oleh Penyedia PRS pada jumlah pengeluaran.

**(d) Letak Hak****(i) Faedah terakru**

“Faedah terakru” ditakrifkan sebagai jumlah kepentingan bermanfaat ahli dalam PRS. Dalam konteks PRS, faedah terakru ialah jumlah terkumpul dalam kedua-dua sub-akaun A dan B. Caruman yang tertakluk kepada jadual letak hak mungkin menyebabkan pengeluaran unit letak hak dan bersyarat. Ahli yang memegang unit letak hak dan bersyarat akan menikmati hak setara dengan ahli sesuatu dana. Namun demikian, seorang ahli yang memegang unit letak hak bersyarat tidak dibenarkan untuk meminta pemindahan unit sedemikian kepada Penyedia PRS atau mengeluarkan mana-mana unit sedemikian. Penyedia PRS hanya diperlukan untuk mengekalkan sub-akaun A dan B untuk unit letak hak.

Faedah terakru ahli dilindungi daripada penghakiman hutang dan tidak tertakluk kepada perubahan, lien, jaminan atau penyerahan hak di bawah seksyen 139ZA CMSA. Seksyen 139Y(2) CMSA juga menambahkan bahawa pendapatan atau keuntungan daripada pelaburan untuk faedah terakru ahli PRS yang diluluskan, selepas mengambil kira sebarang kerugian yang timbul daripada apa-apa pelaburan sedemikian, juga akan diserahkan kepada ahli sebagai faedah terakru sebaik sahaja mereka diterima oleh Penyedia PRS atau Pemegang Amanah Skim, yang mana lebih awal.

(ii) **Jadual letak hak**

Majikan boleh melakukan caruman kepada PRS, tertakluk kepada jadual letak hak, untuk menggalakkan kesetiaan pekerja. Penyedia PRS perlu memastikan bahawa faedah tersebut tidak dipindahkan kepada Penyedia PRS yang lain atau dikeluarkan oleh pekerja sehingga ia diserahkan tanpa syarat.

Jadual letak hak merujuk kepada jadual yang menentukan hak manfaat terakru seseorang kakitangan berdasarkan pada terma-terma perkhidmatan.

Bagi tujuan melakukan caruman ke dalam PRS oleh majikan bagi pihak pekerja mereka, cara faedah terakru diambil kira dan diserahkan kepada seseorang ahli mungkin mengikut jadual letak hak yang dikeluarkan oleh majikan masing-masing.

*Contoh:*

Majikan XYZ mempunyai jadual letak hak bertingkat di mana mereka menyerahkan caruman pekerja mengikut ulang tahun pengajian pekerja seperti berikut:

Bekerja lebih daripada 1 tahun	0% diserahkan
Bekerja lebih daripada 2 tahun	25% diserahkan
Bekerja lebih daripada 3 tahun	50% diserahkan
Bekerja lebih daripada 4 tahun	75% diserahkan
Bekerja lebih daripada 5 tahun dan ke atas	100% diserahkan

Jika seorang pekerja meninggalkan pekerjaan selepas tiga tahun, hanya 50% daripada jumlah yang diketepikan oleh majikan akan diserahkan kepada PRS. Pekerja tersebut telah hilang sebahagian daripada simpanannya akibat daripada pembatalan sumbangan oleh majikan. Maka, idea skim kesetiaan ialah untuk menggalakkan pekerja terus berkhidmat dengan majikan terkini untuk sehingga jadual letak hak dilengkapkan untuk menikmati 100% manfaat terakru.



(iii) Tanggungjawab Penyedia PRS berhubung dengan peletakan hak

Adalah menjadi tanggungjawab Penyedia PRS untuk memastikan bahawa keadaan atau syarat-syarat penting bagi ahli yang mempunyai caruman berdasarkan pada satu jadual letak hak diliputi oleh jadual letak hak masing-masing. Terma dan syarat-syarat jadual letak hak mesti mengandungi tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- terma dan syarat caruman majikan dan unit letak hak yang dikeluarkan;
- hak berkaitan dengan unit letak hak dan letak hak bersyarat, termasuk sebarang had pada hak berkaitan dengan unit letak hak bersyarat
- sama ada unit letak hak bersyarat akan diserahkan tanpa syarat di bawah keadaan termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut-
  - pemberhentian pekerjaan pekerja (di bawah apa jua keadaan)
  - di mana majikan dalam proses penggulungan atau jika tidak dibubarkan;
  - di mana penerima, penerima dan pengurus atau individu setara telah dilantik berhubung dengan sebarang hartanah majikan;
  - di mana majikan telah, sama ada dalam atau di luar Malaysia memasuki satu kompromi atau skim pengaturan dengan pemiutangnya, menjadi kompromi atau skim pengaturan yang masih beroperasi;
  - penggabungan majikan dengan, atau perolehan majikan dengan, entiti lain;
  - penamatan jadual letak hak;
  - kematian pekerja; dan
  - sebarang keadaan lain yang mungkin ditentukan oleh SC.

Selepas dimaklumkan mengenai sebarang keadaan yang ditentukan dalam jadual letak hak seperti yang dinyatakan dalam perenggan sebelum ini, Penyedia PRS diperlukan untuk–

- membeli balik unit letak hak bersyarat dan membayar pulangan kepada majikan masing-masing tidak melebihi 10 hari selepas pemakluman; atau

- meletakkan unit letak hak bersyarat dalam ahli atau estet ahli tersebut sebaik sahaja ia boleh dilaksanakan.

## **(e) Pengeluaran dari PRS oleh ahli**

### **(i) Pengeluaran pra-persaraan**

Ahli dibenarkan untuk membuat pengeluaran dari sub-akaun B (30% daripada caruman mereka) bagi keperluan pra-persaraan mereka untuk apa-apa sebab tetapi sebarang pengeluaran pra-persaraan adalah tertakluk kepada penalti cukai. Ahli boleh mengeluarkan jumlah sekaligus atau sebarang jumlah daripada satu atau beberapa dana dari setiap Penyedia PRS sekali setahun. Pengeluaran pertama hanya boleh dilakukan setahun selepas caruman pertama (sama ada melalui caruman ahli atau caruman majikan). Ahli perlu bertemu dengan Penyedia PRS dan mengisi borang yang disediakan oleh Penyedia PRS masing-masing mereka. Apabila permohonan diserahkan kepada Penyedia PRS, Penyedia PRS akan melakukan pengesahan tertentu dan memastikan bahawa ahli melakukan pengeluaran mengikut peraturan yang diluluskan, seperti pengeluaran pertama kali untuk tahun tersebut.

Penyedia PRS tidak perlu mendapatkan kebenaran PPA sebelum memproses pengeluaran. Penyedia PRS perlu mengesahkan borang pengeluaran bagi pra-persaraan dan mengarahkan Pemegang Amanah Skim untuk memudahkan pengeluaran pra-persaraan dengan membatalkan unit. Namun demikian, untuk pengeluaran berikutan kematian seseorang ahli, Penyedia PRS mesti mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dari PPA sebelum mengeluarkan arahan kepada Pemegang Amanah Skim untuk membatalkan unit. Penyedia PRS ditugaskan untuk mengumpul penalti cukai bagi pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri dan mesti menolak jumlah penalti sebelum mengkredit akaun ahli. Penalti cukai pengeluaran pra-persaraan ialah pada kadar datar 8%. Jumlah tersebut ditolak oleh Penyedia PRS daripada jumlah yang dikeluarkan daripada sub-akaun B sebagai pengeluaran pra-persaraan oleh ahli. Walau bagaimanapun, penalti cukai 8% ini tidak digunakan untuk pengeluaran pra-persaraan yang diakibatkan oleh kematian atau pemergian tetap ahli dari Malaysia.

*Contoh:*

Jon mula mencarum dengan PRS Alpha pada 1 Januari 20X3 dan pada 31 Disember 20X4 (selepas 2 tahun), beliau telah mengumpul RM7,000 dalam sub-akaun A dan RM3,000 dalam sub-akaun B. Beliau tidak melakukan sebarang pengeluaran sejak memulakan carumannya.

Pada 1 Januari 20X5, Jon boleh memohon untuk pengeluaran pra-persaraan untuk mengeluarkan jumlah penuh (RM3,000) atau sebahagian daripada sub-akaun B beliau. Kadar cukai adalah 8% tanpa mengira jumlah pengeluaran.

Sebaliknya jika, pada 1 Januari 20X5, Jon memutuskan untuk berhijrah ke Australia dan meninggalkan Malaysia secara tetap, beliau boleh memohon pemberhentian dari PRS. Dalam kes sebegini, beliau mesti mengeluarkan jumlah keseluruhan RM10,000 dari kedua-dua sub-akaun A dan sub-akaun B kerana separa pengeluaran adalah TIDAK dibenarkan. Jon TIDAK tertakluk kepada penalti cukai 8% untuk pengeluaran ini.

Ahli hanya boleh mendapatkan maklumat mengenai pegangan bersepadu atau jumlah keseluruhan dalam sub-akaun B dari PPA manakala maklumat khusus mengenai jumlah pengeluaran pra-persaraan untuk Penyedia PRS tertentu boleh diperoleh daripada Penyedia PRS berkenaan.

(ii) **Pengeluaran selepas persaraan**

Setelah mencapai umur persaraan, seseorang ahli boleh membuat pengeluaran dari akaun PRS (kedua-dua sub-akaun A dan B) tanpa menanggung sebarang penalti cukai. Pengeluaran adalah dalam bentuk jumlah sekaligus atau dasar berkala atas permintaan ahli. Alternatifnya, ahli boleh memilih untuk mengekalkan simpanan mereka dalam PRS untuk pelaburan berterusan di bawah skim semasa mereka.

Permintaan pengeluaran pada persaraan boleh dilakukan terus melalui Penyedia PRS dengan melengkapkan borang berkaitan. Kebenaran terlebih dahulu daripada PPA tidak diperlukan. Bagaimanapun, Penyedia PRS dikehendaki memaklumkan kepada PPA bahawa pengeluaran telah dibuat.

(iii) **Pemergian tetap dari Malaysia**

Ahli juga boleh membuat pengeluaran dari PRS jika mereka meninggalkan Malaysia secara tetap melalui penghijrahan. Untuk warga asing, ia merupakan pembatalan dokumen berkaitan seperti permit kerja atau pemastautin tetap. Butiran lanjut mengenai pendokumen yang diperlukan boleh didapati di laman web PPA.

(f) **Penukaran antara dana dalam Skim**

Penukaran antara dana dalam Skim adalah dibenarkan. Dana PRS disediakan untuk pelupusan tunggal ahli yang boleh membuat penukaran bagi memenuhi keputusan peruntukan aset atau disebabkan oleh perubahan dalam tinjauan pasaran. Contohnya, seorang ahli boleh menukar dari dana bon ke dana pasaran wang apabila beliau mendapati bahawa kadar faedah mempunyai peluang yang baik untuk meningkat atau keluar dari dana ekuiti pasaran baru muncul jika terdapat pergolakan politik dalam negara tersebut. Penyedia

PRS disarankan mengenakan bayaran rendah atau tidak mengenakan yuran penukaran dana dalam PRS yang sama. Penyedia PRS mempunyai hak untuk menentukan keadaan dan menghadkan bilangan penukaran pilihan dana PRS dalam setahun.

Adalah penting untuk memaklumkan bahawa ahli boleh membuat penukaran di antara dana teras dan juga dana bukan teras. Dana dalam PRS boleh dilupuskan oleh ahli dan jika beliau mendapati sesuatu dana itu adalah bersesuaian dengan keadaan semasa, fleksibiliti diberikan kepada beliau untuk menukar dana tersebut. Jika majikan melakukan caruman bagi pihak seseorang pekerja sama ada tertakluk kepada jadual letak hak atau sebaliknya, pemilihan dana di bawah Skim (termasuk hak untuk menukar ke dana lain di bawah Skim) perlu dilakukan oleh pekerja.

### **(g) Pemindahan di antara Penyedia PRS (kemudahan)**

Satu daripada kelebihan PRS ialah keupayaan ahli untuk menukar di antara Penyedia PRS yang berlainan sebelum ahli mencapai umur persaraan. Ciri kemudahan ini membenarkan ahli memilih Penyedia PRS yang sesuai dengan keadaan dan permintaan unik ahli.

Pemindahan faedah terakru boleh dilakukan dengan melengkapkan borang pemindahan (TF) PPA yang boleh didapati daripada Penyedia PRS. Ahli perlu bertemu dengan Penyedia PRS yang merupakan Penerima Pemindahan untuk mengisikan borang. Pada TF, ahli perlu mencatatkan jumlah bilangan unit untuk dipindahkan dari dana Penyedia PRS Pemindah berkenaan dan mencatatkan nama dana yang akan menerima pemindahan tersebut serta jumlah unit yang akan dipindahkan. Ahli boleh melakukan pemindahan sepenuh atau sebahagian dari satu atau pelbagai dana yang diuruskan oleh Penyedia PRS Pemindah.

Ahli tidak perlu menunjukkan perincian bilangan unit yang akan dipindahkan daripada sub-akaun A dan sub-akaun B masing-masing. Penyedia PRS Pemindahan akan mengisikan butiran yang diperlukan dengan melengkapkan bahagian berkenaan dalam TF. Peruntukan unit di antara sub-akaun A dan sub-akaun B akan berdasarkan pada nisbah 70-30 di mana 70% unit akan ditebus dan dipindahkan dari sub-akaun A dana pemindah ke sub-akaun A penerima pemindahan dana dan 30% unit akan ditebus daripada sub-akaun B dana pemindah dan dipindahkan kepada sub-akaun B penerima pindahan dana. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh pengeluaran pra-persaraan dari sub-akaun B selama ini, baki dalam sub-akaun B mungkin tidak mencukupi untuk melaksanakan pemindahan mengikut nisbah 70-30. Dengan itu, Penyedia PRS penerima pemindahan akan dibenarkan untuk menebus baki unit daripada sub-akaun A dana penerima pindahan bagi memenuhi permintaan pemindahan.

Jika TF dilengkapkan dengan sempurna dan tidak ditolak, Penyedia PRS Pemindah mempunyai 5 hari bekerja untuk melaksanakan pengesahan yang diperlukan, menebus unit berkenaan dan membayar Penyedia PRS Penerima Pindahan.

Selepas bayaran dilakukan, Penyedia PRS Pemindah perlu memaklumkan PPA dan memuat naik TF pada portal PPA dengan memasukkan butir-butir tambahan seperti potongan yuran pindahan dan tebusan (jika ada) serta harga unit yang ditebus untuk sub-akaun A dan B bagi setiap dana. Jika berlaku penolakan, Penyedia PRS Pemindah akan menyatakan sebab-sebab penolakan tersebut di portal PPA dan TF akan dikembalikan kepada Penyedia PRS Penerima Pindahan dan ahli untuk tindakan selanjut mereka.

Syarat-syarat untuk pemindahan antara Penyedia PRS adalah seperti berikut–

- (i) Prosid daripada pembatalan unit dalam sub-akaun A (sama ada dari satu atau pelbagai dana) mesti digunakan untuk mewujudkan unit dalam sub-akaun A untuk satu atau pelbagai dana yang diuruskan oleh Penyedia Penerima Pindahan. Begitu juga dengan prosid daripada pembatalan untuk sub-akaun B sama ada dari satu atau pelbagai dana mesti digunakan untuk mewujudkan unit dalam sub-akaun B untuk satu atau pelbagai dana oleh Penyedia Penerima Pindahan;
- (ii) Pemindahan pertama dilakukan selepas satu tahun penuh dari tarikh caruman pertama dengan mana-mana dana di bawah Skim yang diuruskan oleh Penyedia PRS Pemindah;
- (iii) Tidak terdapat pemindahan sebelum ini dengan Penyedia PRS Pemindah dalam tahun kalendar tersebut;
- (iv) Terdapat unit yang mencukupi dalam dana yang dipilih oleh ahli untuk melakukan pemindahan;
- (v) Setiap permintaan pemindahan ialah hanya di antara dua Penyedia PRS yang mesti melibatkan pemindahan satu atau lebih dana dari Penyedia PRS Pemindah ke satu atau lebih dana Penyedia PRS Penerima Pindahan; dan
- (iv) Jumlah dari satu dana tertentu yang dipilih untuk pemindahan mesti dipindah ke satu (1) dana lain.

*Contoh 1:*

Pada 1 Jan 20X3, Ishak melaburkan RM1,000 dalam PRS Alpha dan membeli 1,000 unit Dana Bon Alpha dengan NAB RM1.00. Pada tarikh yang sama, beliau juga melaburkan RM1,000 dalam PRS Beta dan membeli 1,000 unit Dana Ekuiti Beta dengan NAB RM1.00.

Pada 1 Mac 20X4, Ishak bercadang untuk memindahkan pegangannya dari PRS Beta ke PRS Alpha. NAB untuk dana masing-masing ialah RM2.00 bagi Dana Bon Alpha dan RM0.80 untuk Dana Ekuiti Beta. PRS Beta akan menjual 1,000 unit pegangan Ishak dalam Dana Ekuiti Beta untuk RM800 (1,000 x RM0.80) dan PRS Alpha akan membeli unit Dana Bon Alpha. Untuk tujuan gambaran,

diandaikan di bawah ini ialah yuran pemindahan ke Penyedia PRS yang lain adalah RM25 yang dikenakan kepada PRS Beta. Pegangan Ishak dari pelaburan permulaan sehingga selesainya proses pemindahan ialah seperti berikut:

### Pegangan Ishak

Tarikh	Nama Dana	Unit	Harga (RM)	Jumlah Kasar (RM)		Yuran Pemindahan (RM)	Jumlah Bersih (RM)		JUMLAH (RM)
				Sub-akaun A	Sub-akaun B		Sub-akaun A	Sub-akaun B	
<b>Pelaburan permulaan</b>									
1 Jan 20X3	Bon Alpha	1,000	1.00	700	300	<i>Tidak berkenaan</i>		1,000	
	Ekuiti Beta	1,000	1.00	700	300	<i>Tidak berkenaan</i>		1,000	
<b>Sebelum pemindahan</b>									
1 Mac 20X4	Bon Alpha	1,000	2.00	1,400	600	<i>Tidak berkenaan</i>		2,000	
	Ekuiti Beta	1,000	0.80	560	240	<i>Tidak berkenaan</i>		800	
<b>Proses memindah keluar</b>									
1 Mac 20X4	Ekuiti Beta	1,000	0.80	560	240	25	535	240	775
<b>Selepas pemindahan</b>									
6 Mac 20X4	Bon Alpha	1,387.5	2.00	1,942.5	832.5	<i>Tidak berkenaan</i>		2,775	
	Ekuiti Beta	0	0.80	0	0	<i>Tidak berkenaan</i>		0	

Perkara berikut perlu diambil perhatian:

- Penyedia PRS hanya boleh mengenakan bayaran perbelanjaan sebenar dan wajar yang ditanggung berhubung dengan pemindahan ke Penyedia PRS lain atau menukar antara dana dalam Skim seperti yang didedahkan dalam dokumen pendedahan.
- Yuran penyedia iaitu Bayaran Penebusan dan Yuran pemindahan, di mana berkenaan, akan ditolak daripada sub-akaun A.
- Jika permintaan pemindahan ialah daripada beberapa dana dari Penyedia yang sama, Yuran Pemindahan akan diagihkan mengikut bilangan dana. Contohnya, jika Yuran Pemindahan ialah RM25 dan melibatkan dua dana dari penyedia yang sama, Yuran Pemindahan untuk setiap dana ialah RM12.50.

- Seperti sebarang kewujudan dan penebusan unit, kedua-dua Penyedia PRS mesti mendapatkan harga seunit pada titik penilaian berikut selepas permintaan diterima.
- Ahli mesti dimaklumkan bahawa terdapat ketinggalan waktu semasa proses pemindahan kerana proses melibatkan penebusan unit dan pewujudan unit oleh Penyedia berlainan. Oleh itu, harga dana mungkin berubah akibat daripada pergerakan atau turun naik pasaran.

Contoh 2:

Ahmad mempunyai dua dana dengan PRS Alpha dan ingin memindah keluar dari Penyedia Beta (dana Pertumbuhan dan Sederhana). Pemindahan tersebut sepatutnya adalah seperti berikut:

TRANSAKSI PEMINDAHAN KELUAR			TRANSAKSI PEMINDAHAN MASUK
Nama Dana	Unit	Bilangan Unit	
Alpha Konservatif	Penuh / Sebahagian	Nota: Untuk pemindahan penuh, ahli tidak perlu mengisi ruang ini	Beta Pertumbuhan
Alpha Syariah	Penuh / Sebahagian	100	Beta Sederhana

Contoh 3:

Ahmad mula bekerja dengan Syarikat ABC pada 1 Januari 20X4 dan Syarikat ABC memulakan caruman RM100 sebulan dengan PRS Bravo bagi pihak Ahmad pada hari yang sama. Pada 1 Julai 20X4, Ahmad juga mula mencarum dengan PRS Bravo secara persendirian.

Pada 1 Januari 20X5, Ahmad dibenarkan untuk memindah faedah terakru dalam PRS Bravo ke PRS lain (katakanlah PRS Echo) yang dipilih oleh beliau kerana:

- 1 tahun telah berlalu sejak caruman pertama pada PRS Bravo; dan
- Caruman pada mana-mana dana di bawah sebarang Skim boleh dilakukan secara persendirian oleh pekerja atau individu.

Jika kami menganggap bahawa Ahmad juga mencarum dengan PRS Delta dari 1 Oktober 20X3, beliau juga dibenarkan untuk memindah faedah terakru dari PRS Delta dalam tahun kalendar 20X5 kerana:

- c) PRS Delta ialah Penyedia PRS berlainan dan ini merupakan permintaan buat kali pertama dalam tahun kalendar tersebut untuk memindah dari PRS Delta.

#### **(h) Wang tidak dituntut dan kematian ahli**

Penyedia PRS perlu mengekalkan akaun ahli walaupun ia menjadi dormant (tiada penerimaan wang dan pergerakan antara dana selepas satu tempoh tertentu). Di mana akaun telah dormant selama tempoh 12 bulan berikutan hari lahir ke-80 ahli, Pemegang Amanah Skim mungkin membayar apa-apa faedah terakru yang tidak dituntut yang dipegang oleh Pemegang Amanah Skim kepada pendaftar wang tidak dituntut, selaras dengan peruntukan *Akta Wang Tidak Dituntut 1965*. Sebelum membayar faedah terakru tidak dituntut kepada pendaftar wang tidak dituntut, Pemegang Amanah Skim mesti mendapatkan kelulusan PPA.

Selepas kematian seorang ahli, wakil peribadi ahli seperti wasi atau pentadbir boleh melakukan permohonan untuk melakukan pengeluaran dari Penyedia PRS berkenaan. Dokumen sokongan seperti sijil pengesahan wasiat, surat pentadbiran atau Sijil Faraid mesti dihantar kepada Penyedia PRS sebaik sahaja ia boleh dilaksanakan. Selepas ini, semua dokumen tersebut akan diserahkan kepada PPA untuk kelulusan mereka. Setelah menerima kelulusan terlebih dahulu dari PPA, Penyedia PRS berkenaan mesti membayar prosid untuk pembelian balik unit kepada wakil peribadi Ahli PRS yang telah meninggal dunia dalam tempoh 10 hari.

## **4.2 Pemegang Amanah Skim**

### **(a) Kelulusan dari SC**

Pemegang Amanah Skim mesti diluluskan oleh SC di bawah seksyen 139ZC CMSA. Setiap Skim perlu mempunyai satu Pemegang Amanah.

### **(b) Kelayakan untuk menjadi Pemegang Amanah Skim**

Untuk layak, Pemegang Amanah Skim mesti-

- merupakan syarikat amanah di bawah *Akta Syarikat Amanah 1949* atau diperbadankan menurut *Akta Perbadanan Amanah Awam 1995*;
- berdaftar dengan SC;
- mempunyai modal berbayar minimum RM500,000 dan dana pemegang saham sebanyak RM1 juta (atau jumlah sedemikian yang mungkin ditentukan oleh SC);



- mendapatkan perlindungan insurans ganti rugi profesional berjumlah sekurang-kurangnya RM5 juta dalam tahun pertama pendaftarannya oleh SC dan meningkatkan jumlah perlindungan insurans ganti rugi profesional ke sekurang-kurangnya RM10 juta dalam tahun kedua pendaftarannya oleh SC, dan seterusnya mengekal perlindungan tersebut; dan
- bebas daripada Penyedia PRS.

**(c) Tanggungjawab dan fungsi**

**(i) Memegang aset dalam amanah untuk ahli PRS**

Fungsi utama Pemegang Amanah ialah menjaga dan mengawal semua sekuriti, derivatif, hartanah dan aset PRS dan memegangnya dalam amanah untuk ahli sejajar dengan surat ikatan, undang-undang sekuriti berkenaan dan sebarang garis panduan yang dikeluarkan oleh SC. Sehubungan dengan itu, Pemegang Amanah Skim mesti melaksanakan kadar pertimbangan dan ketekunan seperti yang dilaksanakan oleh seseorang individu yang munasabah jika beliau berada dalam kedudukan Pemegang Amanah Skim (ujian "individu munasabah") bagi melindungi kepentingan terbaik ahli secara keseluruhan.

**(ii) Urus niaga dalam unit**

Setelah menerima arahan dari Penyedia PRS, Pemegang Amanah Skim mewujudkan dan membatalkan unit dana dalam PRS. Dengan itu, memudahkan urus niaga unit untuk dana. Pemegang Amanah Skim boleh menolak untuk mewujudkan unit atau menyediakan unit dalam bilangan yang diarah oleh Penyedia PRS jika pewujudan tersebut akan menyebabkan pelanggaran surat ikatan, undang-undang sekuriti (termasuk Kawal Selia PRS) atau Garis Panduan PRS. Pemegang Amanah Skim boleh menolak pembatalan unit atau untuk membatalkan unit dalam bilangan yang diarahkan oleh Penyedia PRS jika pembatalan tersebut bukan untuk kepentingan terbaik ahli atau jika ia akan menyebabkan pelanggaran surat ikatan, undang-undang sekuriti atau Garis Panduan PRS.

**(iii) Akaun dan audit**

Pemegang Amanah Skim mesti memastikan bahawa penyata kewangan dana teraudit setiap tahun oleh juruaudit bebas daripada Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim, dan berdaftar dengan Lembaga Pengawasan Audit. Pemegang Amanah Skim juga boleh memberhentikan seseorang juruaudit dan melantik yang lain untuk

menggantikannya jika dianggap perlu. Ahli boleh, dengan melalui resolusi biasa, meminta pemegang amanah menggantikan seseorang juruaudit.

(iv) **Laporan kepada ahli**

Pemegang Amanah Skim mesti menyediakan laporan kepada ahli untuk dimasukkan ke dalam laporan dana mengenai sama ada pengagihan pulangan adalah sesuai untuk dana dan mengikut objektif pelaburan dana.

Laporan juga mesti menyatakan pendapat Pemegang Amanah sama ada Penyedia PRS telah mengendalikan dan menguruskan dana selaras dengan–

- had dikenakan ke atas kuasa pelaburan Penyedia PRS di bawah surat ikatan amanah, Garis Panduan PRS, CMSA dan undang-undang berkenaan lain;
- penilaian dijalankan menurut surat ikatan amanah dan syarat-syarat kawal selia lain; dan
- penciptaan dan pembatalan unit dilaksanakan menurut surat ikatan amanah dan syarat-syarat kawal selia lain; dan

Jika Pemegang Amanah Skim berpendapat bahawa Penyedia PRS belum berbuat demikian, Pemegang Amanah Skim perlu mendedahkan kekurangan tersebut yang mungkin menjejaskan keputusan ahli atau ahli berpotensi untuk melabur dalam dana. Pemegang Amanah Skim perlu mendedahkan langkah-langkah yang diambil untuk menangani kekurangan tersebut dan/atau mengelakkan ia daripada berlaku pada masa hadapan.

(v) **Fungsi pengawasan**

Kebimbangan utama Pemegang Amanah Skim adalah untuk memastikan bahawa Skim dan dana di bawah Skim dikendali dan diurus selaras dengan–

- surat ikatan
- dokumen pendedahan;
- Garis Panduan PRS;
- undang-undang sekuriti, termasuk Kawal Selia PRS; dan

- amalan perniagaan yang diterima dan berkesan dalam industri PRS.

Oleh itu, adalah penting bagi Pemegang Amanah Skim untuk mengekalkan polisi dan prosedur pemantauan secara aktif ke atas operasi dan pengurusan Penyedia PRS. Ini dilakukan melalui penilaian pematuhan untuk had pelaburan dan proses yang digunakan oleh Penyedia PRS. Pemegang Amanah Skim perlu melaporkan sebarang pelanggaran prosedur. Seorang juruaudit bebas mesti dilantik oleh Pemegang Amanah Skim untuk menjalankan audit tahunan terhadap penyata kewangan bagi mewujudkan kebolehpercayaan kepada fungsi pengawasan secara keseluruhan.

### 4.3 Yuran, bayaran dan perbelanjaan

#### (a) Am

Bahagian ini membincangkan yuran dan bayaran yang memberi kesan kepada ahli PRS. Adalah penting untuk ahli memahami bahawa yuran dan bayaran yang lebih tinggi akan pasti mengurangkan prestasi dana jangka panjang. Ini disebabkan wang yang dilaburkan sebenarnya menjadi lebih kurang untuk pelaburan dan sebagai akibat langsung dari ini, perbelanjaan yang tinggi akan mengurangkan prestasi tahunan dana.

Contoh di bawah menerangkan fakta ini. Andaikan bahawa keempat-empat dana memberi pulangan kasar sebanyak 10% (sebelum yuran dan perbelanjaan) setiap tahun untuk 10 tahun akan datang.

	Dana A	Dana B	Dana C	Dana D
Bayaran jualan permulaan	0%	0%	0%	7%
Yuran dan perbelanjaan pengurusan tahunan	0%	1%	2%	0%
Terbuka untuk pelaburan pada tahun 0	100%	100%	100%	93%
Pulangan kasar setiap tahun	10%	10%	10%	10%
Pulangan bersih setiap tahun	10%	9%	8%	10%
Jumlah pulangan selepas 10 tahun	259.4%	236.7%	215.9%	241.2%

Dana A mengatasi prestasi Dana B dan Dana C hanya kerana yuran yang lebih tinggi untuk Dana B dan Dana C mengakibatkan aset terkumpul yang lebih rendah setiap tahun untuk ahli serta faktor pengkompaunan yang lebih kecil.

Dana A mengatasi prestasi Dana D kerana bayaran jualan permulaan sebanyak 7% dalam Dana D bermakna hanya 93% daripada pelaburan awal dana dilaburkan untuk ahli. Ini menyebabkan pengurangan sebanyak 7% dalam jumlah pulangan sepanjang masa.

lanya penting untuk ahli memahami pelbagai yuran, bayaran dan perbelanjaan yang terlibat supaya dapat melakukan keputusan termaklum apabila menyertai sesuatu PRS. Ia juga penting bagi ahli untuk dimaklumkan bahawa yuran yang dikenakan ke atas dana boleh didapati dalam bentuk yuran pemegang amanah, yuran yang dibayar kepada PPA dan yuran lain yang akan memberi kesan kepada pulangan dana.

### **(b) Bayaran/yuran urus niaga untuk urusan unit**

Ini ialah bayaran yang dikenakan ke atas ahli yang menyertai PRS. Ia mungkin terdiri daripada kedua-dua yuran kemasukan dan yuran keluar atau hanya yuran kemasukan. Jumlah bayaran yang akan ditanggung, dinyatakan dengan jelas dalam dokumen pendedahan. Bayaran ini sebahagian besarnya dikutip oleh Penyedia PRS untuk membayar Perunding PRS dan untuk menampung kos pemasaran.

Sebagai tambahan, bayaran urus niaga ini mesti dinyatakan dengan jelas oleh surat ikatan dan dinyatakan sebagai jumlah tetap atau peratusan tetap harga satu unit atau jumlah yang dilaburkan.

Penyedia PRS boleh mengubah bayaran urus niaga ini tetapi hanya selepas memaklumkan kepada pemegang amanah dan SC mengenai perubahan tersebut dan mengeluarkan dokumen pendedahan tambahan dengan syarat perubahan tersebut adalah dalam lingkungan yang ditetapkan dalam surat ikatan. Tempoh tiga puluh hari perlu dipenuhi selepas dokumen pendedahan tambahan dikeluarkan sebelum bayaran urus niaga baru boleh dilaksanakan. Sebarang peningkatan dalam jumlah maksimum atau kadar maksimum yang dinyatakan dalam surat ikatan hanya boleh dilakukan menurut resolusi khas yang diluluskan di suatu mesyuarat ahli Skim atau dana dalam Skim, sebagaimana kes yang mungkin berlaku.

Untuk bertindak secara adil, diskaun dan rebat dalam apa-apa bentuk tidak dibenarkan, dan Penyedia PRS, agen jualan dan pengedarnya mesti memaklumkan dengan jelas kepada ahli dan pencarum mengenai kadar sebenar bayaran yang perlu dibayar.

### **(c) Ganjaran kepada Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim**

Kedua-dua Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim hanya boleh diberi ganjaran dalam bentuk yuran pengurusan tahunan dan yuran pemegang amanah tahunan yang dikenakan ke atas dana. Yuran mesti diakru setiap hari dan dikira berdasarkan NAB dana (disebabkan kebanyakan yuran Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim adalah berdasar pada peratusan saiz dana). Yuran ini mesti dibenarkan oleh surat ikatan dan jelas dinyatakan dalam dokumen pendedahan dengan mengambil kira peranan, tugas dan tanggungjawab pihak masing-masing.

Kenaikan peratusan yuran pengurusan hanya boleh dilakukan melalui surat ikatan tambahan di mana ahli-ahli dana meluluskan resolusi khas untuk meluluskan peningkatan tersebut.

Penyedia PRS dibenarkan mengutip yuran sebagai agen bagi pihak PPA. Yuran ini bukan merupakan ganjaran bagi Penyedia PRS dan tidak harus dikelirukan dengan yuran pengurusan tahunan.

#### **(d) Perbelanjaan dana**

Pengecualian bagi yuran yang perlu dibayar kepada PPA, hanya perbelanjaan (atau sebahagian daripadanya) yang berkaitan secara langsung dan diperlukan dalam pengendalian Skim dan pengurusan sesuatu dana boleh dibayar daripada dana. Ini termasuk yang berikut:

- Komisen atau yuran yang dibayar kepada broker atau peniaga;
- Bayaran atau yuran penjagaan yang dibayar kepada sub-penjaga (jika berkenaan);
- Cukai dan bayaran kerajaan dan pihak berkuasa tempatan yang lain;
- Yuran audit dan perbelanjaan berkaitan oleh juruaudit yang dilantik oleh PRS;
- Yuran penilaian dan perbelanjaan berkaitan oleh penilai bebas untuk manfaat dana;
- Kos yang ditanggung dalam pengubahsuaian surat ikatan (selain daripada yang memberi manfaat kepada Penyedia PRS atau Pemegang Amanah Skim); dan
- Kos yang ditanggung dalam mana-mana mesyuarat ahli (selain daripada yang memberi manfaat kepada Penyedia PRS atau Pemegang Amanah Skim).

Tanggungjawab terletak pada Pemegang Amanah Skim bagi memastikan bahawa semua perbelanjaan yang dikenakan ke atas dana adalah sah dan jumlah perbelanjaan yang dikenakan adalah berpatutan berdasarkan pada kadar komersial standard. Pemegang Amanah Skim sendiri boleh dibayar balik perbelanjaan yang ditanggung semasa melaksanakan tugas beliau sebagai pemegang amanah.

#### **(e) Mengkaji semula yuran dan bayaran**

SC mempunyai kuasa untuk menyemak semula yuran dan bayaran. Jika terdapat perbelanjaan dan yuran yang tidak sejajar dengan objektif Skim atau

menjelaskan kepentingan ahli-ahli, ia mungkin memerlukan perbelanjaan dan yuran sedemikian untuk diselaraskan dengan perkhidmatan yang sedia ada.

#### **4.4 Urus niaga, penilaian dan penetapan harga**

##### **(a) Unit-unit dana**

Unit-unit dana diwujudkan dan dibatalkan oleh Pemegang Amanah Skim atas nasihat Penyedia PRS disebabkan oleh permintaan baru daripada ahli atau ahli PRS yang berpotensi untuk membeli atau menebus unit. Selain daripada tawaran awal untuk dana di mana harga permulaan ditetapkan semasa tempoh tawaran (satu tempoh tidak melebihi 21 hari), semua urus niaga dalam dana mestilah pada NAB seunit dana pada titik penilaian berikutnya (lazimnya pada hari perniagaan berikutnya) selepas permintaan jualan atau belian balik unit oleh Penyedia PRS. Ini dikenali sebagai penetapan harga hadapan dan adalah penting bagi ahli memahami rasional di sebalik penetapan harga ini. Dalam keadaan di mana kebenaran terlebih dahulu daripada PPA diperlukan untuk membeli semula unit, transaksi tersebut akan berdasarkan pada NAB seunit dana pada titik penilaian berikutnya selepas kebenaran PPA telah diterima oleh Penyedia PRS.

##### **(b) Penetapan harga hadapan**

Adalah lebih baik untuk menjelaskan penetapan harga hadapan dengan satu contoh.

Katakanlah NAB seunit yang diumumkan untuk Dana A (sebuah dana ekuiti) pada 20 Mac 20X2 ialah RM1.00. Andaikan bahawa dalam waktu yang singkat, terdapat pergolakan dalam pasaran ekuiti dan kejatuhan dalam pasaran utama di luar negara. Ahli XYZ ingin menukar ke dana yang lain, maka beliau menebus satu unit dalam Dana A dan mengemukakan permintaan pada 21 Mac. Penetapan harga hadapan bermakna Ahli XYZ hanya akan menerima penebusan pada harga NAB seunit pada 21 Mac (titik penilaian berikutnya) iaitu pada RM0.98. Membenarkan Ahli XYZ menebus pada RM1.00 seunit akan merugikan kesemua ahli lain kerana Ahli XYZ akan mendapat keuntungan RM0.02 seunit dan ini akan merugikan ahli-ahli yang lain.

Sebaliknya, katakan pasaran luar negara mengalami pemulihan besar dan Ahli QRS ingin membeli dana dan mengemukakan permintaan beliau untuk membeli satu unit pada 21 Mac. NAB pada 21 Mac diumumkan sebagai RM1.03. Ahli QRS hanya boleh membeli dana pada RM1.03 seunit (harga hadapan). Membenarkan Ahli QRS untuk membeli dana pada NAB RM1.00 seunit yang lampau (pada 20 Mac 20X2) akan membenarkan Ahli QRS mendapat keuntungan dan ini akan merugikan ahli-ahli yang lain.

Dalam contoh lain:

<b>Penetapan Harga Dana PRS Penyedia A</b>	
<b>Tarikh</b>	<b>NAB</b>
23 Januari 20X4	RM1.00
24 Januari 20X4	RM1.20

Titik penilaian Penyedia A adalah pada pukul 4.00 petang setiap hari perniagaan. Jika Ahli ABC mengemukakan permintaan untuk melabur dalam dana PRS pada pukul 12.00 tengah hari pada 23 Januari 20x4, titik penilaian untuk pelaburan beliau ialah NAB pada 23 Januari 20x4 yang hanya akan diumumkan pada hari berikutnya.

Jika Ahli XYZ mengemukakan permintaan untuk melabur dalam dana PRS pada pukul 5.00 petang pada 23 Januari 20x4, NAB seunit untuk pelaburan beliau ialah RM1.20.

Daripada contoh di atas, adalah jelas bahawa penetapan harga hadapan akan bergantung pada masa bagi titik penilaian berikutnya.

Untuk permintaan pelaburan yang dikemukakan selepas titik atau masa penilaian, ia akan berdasarkan pada NAB hari perniagaan berikutnya. Adalah penting untuk dimaklumkan bahawa Penyedia PRS mempunyai titik penilaian yang berbeza.

### **(c) Penilaian**

Satu penilaian yang adil dan tepat untuk semua aset dan liabiliti dana mesti dilaksanakan pada setiap titik penilaian bagi menentukan NAB seunit dana.

Dalam kes sedemikian, titik penilaian mesti dinyatakan dengan jelas dalam dokumen pendedahan dan mesti dilaksanakan sekurang-kurangnya sebulan sekali. Setelah penilaian ditentukan, Pemegang Amanah Skim perlu dimaklumkan dengan segera. NAB dana perlu diterbitkan setiap hari di laman web Penyedia PRS dan PPA.

Titik penilaian mesti dinyatakan sekurang-kurangnya sekali setiap hari perniagaan walaupun dalam keadaan tertentu di mana terdapat pengaturan pembelian semula yang terhad atau pelaburan dalam aset tidak cair (seperti hartanah), keperluan penilaian harian tidak digunakan. Dalam kes sedemikian, titik penilaian mesti dinyatakan dengan jelas dalam dokumen pendedahan dan ini mesti dilaksanakan sekurang-kurangnya sebulan sekali.

**(d) Pengagihan, pemecahan dan NAB**

**(i) Kesan pemecahan pada NAB**

Pemecahan unit akan mengurangkan NAB seunit tetapi ia tidak mempunyai kesan keseluruhan ke atas jumlah nilai pegangan ahli kerana pengurangan dalam NAB dapat diimbangi oleh jumlah unit yang lebih tinggi.

*Contoh:*

Sehingga 2 April 20X2, Ahli ABC telah memegang satu unit Dana XYZ dengan NAB seunit sebanyak RM2.10. Pemecahan 2-untuk-1 telah diisytiharkan pada tarikh yang sama. Selepas pemecahan unit, Ahli ABC memegang dua unit Dana XYZ tetapi dengan NAB seunit sebanyak RM1.05.

**(ii) Kesan pengagihan ke atas NAB**

Pengagihan (dari segi dividen) akan mengurangkan NAB seunit kerana sebahagian daripada NAB dikembalikan kepada ahli dalam bentuk bayaran tunai. Dalam kes PRS di mana unit mesti diberi sebagai ganti kepada pembayaran tunai, NAB dana masih akan dikurangkan kerana lebih banyak unit akan diwujudkan daripada kumpulan dana yang sama. Pengagihan pendapatan dalam bentuk unit adalah sama dengan pemecahan unit seperti di atas.

*Contoh:*

Sehingga 1 Mac 20X2, Ahli QQQ memiliki 800 unit Dana MNO dengan NAB seunit sebanyak RM2.00. Dividen RM0.40 seunit telah diisytiharkan dan dibayar pada tarikh yang sama dalam bentuk unit dana. Sebaik sahaja selepas pembayaran dividen dilakukan, Ahli QQQ akan memegang 1000 unit Dana MNO dengan NAB seunit yang lebih rendah iaitu sebanyak RM1.60. Walaupun NAB seunit telah dikurangkan dengan pengagihan tersebut, Ahli QQQ tidak mengalami sebarang kerugian kerana beliau masih mempunyai jumlah nilai yang sama seperti dahulu.

Jika Penyedia PRS memilih untuk tidak mengagihkan pendapatan atau mengisytiharkan dividen, harga unit dana akan naik dengan peningkatan NAB. Pada setiap masa, NAB dana harus memaparkan semua pendapatan tersedia yang terakru padanya.



## 4.5 Dokumen pendedahan

### (a) Am

Tujuan dokumen pendedahan adalah untuk membolehkan ahli-ahli melakukan keputusan pelaburan termaklum untuk caruman mereka kepada PRS. Ia menyediakan maklumat relevan dan tepat yang penting dalam memahami pengurusan dan operasi dana masing-masing di dalam Skim.

Ahli-ahli berpotensi akan diberi satu salinan (sama ada salinan cetak atau salinan digital) dokumen pendedahan apabila mereka memohon untuk melanggan Skim. Ahli-ahli ini mesti dinasihatkan untuk membaca dan memahami dokumen pendedahan sebelum membuat keputusan untuk menyertai skim.

Isi kandungan dokumen pendedahan mesti mengandungi–

- (i) Muka depan dengan nama Skim dan tarikh;
- (ii) Muka dalam di dalam dokumen yang menyediakan penyata tanggungjawab dan penyata penafian;
- (iii) Jadual kandungan yang menyenaraikan semua bahagian dan sub-bahagian dalam dokumen pendedahan;
- (iv) Bahagian mengenai definisi dan direktori korporat;
- (v) Ringkasan data/maklumat utama yang menggariskan ciri-ciri utama dana di bawah PRS;
- (vi) Maklumat mengenai faktor risiko pelaburan dalam dana;
- (vii) Butiran PRS;
- (viii) Butiran dana di bawah Skim termasuk objektif pelaburan;
- (ix) Yuran, bayaran dan perbelanjaan yang merupakan kos untuk melabur dalam dana;
- (x) Maklumat transaksi termasuk maklumat mengenai titik penilaian dan prosedur pembelian dan penebusan unit;
- (xi) Satu bahagian mengenai Penyedia PRS dengan maklumat korporat dan maklumat mengenai jawatankuasa pelaburan, jawatankuasa audit, penasihat Syariah dan panel penasihat, jika berkenaan;
- (xii) Satu bahagian mengenai Pemegang Amanah Skim;
- (xiii) Ciri-ciri utama terma surat ikatan;

- (xiv) Transaksi pihak berkaitan dan bidang yang mungkin menimbulkan percanggahan kepentingan;
- (xv) Pencukaian dana;
- (xvi) Penyata persetujuan daripada pihak berkenaan yang termasuk, antara lain, juruaudit, penilai, peguam dan pakar-pakar lain;
- (xvii) Penyata yang menyatakan bahawa semua dokumen berkenaan disediakan untuk penelitian di pejabat berdaftar Penyedia PRS; dan
- (xviii) Keperluan khusus untuk pelbagai jenis dana.

## **(b) Lembaran Penerangan Produk**

Lembaran Penerangan Produk menyediakan ringkasan maklumat penting mengenai dana di bawah Skim untuk semua ahli berpotensi. Satu Lembaran Penerangan Produk mesti disediakan untuk setiap dana di bawah Skim kecuali untuk dana teras Skim yang mesti dimasukkan ke dalam satu Lembaran Penerangan Produk.

Lembaran Penerangan Produk mesti mengikut contoh yang disediakan dalam Lampiran I Jadual G Garis Panduan PRS yang akan ditentukan oleh SC dari semasa ke semasa. Ia juga mesti menyediakan maklumat dengan cara yang jelas, ringkas dan padat serta berkesan pada setiap masa. Dengan itu, Lembaran Penerangan Produk mesti disediakan dalam bahasa yang mudah difahami dan di mana perlu, menggunakan carta, jadual dan gambarajah yang mudah bagi tujuan penyampaian maklumat dengan lebih baik.

Lembaran Penerangan Produk, sama ada dalam salinan cetak atau salinan digital, mesti dikemukakan kepada ahli berpotensi ketika pada penglibatan awal atau pada waktu individu tersebut menunjukkan minat dalam PRS. Lembaran Penerangan Produk mesti mengandungi, tetapi tidak terhad kepada, maklumat berikut:

### **(i) Maklumat Skim**

- Nama Skim;
- Maklumat am mengenai Skim. Ini termasuk penjelasan ringkas mengenai manfaat mencarum kepada Skim;
- Penjelasan ringkas mengenai operasi Skim;
- Kenyataan bahawa terdapat dana lain yang telah dilancarkan dalam Skim yang tidak terkandung dalam Lembaran Penerangan Produk berkenaan;

- Bilangan dana dalam Skim, nama setiap dana dan jenis setiap dana.

(ii) **Maklumat dana**

- Nama dana;
- Kategori dana;
- Objektif pelaburan dana;
- Penjelasan yang ringkas tetapi relevan mengenai strategi pelaburan utama, termasuk strategi pengagihan aset yang akan digunakan oleh pengurus dana bagi memenuhi objektif;
- Tanda aras prestasi;
- Profil ahli; dan
- Jika pelbagai kelas unit dikeluarkan, jadual perbandingan yang menunjukkan ciri-ciri berbeza setiap kelas.
- Bagi dana patuh Syariah, kenyataan berikut perlu dinyatakan:  
“<<nama dana>> telah disahkan sebagai patuh Syariah oleh <<nama Penasihat Syariah yang dilantik untuk Dana>>”

(iii) **Yuran dan bayaran**

Penjelasan mengenai–

- semua yuran dan bayaran bagi setiap dana adalah hal perkara Lembaran Penerangan Produk dan perlu dinyatakan dengan jelas dalam bentuk jadual; dan
- cara ahli akan dimaklumkan mengenai sebarang peningkatan dalam yuran dan bayaran, termasuk sama ada sebarang tempoh notis yang perlu disediakan sebelum tarikh kuat kuasa yuran dan/ atau bayaran yang lebih tinggi tersebut.

(iv) **Pencukaian dana**

Lembaran Penerangan Produk mesti mengandungi secara ringkas–

- pencukaian dana di bawah Skim, dengan mengambil kira ciri tersendiri dana;

- berhubung dengan ahli-ahli, potongan cukai yang disediakan dan liabiliti cukai (termasuk penalti cukai untuk pengeluaran sebelum persaraan), jika ada; dan
- potongan cukai maksimum yang disediakan untuk majikan yang memberi caruman bagi pihak kakitangan.

(v) **Faktor-faktor risiko**

Lembaran Penerangan Produk mesti menekankan risiko pelaburan am dan risiko tertentu dana sebagai isi kandungan Lembaran Penerangan Produk.

(vi) **Maklumat lain**

- Saluran nasihat untuk bakal ahli;
- Maklumat mengenai cara ahli dapat mengikuti perkembangan terkini dana, menjejak NAB seunit dana dan caruman mereka kepada skim;
- Di mana dan bagaimana ahli boleh melakukan aduan;
- Kenyataan berikut perlu didedahkan (dalam huruf tebal)

**“Ini ialah Skim Persaraan Swasta”**

**“Skim ini melibatkan yuran serta bayaran dan pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkannya sebelum melabur dalam dana”**

**“Harga unit dan pengagihan yang perlu dibayar, jika ada, mungkin turun dan juga naik”**

- Di mana dana bercadang untuk melakukan pelaburan yang besar dalam derivatif (iaitu lebih daripada 30%), satu kenyataan amaran (yang muncul dalam huruf tebal) mesti dinyatakan untuk memberi amaran mengenai kemungkinan turun naik yang tinggi dalam NAB dana akibat derivatif ini; dan
- Maklumat lain yang mungkin dianggap perlu, penting dan mustahak oleh Penyedia PRS untuk dimasukkan ke dalam Lembaran Penerangan Produk.”

**(c) Seksyen data utama/ringkasan maklumat**

Seksyen data utama/ringkasan maklumat dalam dokumen pendedahan menggariskan ciri-ciri utama dana dan di mana perlu, termasuk rujukan silang pada muka surat dalam dokumen pendedahan yang memberikan butiran lengkap mengenai perkara-perkara yang berkaitan. Adalah penting bagi Perunding PRS untuk menarik perhatian ahli ke seksyen ini kerana ia mendedahkan bayaran dan yuran yang dikenakan dalam pelaburan unit dana.

Bahagian ringkasan perlu mengandungi maklumat berikut:

**(i) Maklumat skim**

- Nama dan maklumat am Skim;
- Huraian ringkas operasi Skim; dan
- Bilangan dana dalam Skim serta nama setiap dana dan jenis setiap dana.

**(ii) Maklumat dana**

- Nama, kategori dan jenis dana;
- Tempoh tawaran awal dan harga permulaannya;
- Objektif pelaburan dana;
- Huraian mengenai polisi dan strategi pelaburan termasuk strategi peruntukan aset yang digunakan untuk memenuhi objektif pelaburan;
- Huraian mengenai risiko utama pelaburan dalam dana; dan
- Di mana pelbagai kelas unit diterbitkan, jadual perbandingan yang menunjukkan ciri-ciri berbeza setiap kelas.

**(iii) Yuran dan bayaran**

- Pendedahan bayaran yang ditanggung secara langsung oleh ahli-ahli apabila membeli atau menebus unit dana;
- Indikasi nyata yang diumumkan dengan jelas dalam dokumen pendedahan sama ada bayaran boleh dirundingkan; dan
- Untuk mendedahkan yuran yang ditanggung secara tidak langsung oleh ahli-ahli apabila melabur dalam dana.

(iv) **Maklumat lain**

- Senarai surat ikatan semasa serta sebarang surat ikatan tambahan dan tarikh yang bersamaan dengannya;
- Sebarang data utama yang dianggap perlu, penting dan mustahak oleh Penyedia PRS untuk dimasukkan ke dalam bahagian ini; dan
- Bagi skim yang telah beroperasi, kenyataan amaran ini mesti dimasukkan:

**“Prestasi lampau dana bukan petunjuk prestasi masa depan.”**

(d) **Nisbah pusing ganti portfolio**

Nisbah pusing ganti portfolio (NPGP) merupakan petunjuk kekerapan belian dan jualan oleh pengurus untuk aset dalam dana sepanjang suatu tempoh masa pengukuran (biasanya tempoh 12 bulan).

NPGP boleh dikira seperti berikut:

$$\frac{1/2 \times (\text{jumlah pembelian pelaburan} + \text{jumlah jualan pelaburan})}{\text{Saiz dana purata untuk tahun dikira pada dasar harian}}$$

Pengukuran NPGP perlu dipertimbangkan oleh pelabur sebelum melakukan keputusan untuk melabur dalam dana kerana dana dengan NPGP lebih tinggi akan menanggung kos transaksi yang lebih tinggi berbanding dana dengan NPGP lebih rendah. Melainkan dana dengan NPGP lebih tinggi boleh menjustifikasikan pemilihan saham unggul dan penukaran, kedudukan dagangan yang kurang aktif boleh menjana pulangan dana yang lebih tinggi.

(e) **Hak dan liabiliti ahli PRS**

Apabila mempertimbangkan sama ada untuk melabur dalam Skim, ahli berpotensi berhak untuk menjangka bahawa maklumat berkenaan akan diberikan kepada beliau bagi membolehkan beliau membuat keputusan yang tepat.

Pada peringkat awal bersama Perunding PRS, ahli berpotensi perlu diberi Lembaran Penerangan Produk yang merupakan ringkasan butir-butir penting mengenai PRS dan juga dana yang ditawarkan. Ahli berpotensi mesti dimaklumkan supaya tidak membuat keputusan pelaburan berdasarkan semata-mata pada maklumat yang diperolehi daripada Lembaran Penerangan Produk tetapi untuk membaca dokumen pendedahan dengan sepenuhnya. Pengecualian diberikan apabila ahli memilih untuk melaksanakan hak beliau

tanpa memilih mana-mana dana tertentu dan bergantung pada pilihan automatik yang ditetapkan oleh PRS. Ini biasanya lebih lazim diamalkan dalam kes-kes yang melibatkan caruman majikan bagi pihak kakitangan mereka.

Dokumen pendedahan yang biasanya mengandungi borang permohonan akaun akan diberikan kepada ahli apabila beliau inginkan maklumat lanjut dan bersedia untuk melabur dalam PRS dan dana di dalamnya. Ahli berpotensi perlu dinasihatkan untuk membaca dokumen pendedahan secara keseluruhannya dan untuk mendapatkan nasihat undang-undang serta pelaburan jika terdapat sebarang keraguan.

Akhirnya, ahli berpotensi berhak untuk menjangkakan bahawa Perunding PRS mempunyai kelayakan yang sesuai untuk memberi nasihat dan maklumat pelaburan mengenai dana dan PRS secara am. Pengedar dan Perunding PRS perlu berdaftar dengan FIMM dan dilesenkan oleh SC, di mana berkenaan. Dengan cara ini, ahli berpotensi akan dijamin bahawa terdapat standard minimum dari segi perhatian dan profesionalisme yang boleh dijangkakan daripada wakil berlesen sedemikian.

**(f) Kenyataan palsu dan mengelirukan**

Seksyen 92A CMSA menetapkan bahawa Penyedia PRS yang melanggar apa-apa peraturan berkaitan dengan kenyataan palsu atau mengelirukan akan dianggap telah melakukan suatu kesalahan.

## SOALAN LATIHAN

---

### Soalan 1

Kenyataan yang manakah BENAR berkenaan caruman kepada PRS?

- (i) Majikan boleh melakukan caruman bagi pihak pekerja
  - (ii) Penyedia PRS menetapkan jumlah caruman minimum
  - (iii) Ahli-ahli boleh menyumbang kepada satu PRS sahaja
  - (iv) Ahli-ahli boleh berhenti mencarum pada bila-bila masa
- (A) (i) dan (iv) sahaja
  - (B) (i), (ii) dan (iv) sahaja
  - (C) (i), (ii) dan (iii) sahaja
  - (D) (ii), (iii) dan (iv) sahaja

[Jawapan: B]

### **Dua soalan seterusnya adalah berdasarkan pada senario di bawah:**

Majikan ABC menyumbang kepada PRS bagi pihak pekerja, Yasmin, tertakluk kepada jadual letak hak. Yasmin, yang berumur 30 tahun, tidak menyumbang kepada PRS secara sendiri.

Pada 1 Mac 20X2, jumlah yang diletak hak ialah RM10,000. Penalti yang dikenakan ke atas ahli untuk pengeluaran awal daripada sub-akaun B ialah 8%.

### Soalan 2

Pada 1 Mac 20X2, apakah jumlah yang terdapat sub-akaun A Yasmin?

- (A) RM3,000
- (B) RM7,000
- (C) RM9,700
- (D) RM10,000

[Jawapan: B]



### Soalan 3

Pada 1 Mac 20X2, Yasmin mengambil keputusan untuk melakukan pengeluaran pra-persaraan daripada sub-akaun B dan mengeluarkan kesemua baki yang ada. Apakah jumlah bersih yang perlu dibayar kepada Yasmin?

- (A) RM2,760
- (B) RM3,000
- (C) RM9,200
- (D) RM10,000

[Jawapan: A]

### Soalan 4

Yang manakah daripada contoh perbelanjaan ini DIBENARKAN dan boleh dibayar daripada PRS?

- (i) Yuran penjagaan
  - (ii) Yuran penilaian
  - (iii) Komisen yang dibayar kepada broker
  - (iv) Perbelanjaan untuk mengadakan mesyuarat ahli bagi meningkatkan yuran pengurusan tahunan
- 
- (A) (i) dan (ii) sahaja
  - (B) (iii) dan (iv) sahaja
  - (C) (i), (ii) dan (iii) sahaja
  - (D) (ii), (iii) dan (iv) sahaja

[Jawapan: C]



## Bab 5

### **KANDUNGAN SKIM PERSARAAN SWASTA (PRS)**

---

#### **Objektif pembelajaran**

Bab ini mengkaji kandungan PRS.

Pada akhir bab ini, anda sepatutnya dapat:

- menyenaraikan pelbagai jenis dana dalam Skim;
- menerangkan konsep amanah dan kelebihan mempunyai Pemegang Amanah Skim untuk menjaga kepentingan ahli-ahli;
- menerangkan apakah surat ikatan amanah dan surat ikatan amanah tambahan;
- menerangkan bagaimana objektif pelaburan dana mentadbir jenis dana yang ditawarkan kepada ahli-ahli;
- mengenal pasti tahap risiko dana teras dan jenis dana biasa yang lain;
- menerangkan persamaan dan perbezaan antara PRS dan unit amanah; dan
- mengenali perbezaan antara PRS dan unit amanah serta produk persaraan lain seperti anuiti sebagai bandingan dengan caruman tambahan secara sukarela ke dalam KWSP.

## 5.1 Jenis dana dalam Skim

Tujuan PRS adalah untuk memudahkan pengumpulan aset oleh ahli-ahli untuk digunakan dalam persaraan. Oleh itu, pelbagai dana mesti disediakan dalam Skim bagi memenuhi permintaan tertentu ahli PRS. Garis Panduan PRS membenarkan Penyedia PRS menawarkan tujuh dana konvensional. Had ini boleh ditambahkan kepada 10 dana jika Penyedia PRS merancang untuk menawarkan dana patuh Syariah di bawah Skim. Secara alternatif, Skim tertentu boleh dibangunkan untuk dana patuh Syariah sahaja.

Pilihan automatik adalah untuk ahli-ahli yang telah memilih Penyedia PRS mereka tetapi tidak menentukan pilihan dana. Kes lain mungkin apabila majikan menyalurkan caruman kepada Penyedia PRS tertentu tetapi kakitangan tidak melakukan pemilihan dana. Dalam kes sedemikian, caruman ini akan diperuntukkan ke pilihan automatik yang ditetapkan oleh Penyedia PRS. Tujuan untuk mempunyai pilihan automatik bagi dana teras dalam setiap PRS adalah bagi memastikan bahawa caruman ahli-ahli yang tidak memilih dana tertentu disalurkan ke dalam dana yang sesuai dengan umur mereka.

Pada setiap masa, Penyedia PRS perlu memastikan bahawa Skim yang ditawarkan kepada orang ramai mempunyai pilihan automatik yang mengandungi dana teras. Tiga dana teras ini adalah—

- (i) dana konservatif;
- (ii) dana sederhana; dan
- (iii) dana pertumbuhan.

## 5.2 Instrumen yang membentuk Skim

### (a) Konsep amanah

PRS di bawah rangka kerja CMSA merupakan satu skim persaraan yang ditadbir oleh amanah.

Dalam sistem perundangan undang-undang Am, amanah merupakan hubungan di mana hak milik hartanah yang dipegang oleh satu pihak bagi manfaat pihak yang lain. Berhubung dengan PRS, Pemegang Amanah Skim akan memegang aset (aset dana seperti wang tunai, saham dan bon) bagi pihak ahli dan aset-aset ini dipegang secara berasingan daripada aset Penyedia PRS. Ia juga diasingkan oleh setiap dana di bawah PRS dan jelas dikenal pasti sebagai milik dana.

Komposisi aset dana ini mungkin berubah dalam tempoh sepanjang tahun (contohnya, daripada wang tunai langganan awal untuk ekuiti dan kembali kepada wang tunai untuk pengagihan), tetapi aset sentiasa kekal di bawah kawalan Pemegang Amanah Skim. Jika Penyedia PRS menghadapi masalah kewangan dan mempunyai isu-isu keupayaan membayar, aset PRS ahli masih akan selamat kerana ia diasingkan daripada aset Penyedia PRS.

**(b) Kelebihan pengaturan amanah**

Pemegang Amanah Skim mempunyai kewajipan fidusiari sebagai pemegang amanah dan bertanggungjawab untuk bertindak tanpa berbelah bagi untuk menjaga kepentingan para ahli. Walaupun Penyedia PRS, melalui pengurus dana, mempunyai kuasa pengendalian harian (contohnya, mereka boleh bertindak bagi pihak dana dengan membeli dan menjual saham, bon dan hartanah lain), aset dan wang berada dalam tangan Pemegang Amanah Skim. Pemegang Amanah Skim memegang aset dalam amanah untuk ahli dan mengasingkannya daripada aset Penyedia PRS. Aset-aset ini akan berada dalam keadaan yang selamat walaupun Penyedia PRS mengalami ketidakcairan atau menghadapi tindakan ketidakmampuan membayar apabila pengasingan tersebut menghalang mereka daripada dituntut oleh mana-mana pemiutang Penyedia PRS.

**(c) Surat ikatan**

Oleh sebab PRS ditadbir oleh struktur amanah, Kawal Selia PRS mengenakan syarat di mana surat ikatan mesti didaftarkan dengan SC bagi memastikan bahawa sesuatu amanah yang mentadbir penubuhan dan pengendalian PRS diwujudkan dan dipersetujui di antara Penyedia PRS dan Skim Pemegang Amanah. Dalam hal ini, peruntukan dan perjanjian bagi surat ikatan tersebut mesti memenuhi syarat minimum yang dinyatakan dalam Garis Panduan PRS.

Perjanjian surat ikatan akan mengandungi tugas dan tanggungjawab pelbagai pihak yang terlibat (termasuk Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim), serta butiran penuh PRS dan dana dalam Skim. Surat ikatan mesti didaftar, diserahkan dan disimpan dengan SC. Sebarang pengubahsuaian dalam surat ikatan hanya boleh dilakukan melalui surat ikatan tambahan yang juga perlu didaftarkan dengan SC.

**(i) Perjanjian Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim**

Perjanjian Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim, perjanjian bersama Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim, serta perjanjian lain boleh didapati dalam Jadual C Garis Panduan PRS.

**5.3 Kelulusan dana**

Dana di bawah PRS mungkin termasuk dana teras dan dana bukan teras yang mesti diluluskan oleh SC. Permohonan untuk kelulusan sesuatu Skim mesti juga mengandungi permohonan untuk kelulusan sekurang-kurangnya dana teras di bawah Skim tersebut. Bagi dana bukan teras, permohonan boleh dilakukan pada bila-bila masa selepas mendapatkan kelulusan Skim yang mengandungi dana teras.

Kelulusan bagi sesuatu dana boleh dibatalkan jika–

- sebarang maklumat atau dokumen yang diberikan dalam permohonan adalah palsu atau mengelirukan atau mengandungi peninggalan yang penting;
- dana teras tidak dilancarkan dalam tempoh enam bulan dari kelulusan;
- Penyedia PRS gagal mematuhi arahan SC atau keperluan dalam Garis Panduan PRS; atau
- ia adalah untuk melindungi kepentingan orang awam atau ahli-ahli secara keseluruhan.

## **5.4 Penamaan dana**

### **(a) Dana teras (dana automatik)**

Dana teras dalam PRS adalah dana automatik yang mesti dinamakan:

- (i) (Masukkan Nama Penyedia PRS) – Dana Pertumbuhan;
- (ii) (Masukkan Nama Penyedia PRS) – Dana Sederhana; dan
- (iii) (Masukkan Nama Penyedia PRS) – Dana Konservatif

### **(b) Dana bukan teras di bawah PRS**

Bagi dana bukan teras, Penyedia PRS dan Pemegang Amanah Skim perlu memastikan bahawa nama yang diberi kepada dana atau kelas unit mestilah sesuai, tidak mengelirukan atau bercanggah dengan nama dana lain. SC berhak untuk meminta Penyedia PRS menukar nama dana atau kelas unit jika nama tersebut dianggap tidak sesuai.

## **5.5 Objektif pelaburan Skim**

Objektif pelaburan Skim dan dana dalam PRS mesti dinyatakan dengan jelas, khusus dan secukupnya dalam surat ikatan.

### **(a) Dana yang berbeza untuk toleransi risiko yang berbeza**

Walaupun tujuan utama PRS adalah untuk memudahkan pengumpulan aset oleh ahli untuk digunakan dalam persaraan, ahli PRS akan mempunyai objektif pelaburan dan toleransi risiko berbeza yang perlu dipertimbangkan. Perunding PRS perlu menilai objektif ini bersama dengan toleransi risiko dan menasihatkan ahli dengan sewajarnya mengenai pulangan yang turun naik dana dalam PRS

dan risiko kemungkinan mengalami kehilangan modal yang besar jika melabur dalam dana tertentu. Ahli-ahli harus menyedari bahawa kemungkinan pulangan yang tinggi juga membawa risiko yang lebih tinggi.

Ahli-ahli juga perlu sedar bahawa walaupun terdapat pilihan automatik berdasarkan umur, ini mungkin tidak sesuai untuk semua ahli kerana sebilangan ahli dalam lingkungan umur tersebut mungkin memilih portfolio yang lebih konservatif atau agresif. Pilihan automatik akan dilakukan berdasar pada umur ahli. Peruntukan yang ditetapkan ini juga mematuhi garis panduan pelaburan di mana, jika tempoh pelaburan ahli adalah lebih panjang (iaitu untuk ahli yang lebih muda), maka ahli tersebut mampu menghadapi lebih banyak risiko dan pulangan turun naik yang lebih tinggi. Ini mungkin tidak benar untuk semua pelabur kerana sebilangan pelabur muda ingin menghindari risiko dan lebih cenderung kepada bon manakala sebilangan pelabur yang lebih tua mungkin inginkan yang sebaliknya. Perunding PRS perlu memastikan bahawa ahli tersebut selesa dengan profil risiko dana teras sebelum melakukan cadangan.

Jika ahli tidak memilih dana tertentu di bawah PRS, dana dalam pilihan automatik (dana teras) yang sepadan dengan umur mereka akan dipilih secara automatik. Butirannya adalah seperti berikut:

(i) **Dana konservatif**

Peruntukan aset untuk ahli berumur 50 tahun dan ke atas ialah 80% dalam debentur/instrumen pendapatan tetap di mana sekurang-kurangnya 20% mesti dalam instrumen pasaran wang dan maksimum 20% dalam ekuiti. Pelaburan di luar Malaysia tidak dibenarkan di bawah pilihan ini.

(ii) **Dana sederhana**

**Peruntukan aset bagi ahli berumur 40 tahun dan ke atas tetapi belum mencapai 50 tahun**  
Maksimum 60% dalam ekuiti.

(iii) **Dana pertumbuhan**

**Peruntukan aset untuk ahli-ahli di bawah umur 40 tahun**  
Maksimum 70% dalam ekuiti.

Adalah penting untuk mengambil perhatian bahawa keputusan peruntukan aset yang dikenakan ke atas ahli melalui sekatan dalam instrumen boleh dilaburkan serta jumlah yang dibenarkan bagi dana automatik akan mengurangkan risiko portfolio supaya ia dapat disesuaikan dengan umur ahli. Sebagai contoh, had maksimum yang dibenarkan sebanyak 20% dalam pelaburan ekuiti bagi dana konservatif menghadkan turun naik dan risiko pulangan dana. Ini adalah sesuai memandangkan bahawa ahli sudah bersedia untuk persaraan dan tidak patut didedahkan kepada banyak risiko.

**(b) Risiko am dan profil pulangan sesetengah dana**

**(i) Dana pengurusan tunai**

Dilaburkan terutamanya dalam instrumen pasaran wang dan deposit, di mana turun naik pulangan untuk jenis dana ini adalah agak rendah. Pulangan dana ini perlu mencerminkan pulangan dalam akaun deposit tetap dan ia merupakan dana yang paling kurang berisiko berbanding dana jenis lain.

**(ii) Dana konservatif (dana teras)**

Dengan maksimum 20% dilaburkan dalam ekuiti Malaysia dan bakinya dalam instrumen pendapatan tetap (dan jumlah minimum dalam dana pasaran wang), turun naik pulangan ialah agak rendah walaupun ia lebih tinggi daripada dana pengurusan tunai. Pulangan juga lebih tinggi daripada dana pengurusan tunai tetapi secara amnya, ia lebih rendah daripada dana yang mempunyai lebih pendedahan kepada ekuiti. Ukuran tinggi instrumen pendapatan tetap bermakna dana ini kurang berisiko berbanding dana ekuiti atau dana seimbang yang mempunyai peratusan pendedahan ekuiti yang lebih tinggi. Namun demikian, dana ini lebih berisiko berbanding dana pengurusan tunai.

**(iii) Dana sederhana (dana teras)**

Dengan maksimum 60% dilaburkan dalam pasaran ekuiti Malaysia dan luar negara, kami boleh menjangkakan turun naik pulangan yang agak tinggi dan pelbagai. Pulangan dijangka lebih tinggi daripada dana konservatif dalam jangka masa panjang disebabkan oleh pendedahan ekuiti yang lebih tinggi. Ini merupakan satu dana seimbang dengan campuran ekuiti dan instrumen pendapatan tetap dan akan menyediakan kepelbagaian pulangan aset sepanjang masa. Peratusan tinggi komponen ekuiti dalam dana bermakna dana ini lebih berisiko berbanding dana konservatif dan dana pengurusan tunai tetapi kurang berisiko berbanding dana ekuiti tulen atau dana pertumbuhan yang mempunyai komponen ekuiti yang lebih tinggi.

**(iv) Dana pertumbuhan (dana teras)**

Dengan maksimum 70% dilaburkan dalam pasaran ekuiti Malaysia dan luar negara, kami menjangka turun naik pulangan yang tertinggi di kalangan dana teras. Pulangan dijangka lebih tinggi dalam jangka masa panjang disebabkan oleh komponen ekuiti yang lebih tinggi. Dana pertumbuhan adalah kurang berisiko berbanding dana ekuiti tulen tetapi lebih berisiko berbanding dana pengurusan tunai, konservatif dan sederhana akibat kadar yang lebih tinggi dalam pemegangan ekuiti.



(v) **Dana indeks**

Tujuan dana jenis ini ialah mengesan indeks dan mereplikakan pulangan untuk pemegang unitnya. Turun naik pulangan dan risiko yang berkaitan dengan dana indeks akan bergantung pada jenis indeks yang dijejaknya. Sesetengah daripada dana indeks berkemungkinan ini dan tahap risiko mereka:

- **Indeks negara – Ekuiti pasaran baru muncul**

Indeks negara baru muncul seperti Indeks Komposit Shanghai di China atau Indeks Nifty di India adalah amat tidak menentu. Ini merupakan dana amat berisiko disebabkan oleh komponen ekuiti 100%nya. Tambahan pula, dana jenis ini terdiri daripada ekuiti pasaran baru muncul yang lebih berisiko berbanding ekuiti di pasaran maju.

- **Indeks negara – Ekuiti pasaran maju**

Indeks negara maju seperti United Kingdom dan Jepun adalah terdiri daripada syarikat yang lebih mantap. Oleh itu, pulangan untuk indeks adalah lebih stabil berbanding pasaran baru muncul. Dana jenis ini adalah kurang berisiko berbanding dana yang terdiri daripada ekuiti pasaran baru muncul. Namun demikian, ia lebih berisiko berbanding dana yang mempunyai komponen ekuiti yang lebih rendah.

- **Indeks serantau – Ekuiti**

Indeks serantau menyediakan pelabur dengan lebih kepelbagaian (syarikat dari negara yang berbeza) dan beberapa objektif pelaburan khusus (contohnya, REIT Asia). Pulangannya agak stabil. Dana jenis ini kurang berisiko berbanding dana indeks negara kerana ia menawarkan lebih kepelbagaian. Namun demikian, ia tetap berisiko berbanding dana bon disebabkan oleh komponen ekuiti 100%nya.

- **Indeks global – Bon**

Indeks global terdiri daripada pelbagai komponen negara dan terbitan individu. Kepelbagaian ini menghasilkan profil pulangan yang stabil untuk indeks jenis ini. Tambahan pula, aset pendasar adalah kurang berisiko berbanding ekuiti. Dana jenis ini kurang berisiko berbanding indeks ekuiti atau dana negara tetapi lebih berisiko berbanding dana pengurusan tunai.

### (c) Keadaan Turun Naik

Keadaan turun naik merupakan ukuran perubahan harga instrumen kewangan sepanjang masa. Dana-dana yang dinyatakan di atas mengandungi ekuiti, bon dan aset lain yang mempunyai perubahan harian dalam harga. Oleh itu, dana tersebut akan mempunyai perubahan harian dalam NAB. Dana yang turun naik adalah di mana pulangan harian akan turun naik dalam lingkungan harga berkemungkinan yang besar manakala dana yang kurang turun naik bermakna bahawa pulangan harian akan turun naik dalam lingkungan harga berkemungkinan yang lebih sempit.

## 5.6 Pengubahsuaian surat ikatan

Suatu surat ikatan boleh diubah suai oleh surat ikatan yang lain (dikenali sebagai surat ikatan tambahan) jika surat ikatan tambahan tersebut–

- didaftarkan dengan SC;
- disertakan dengan resolusi khas yang diluluskan oleh ahli-ahli PRS (majoriti dua pertiga kecuali bagi tujuan penamatan atau penggulangan Skim atau dana di mana sekurang-kurangnya 3/4 daripada nilai unit yang dipegang oleh ahli-ahli mengundi diperlukan dalam mesyuarat) jika pengubahsuaian tersebut menjejaskan secara material kepentingan ahli (contohnya, perubahan kepada objektif pelaburan, perubahan dalam profil risiko, perubahan yuran dan bayaran); dan
- disertakan dengan kenyataan dari Pemegang Amanah Skim dan Penyedia PRS yang menyatakan bahawa pengubahsuaian tersebut tidak menjejaskan ahli-ahli secara material dan notis terlebih dahulu (sekurang-kurangnya notis bertulis 21 hari) telah diberikan kepada ahli-ahli PRS.

## 5.7 Persamaan di antara unit amanah dan PRS

Unit amanah dan PRS berkongsi beberapa ciri yang sama. Kedua-duanya menyediakan kepelbagaian aset dan mempunyai pemegang amanah untuk menjaga kepentingan ahli dan pemegang unit. Kedua-dua pelaburan dalam PRS dan unit amanah dikumpulkan dan dilaburkan mengikut mandat dan garis panduan dana yang membentuk skim atau unit amanah tersebut. Kedua-duanya merupakan produk yang memberi galakan kepada ahli-ahli dan pelabur untuk melakukan simpanan jangka panjang dan keputusan pelaburan.

Walaupun produk dasar (iaitu dana) adalah sama untuk kedua-dua PRS dan unit amanah, PRS mempunyai undang-undang dan peraturan yang berbeza sama sekali yang perlu dipatuhi.

**(a) Perbandingan antara PRS dan produk persaraan lain**

**(i) Anuiti**

Anuiti biasanya dibeli daripada syarikat insurans dan merupakan kontrak di mana penerima anuiti (individu yang membeli anuiti) menerima bayaran tetap pada jangka masa berkala (biasanya secara bulanan) daripada syarikat insurans sehingga kematian penerima anuiti. Setiap bayaran anuiti mewakili pembayaran balik sebahagian daripada harga belian tambah faedah yang diperolehi. Harga pembelian boleh dilakukan sekaligus (bayaran sekaligus) atau dibayar secara bulanan/tahunan sepanjang hayat bekerja seseorang, iaitu sama seperti menabung untuk persaraan. Pembayaran anuiti akan bermula sebaik sahaja individu tersebut bersara atau telah membayar harga belian dengan sepenuhnya.

Anuiti ialah pengeluaran lazim atau produk selepas persaraan manakala PRS lebih cenderung terhadap pengumpulan simpanan untuk persaraan. Apabila ahli mencapai umur persaraan, beliau boleh menggunakan dana PRS untuk membeli anuiti yang akan memberi beliau pendapatan berkala untuk tempoh tetap atau sehingga beliau meninggal dunia, bergantung pada terma anuiti. Oleh kerana anuiti merupakan perjanjian berkontrak dengan syarikat insurans, pulangan dan pembayaran sudah ditentukan memandangkan anuiti adalah berkontrak dan ditetapkan terlebih dahulu. Ia dibiayai sepenuhnya dan pulangannya telah ditentukan terlebih dahulu.

Salah satu kelemahan anuiti ialah pemegang anuiti perlu menanggung risiko syarikat insurans sepertimana mereka yang menjamin pulangan anuiti. Prestasi pasaran tidak dikaitkan secara langsung kepada pulangan produk dan pulangan akan bergantung kepada kedudukan kewangan syarikat insurans. Kelemahan lain ialah penyerahan anuiti. Jika pemegang anuiti tidak boleh membuat pembayaran dan terpaksa menyerahkan polisi, maka pemegang anuiti akan kehilangan sebahagian besar daripada caruman yang dibayar. Kadar komisen juga mungkin tinggi bagi produk-produk ini.

**(ii) Produk insurans berkaitan pelaburan**

Produk insurans berkaitan pelaburan menggabungkan unsur-unsur pelaburan dan insurans hayat ke dalam produk kewangan. Premium bukan sahaja menyediakan perlindungan insurans nyawa tetapi sebahagian daripada premium tersebut juga akan dilaburkan dalam dana pelaburan khusus mengikut pilihan anda. Individu yang diinsuranskan boleh memilih bagaimana mengagihkan premium insurans untuk tujuan perlindungan dan pelaburan.

Ini terutamanya produk insurans dan nilai tunai produk ini boleh diperolehi setelah menolak jumlah premium yang belum diperuntukkan, iaitu komisen kepada agen (mungkin sehingga 160% daripada premium perlu dibayar untuk sekurang-kurangnya enam tahun), bayaran insurans, yuran polisi dan bayaran pengurusan dana. Ia adalah jelas bahawa tiada sebarang penyerahan balik atau nilai tunai untuk jenis produk ini dalam tahun-tahun pertama polisi sehingga premium yang tidak diperuntukkan dan bayaran lain telah dibayar serta premium yang mencukupi diperuntukkan kepada dana pelaburan dan pulangan pelaburan mula meningkat.

(iii) **PRS**

**Dana teras**

Setiap PRS menawarkan tiga jenis dana teras - dana konservatif, dana sederhana dan dana pertumbuhan. Sebaliknya, penyedia unit amanah dan syarikat insurans boleh menawarkan apa-apa jenis dana kepada pelabur. Pilihan yang ditawarkan sering kali berdasar pada permintaan yang ditetapkan oleh orang ramai. Tiada pilihan dana disediakan dalam anuiti.

**Pilihan automatik**

Setiap PRS mempunyai dana teras yang merupakan pilihan automatik untuk ahli yang tidak melakukan pemilihan dana. Dana teras berusaha untuk menempatkan ahli dalam kategori dana yang mempunyai risiko selaras dengan umur ahli (iaitu lingkungan pelaburan ahli).

Setiap pemegang unit amanah dan pembeli produk insurans mesti menentukan dana yang mereka ingin beli sebelum transaksi boleh dilaksanakan. Tiada pilihan automatik untuk produk persaraan lain.

**Jualan unit dan pengeluaran wang**

PRS bertujuan untuk menggalakkan ahli menabung untuk jangka masa panjang dan untuk persaraan mereka. Dengan itu, caruman ke dalam sub-akaun A PRS tidak boleh dikeluarkan sehingga ahli mencapai umur persaraan. Hanya caruman ke dalam sub-akaun B boleh dikeluarkan. Namun demikian, pengeluaran hanya boleh dilakukan setahun sekali dan tertakluk kepada penalti cukai.

Tiada apa-apa sekatan untuk unit amanah. Pelabur biasanya boleh membeli dan menjual unit amanah secara bebas tertakluk kepada sekatan tertentu untuk setiap unit amanah. Bagi produk insurans berkaitan pelaburan, nilai tunai pada tahun-tahun pertama polisi

adalah lebih rendah dan ia mungkin tidak berbaloi untuk pelabur membatalkan polisi.

**(b) Kelebihan PRS berbanding produk persaraan lain**

**(i) Pelaburan PRS adalah mudah alih**

Ahli boleh memindahkan faedah terakru dari satu PRS kepada yang lain yang diuruskan oleh Penyedia PRS yang berbeza melalui PPA. Bagi unit amanah dan produk insurans berkaitan pelaburan, pelabur mungkin tertakluk kepada bayaran urus niaga yang tinggi sekali lagi apabila melakukan pembelian seterusnya. Memandangkan sifat produk insurans berkaitan pelaburan, pemegang polisi mungkin menerima kurang daripada apa yang mereka telah bayar terlebih dahulu.

**(ii) Caruman PRS layak menerima pelepasan cukai pendapatan**

Caruman sehingga RM3,000 setahun kepada PRS adalah layak untuk pelepasan cukai. Anuiti juga menikmati kebaikan cukai ini tetapi wang yang digunakan untuk membeli produk persaraan lain seperti unit amanah adalah pada dasar selepas cukai.

## SOALAN LATIHAN

---

### Soalan 1

Penyedia PRS Delta mempunyai tiga dana teras dalam PRSnya. Nama-nama yang mana berikut boleh diterima sebagai nama dana teras?

- (i) Dana Pertumbuhan Delta
  - (ii) Dana Pengurusan Tunai Delta
  - (iii) Dana Sederhana Delta
  - (iv) Dana Penjejak FBMKLCI Delta
- 
- (A) (i), (ii) dan (iii) sahaja
  - (B) (i) dan (iii) sahaja
  - (C) (ii) dan (iii) sahaja
  - (D) (ii) dan (iv) sahaja

[Jawapan: B]

### Soalan 2

Susunkan dana-dana ini daripada pulangan yang mudah turun naik kepada yang kurang turun naik:

- (i) Dana Penjejak Indeks Ekuiti Pasaran Baru Muncul
  - (ii) Dana konservatif
  - (iii) Dana sederhana
  - (iv) Dana Pengurusan tunai
- 
- (A) (i), (ii), (iii) dan (iv)
  - (B) (i), (iii), (ii) dan (iv)
  - (C) (i), (iii), (iv) dan (ii)
  - (D) (iv), (iii), (ii) dan (i)

[Jawapan: B]

### Soalan 3

Apakah persamaan antara PRS dan unit amanah?

- (i) Kedua-duanya menggalakkan pelaburan jangka panjang
  - (ii) Kedua-duanya ditadbir di bawah struktur amanah
  - (iii) Kedua-duanya mempunyai dana teras
  - (iv) Kedua-dua pelaburan dikumpulkan mengikut mandat dana
- 
- (A) (i) dan (ii) sahaja
  - (B) (ii), (iii) dan (iv) sahaja
  - (C) (i), (iii) dan (iv) sahaja
  - (D) (i), (ii) dan (iv) sahaja

[Jawapan: D]





## BAB 6

### **PELABURAN SKIM PERSARAAN SWASTA (PRS)**

---

#### **Objektif pembelajaran**

Bab ini meninjau pelaburan yang dibenarkan dalam Skim dan kesesuaiannya untuk ahli. Ia menyediakan Pengedar dan Perunding PRS langkah-langkah yang diperlukan bagi melakukan analisis kesesuaian untuk ahli dalam cadangan dana. Terdapat juga pelbagai perbincangan mengenai pendedahan dan penumpuan had untuk jenis dana berbeza dalam Skim ini.

Di akhir bab ini, anda sepatutnya dapat:

- menilai kesesuaian PRS dan dananya untuk ahli;
- menentukan sama ada dana yang ditawarkan dalam PRS adalah relevan, konsisten dan bersesuaian dengan objektif pelaburan Skim;
- menerangkan jenis pelaburan yang berkemungkinan untuk PRS;
- mengenali pendedahan dan penumpuan had yang dikenakan atas setiap jenis dana PRS;
- mengenali tindakan pemulihan yang perlu diambil ke atas sebarang pelanggaran had; dan
- menilai prestasi pelaburan dan pulangan.

## 6.1 Penilaian kesesuaian

Setiap PRS mempunyai objektif dana yang berbeza, oleh itu, pelbagai jenis dana mungkin ditawarkan kepada ahli-ahli. Pengedar dan Perunding PRS hanya perlu mencadangkan dana-dana di bawah Skim kepada ahli apabila produk tersebut adalah bersesuaian. Bagi menentukan kesesuaian dana yang dicadangkan kepada ahli, Pengedar dan Perunding PRS perlu menjalankan penilaian kesesuaian.

Penilaian kesesuaian merujuk kepada latihan yang dijalankan oleh Pengedar dan Perunding PRS yang akan melibatkan pengumpulan maklumat yang diperlukan daripada ahli untuk membentuk dasar munasabah bagi cadangan. Pengedar dan Perunding PRS dianggap mempunyai dasar munasabah dalam melakukan cadangan apabila mereka telah–

- mengambil semua langkah yang dapat dilaksanakan bagi memastikan bahawa maklumat yang dimiliki dan dipercayai mengenai objektif pelaburan, keadaan kewangan dan keperluan tertentu ahli adalah tepat dan lengkap; dan
- memberi pertimbangan dan menjalankan kajian menyeluruh mengenai isi kandungan cadangan sebagaimana yang wajar dalam keadaan tersebut.

Dengan adanya maklumat ini, Pengedar dan Perunding PRS boleh mencadangkan dana yang memenuhi profil risiko dan keperluan ahli.

Penilaian kesesuaian boleh dijalankan secara bersemuka atau melalui telefon atau melalui Internet atau melalui apa jua cara. Apa yang penting ialah dokumentasi penilaian tersebut mesti disimpan dengan baik. Cadangan yang diperolehi daripada penilaian kesesuaian perlu disimpan secara bertulis.

Walau bagaimanapun, penilaian kesesuaian tidak perlu dijalankan apabila:

- pelabur tidak memilih dana dalam skim, dengan itu, dana dipilih secara automatik untuk pelabur;
- pelabur ditukarkan ke dana dalam pilihan automatik berdasarkan kategori umur beliau;
- majikan menyalurkan caruman bagi pihak kakitangan untuk PRS adalah berdasarkan pilihan atau permintaan kakitangan; atau
- pelabur meminta untuk memindahkan faedah terakru antara penyedia PRS.

### Proses penilaian kesesuaian

Jadual di bawah menunjukkan proses yang perlu dipatuhi apabila menjalankan penilaian kesesuaian:

Peringkat 1	Mengumpul maklumat berkenaan seorang ahli
Peringkat 2	Menganalisis maklumat yang dikumpul
Peringkat 3	Memadankan dana yang sesuai untuk memenuhi profil risiko dan keperluan ahli
Peringkat 4	Melakukan cadangan

#### **(a) Pengumpulan maklumat untuk penilaian kesesuaian**

Pusat kepada keseluruhan proses penilaian kesesuaian dikendalikan oleh pengedar dan Perunding PRS. Maklumat yang dikumpul dari ahli boleh digolongkan kepada tiga kategori–

- Mengenal ahli anda;
- Risiko profil dan keperluan ahli; dan
- Pengetahuan pelaburan ahli.

##### **(i) Mengenal ahli anda**

Bahagian ini memerlukan Pengedar dan Perunding PRS untuk mengumpul maklumat peribadi seorang ahli bagi menentukan jenis pelabur ahli tersebut. Maklumat yang diperlukan adalah–

- **Butiran peribadi ahli**  
Termasuk tarikh lahir, umur pada masa cadangan, kewarganegaraan, alamat kediaman, status perkahwinan, bilangan tanggungan dan maklumat perhubungan.
- **Status pekerjaan ahli**  
Termasuk status pekerjaan semasa, kerjaya, jenis perniagaan jika menjalankan perniagaan, pendapatan tahunan, umur persaraan yang dijangka, kategori pelabur (mencari risiko atau menghindari risiko - adakah pengekal modal penting untuk ahli).

##### **(ii) Risiko profil dan keperluan ahli**

Bahagian ini memerlukan Pengedar dan Perunding PRS untuk mengumpul maklumat mengenai objektif pelaburan, keadaan kewangan, profil risiko dan portfolio semasa ahli. Dengan mengumpul

maklumat ini, Pengedar dan Perunding PRS berupaya menentukan profil risiko dan keperluan pelabur. Maklumat yang diperlukan adalah-

- **Objektif pelaburan**  
Termasuk tempoh ahli berhasrat untuk melabur dalam produk, rasional untuk memilih produk, jangkaan am mengenai hasil produk dan tujuan pelaburan (menabung untuk tujuan tertentu, menambah pendapatan persaraan, pelaburan sekaligus untuk pertumbuhan/pendapatan).
- **Kedudukan kewangan ahli**  
Termasuk aset, liabiliti, aliran tunai, pendapatan, nisbah pelaburan daripada aset bersih (tidak termasuk hartanah kediaman) dan komitmen kewangan tetap (contohnya, pinjaman kereta) ahli.
- **Portfolio semasa ahli**  
Termasuk portfolio sedia ada dan prestasi semasa portfolio tersebut.

(iii) **Pengetahuan pelaburan ahli**

Bahagian ini memerlukan Pengedar dan Perunding PRS untuk mengumpul maklumat mengenai kelayakan pendidikan, latihan, pengalaman kerja serta pengalaman berurusan atau perdagangan ahli. Dengan mengumpul maklumat ini, Pengedar dan Perunding PRS dapat melakukan penilaian sama ada ahli memahami risiko berkaitan dengan dana PRS yang ahli bercadang untuk melabur. Maklumat yang diperlukan adalah-

- **Ahli dengan pengetahuan yang relevan**  
Termasuk sama ada ahli pernah berurusan dalam sekuriti dan/ atau derivatif, pengetahuan atau pengalaman yang berkenaan untuk memahami risiko berhubung dengan pengalaman dan produk pelaburan.
- **Ahli dengan pengetahuan relevan untuk memahami ciri-ciri dana**  
Termasuk sama ada ahli memahami ciri-ciri istimewa produk, sifat produk dan spesifikasi produk.

(b) **Menganalisis maklumat yang dikumpul**

Selepas memperolehi maklumat mengenali ahli anda, Pengedar dan Perunding PRS perlu menganalisis maklumat tersebut untuk menentukan sama ada ahli mempunyai daya dan keupayaan untuk melabur dan menghadapi risiko yang berkaitan dengan pelaburan.

**(c) Memadan dan membuat cadangan**

Setelah menilai maklumat dan kedudukan kewangan ahli, Pengedar dan Perunding PRS harus menentukan sama ada Skim yang dipasarkan oleh mereka mempunyai dana yang bersesuaian dengan ahli. Dengan demikian, cadangan bolehlah diteruskan dan diberikan kepada ahli.

Dalam memberi cadangan untuk dana yang sesuai, iaitu yang sepadan dengan profil dan keperluan ahli, Pengedar dan Perunding PRS juga perlu menerangkan ciri-ciri dan risiko yang berkaitan dengan dana (kelebihan dan kelemahan dana) kepada ahli sebelum ahli melakukan keputusan termaklum sama ada beliau ingin meneruskan dengan pelaburan. Ahli tersebut perlu diberi salinan dokumen pendedahan dan Lembaran Penerangan Produk dan dinasihatkan untuk membacanya sebelum melakukan keputusan pelaburan.

Sekiranya tiada dana yang sesuai dalam PRS yang dipasarkan oleh Pengedar dan Perunding PRS, Pengedar dan Perunding PRS perlu memaklumkan ahli mengenainya. Pengedar dan Perunding PRS perlu memastikan bahawa cadangan yang diberikan kepada ahli adalah jelas dan tidak mengelirukan. Mereka kemudiannya perlu mendokumentasikan cadangan mereka secara bertulis bagi tujuan rekod.

Pengedar dan Perunding PRS perlu mendapatkan pengakuan bertulis daripada ahli bahawa—

- semua maklumat yang didedahkan oleh ahli adalah benar, lengkap dan tepat;
- ahli memahami ciri-ciri dan risiko dana setelah mendapat penjelasan dari Pengedar dan Perunding PRS; dan
- ahli telah menerima salinan dokumen pendedahan tersebut.

Sebagaimana kes yang mungkin berlaku, Pengedar dan Perunding PRS juga perlu mendapatkan pengakuan bertulis daripada ahli di mana ahli—

- enggan memberi maklumat yang diminta oleh Pengedar dan Perunding PRS; atau
- mengambil keputusan untuk membeli dana lain yang tidak dicadangkan oleh Pengedar dan Perunding PRS.

Pengedar dan Perunding PRS perlu memberi salinan dokumen yang mengandungi cadangan yang dilakukan dan asas cadangan tersebut kepada ahli. Dokumen ini perlu ditandatangani oleh Perunding PRS dan ahli.

## 6.2 Relevan, konsisten dan sesuai

Dana yang ditawarkan dalam PRS mestilah relevan, konsisten dan sesuai, selaras dengan objektif pelaburan Skim. Prestasi pelaburan dana mesti boleh diukur dan dipantau sepanjang masa untuk menentukan sama ada dana tersebut mematuhi objektif dan mandatnya.

Salah satu langkah yang perlu dipertimbangkan ialah sasaran pulangan pelaburan dan sasaran turun naik dana, dan untuk membandingkannya dengan prestasi pelaburan sebenar dan turun naik pulangan.

*Contoh 1:*

Dana dalam PRS merupakan dana pendapatan tetap tradisional dan mempunyai objektif pelaburan untuk memberi pulangan pertengahan ke tinggi berdigit tunggal setahun dengan turun naik yang sederhana ke rendah.

Pulangan sebenar dana bagi tiga tahun yang lepas ialah:

	<b>Pulangan tahunan (%)</b>	<b>Kadar turn naik tahunan (%)</b>
Tahun 1	7.3	4.2
Tahun 2	8.5	5.1
Tahun 3	6.8	4.8

Kami boleh membuat kesimpulan daripada pulangan sebenar dan corak turun naik sepanjang tempoh tiga tahun lepas bahawa prestasi dana, pada dasarnya, adalah selaras dengan objektifnya dan kelihatan konsisten dengan mandat pelaburannya.

*Contoh 2:*

Dana XYZ dalam Penyedia PRS CCC merupakan sebuah dana ekuiti yang ingin memberikan pulangan yang sama dengan Indeks Komposit FBM Kuala Lumpur (FBMKLCI). Dana XYZ pada dasarnya ialah sebuah dana penjejak.

Pulangan sebenar KLCI dan Dana XYZ untuk tiga tahun yang lepas ialah:

	<b>Pulangan FBMKLCI (%)</b>	<b>Pulangan dana XYZ (%)</b>
Tahun 1	8.9	7.1
Tahun 2	3.1	-2.2
Tahun 3	12.3	8.8

Ia adalah jelas daripada pulangan bahawa Dana XYZ tidak melakukan tugas yang baik untuk menjejaki pulangan FBMKLCI. Oleh itu, ia telah gagal dalam objektif pelaburannya untuk menyediakan pulangan yang sama dengan FBMKLCI. Dengan itu, Dana XYZ tidak boleh dianggap relevan, konsisten dan sesuai untuk Penyedia PRS CCC.

### 6.3 Jenis pelaburan

Sila rujuk kepada Bab 8 Garis Panduan PRS (Pelaburan Skim) untuk menentukan jenis pelaburan yang dibenarkan dalam PRS.

#### (a) Am

Hartanah dana mesti konsisten dengan objektif pelaburan PRS iaitu membantu ahli-ahli mengumpul simpanan untuk penggunaan persaraan mereka. Peraturan berhemat mencadangkan bahawa aset dipelbagaikan dengan tiada tumpuan berlebihan pada sebarang risiko tertentu.

Garis panduan PRS membenarkan instrumen boleh dilabur yang luas termasuk yang berikut:

- (i) Sekuriti boleh pindah milik\*\* di pasaran layak;
- (ii) Wang tunai, deposit dan instrumen pasaran wang lain;
- (iii) Unit/saham dalam skim pelaburan terkumpul;
- (iv) Derivatif; dan
- (v) Hartanah.

\*\* Sekuriti boleh pindah milik ialah ekuiti, debentur dan waran.

### 6.4 Had pelaburan

Had pelaburan di bawah bahagian ini tidak boleh digunakan untuk sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan atau Bank Negara Malaysia.

#### (a) Dana bukan khusus

Had pelaburan dan sekatan yang dihuraikan dalam Jadual A dan A1 Garis Panduan PRS adalah seperti yang dinyatakan di bawah.

- (i) Had pendedahan
  - Pelaburan dalam sekuriti tidak disenaraikan tidak boleh melebihi 10% daripada NAB dana.
  - Pelaburan dalam hartanah tidak boleh melebihi 15% daripada NAB dana.

(ii) Had sebaran pelaburan

	Peratusan maksimum NAB dana
Penerbit tunggal – saham biasa	10
Penerbit tunggal – sekuriti boleh pindah milik dan instrumen pasaran wang	15
Institusi tunggal – deposit	20
Pihak urus lawan tunggal ( <i>single counterparty</i> ) – derivatif OTC	10
Pihak urus lawan tunggal ( <i>single counterparty</i> ) – produk berstruktur	15**
Pelaburan ke atas sekuriti boleh pindah milik instrumen pasaran wang, deposit, derivatif OTC dan produk berstruktur dengan penerbit tunggal – pendedahan agregat	25
Skim pelaburan terkumpul tunggal	20
Mana-mana kumpulan syarikat – sekuriti boleh pindah milik	20

\*\* Had ini diketepikan bagi produk berstruktur jika pihak urus lawan mempunyai penarafan jangka panjang minimum yang diberikan oleh agensi penarafan berwibawa yang menunjukkan keupayaan kukuh untuk tempoh untuk tanggungjawab pembayaran serta produk mempunyai ciri-ciri perlindungan modal.

(iii) Had tumpuan pelaburan

	Peratusan maksimum jumlah terbitan oleh penerbit tunggal
Sekuriti boleh pindah milik selain daripada debentur	10
Debentur	20
Instrumen pasaran wang	10
Dalam mana-mana satu skim pelaburan terkumpul	25



**(b) Dana bon/pendapatan tetap****(i) Had sebaran pelaburan**

	<b>Peratusan maksimum NAB dana</b>
Penerbit tunggal - debentur	20
Penerbit tunggal – debentur bertaraf tinggi	30**
Penerbit tunggal – pendedahan agregat	30
Mana-mana kumpulan syarikat – debentur	30

\*\* Had penerbit tunggal boleh ditingkatkan kepada 30% jika debentur diberi penarafan oleh mana-mana agensi penarafan domestik atau global sebagai berkualiti terbaik dan menawarkan keselamatan tertinggi untuk pembayaran faedah dan prinsipal yang tepat pada masanya.

**(c) Dana pengurusan tunai**

Dana pengurusan tunai melabur terutamanya dalam debentur jangka pendek, instrumen pasaran wang dan deposit jangka pendek.

**(i) Had pendedahan**

	<b>Peratusan NAB dana yang dilaburkan</b>
“Pelaburan yang dibenarkan”	Minimum 90%
Pelaburan dengan kematangan kurang daripada 365 hari	Minimum 90%
Pelaburan dengan kematangan antara 365 dan 732 hari	Mesti kurang dari 10%

**(ii) Had sebaran pelaburan**

	<b>Peratusan maksimum NAB dana</b>
Penerbit tunggal – debentur dan instrumen pasaran wang	20
Penerbit tunggal – debentur dan instrumen pasaran wang dengan penarafan tinggi	30
Institusi kewangan tunggal – deposit	20
Kumpulan syarikat tunggal – debentur dan instrumen pasaran wang	30

(iii) **Had tumpuan pelaburan**

	<b>Peratusan maksimum jumlah terbitan oleh penerbit tunggal</b>
Debentur	20
Instrumen pasaran wang	20
Skim pelaburan terkumpul	25

(d) **Dana untuk dana (*Fund of funds*)**

Sesuatu dana akan melabur semua asetnya dalam skim pelaburan terkumpul lain, dengan itu, semua asetnya mesti merangkumi unit/saham dalam dana lain. Unit amanah yang melabur dalam dana lain (*fund of funds*) tidak boleh melabur dalam unit amanah yang juga melabur dalam dana lain, dana perantara (*feeder fund*) atau mana-mana sub-dana bagi dana induk (*umbrella fund*) yang merupakan unit amanah yang melabur dalam dana lain atau dana perantara.

(i) **Had sebaran pelaburan**

Unit amanah yang melabur dalam dana lain mesti melabur dalam sekurang-kurangnya lima skim pelaburan terkumpul pada setiap masa dan nilai pelaburan dana dalam unit/saham mana-mana skim pelaburan terkumpul tidak boleh melebihi 30% daripada sasaran NAB dana.

(ii) **Had tumpuan pelaburan**

Pelaburan dana dalam skim pelaburan terkumpul tidak boleh melebihi 25% daripada unit mana-mana skim pelaburan terkumpul tunggal.

(e) **Dana perantara**

Dana perantara melabur semua asetnya ke dalam skim pelaburan terkumpul tunggal, dengan itu, hanya perlu memegang unit/saham skim tunggal. Perantara mesti mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Jadual A - Lampiran III, dalam Garis Panduan PRS.

(f) **Pelanggaran had pelaburan**

Pengurus dana perlu memastikan bahawa had dan sekatan pelaburan dipatuhi pada setiap masa berdasarkan nilai terkini aset dana.

Peruntukan 5% melebihi had dan sekatan dibenarkan di mana pelanggaran sedemikian disebabkan oleh kenaikan atau penyusutan NAB dana akibat

daripada perubahan dalam penilaian pasaran atau pembelian balik unit atau pembayaran daripada dana.

Apabila dana melanggar had pelaburan, pengurus dana tidak boleh melakukan sebarang pembelian yang akan memburukkan lagi keadaan pelanggaran tersebut dan mesti mengambil langkah-langkah yang perlu untuk membetulkan pelanggaran tersebut dalam tempoh masa yang munasabah tetapi tindakan pembetulan ini tidak boleh melebihi tempoh masa tiga bulan yang dibenarkan.

## 6.5 Mengukur prestasi dan pulangan

Adalah penting untuk ahli mempunyai keupayaan menilai prestasi dana di bawah PRS kerana ia membolehkan ahli membuat keputusan termaklum sama ada untuk terus melabur dengan dana semasa atau untuk menukar ke dana ataupun PRS lain.

Prestasi dana disediakan dalam dokumen pendedahan dan laporan tahunan serta laporan interim dana di bawah Skim.

### (a) Jumlah pulangan purata

Jumlah pulangan purata ialah ukuran standard prestasi bagi unit amanah dan dana. Ia mengukur jumlah pulangan bagi tempoh ukuran (biasanya setahun) dengan mengira kedua-dua pengagihan pendapatan (dividen) dan perubahan dalam NAB seunit dana (keuntungan modal).

Formula (%) diberikan sebagai:

$$\frac{(\text{Tempoh akhir NAB tolak tempoh permulaan NAB}) + \text{Dividen}}{\text{Tempoh permulaan NAB}}$$

Satu contoh untuk menerangkan maksud ini:

	NAB (1 Jan 20X1)	NAB (31 Dis 20X1)	Dividen yang dibayar (20X1)
Dana A	RM1.00	RM1.02	RM0.05
Dana B	RM1.00	RM1.04	RM0.02

Purata Jumlah pulangan untuk Dana A =  $((\text{RM1.02} - \text{RM1.00}) + \text{RM0.05}) / \text{RM1.00} = 7\%$  untuk 20X1

Purata Jumlah pulangan untuk Dana B =  $((\text{RM1.04} - \text{RM1.00}) + \text{RM0.02}) / \text{RM1.00} = 6\%$  untuk 20X1

### **(b) Pulangan tahunan terkompoun**

Satu lagi kaedah untuk mengukur prestasi ialah dengan menggunakan pulangan tahunan terkompoun (CAR). Langkah CAR berguna untuk membandingkan prestasi dana yang mempunyai tempoh pegangan berbeza. Sebagai contoh, bagaimana anda membandingkan dana di mana pelaburan anda meningkat daripada RM1,000 kepada RM1,300 dalam tempoh lima tahun berbanding dengan dana lain di mana RM1,000 meningkat kepada RM1,700 dalam tempoh 10 tahun. Dalam contoh pertama, kadar CAR ialah 5.39% manakala untuk yang kedua, kadarnya ialah 5.45%. CAR menyeragamkan dimensi masa supaya pulangan dalam tempoh berbeza boleh dibandingkan.

Terdapat kelemahan dalam kaedah iaitu ia menganggap pulangan akan dikompounkan pada kadar yang sama bagi setiap tempoh (tahun). Satu lagi kelemahan ialah ia memberi tumpuan kepada unsur pulangan tanpa mempertimbangkan unsur risiko (turun naik pulangan). Kelemahan ketiga ialah pengukuran CAR mesti dimasukkan ke dalam konteks apabila menilai prestasi. Katakanlah Dana A mempunyai CAR sebanyak 9.50% sepanjang 15 tahun yang lampau manakala Dana B mempunyai CAR sebanyak 10% sepanjang tempoh dua tahun yang lampau. Adakah Dana B lebih baik daripada Dana A? Tidak semestinya. Kelanjutan jangka hayat Dana A dan keupayaannya untuk menghasilkan pulangan untuk lebih 15 tahun (melebihi banyak kitaran pasaran) ialah satu sifat yang baik walaupun ia mempunyai CAR yang lebih rendah dalam tempoh dua tahun lepas.

Namun demikian, walaupun dengan kelemahan ini, CAR ialah langkah yang berguna untuk menilai prestasi dana.

### **(c) Pengagihan pendapatan**

Satu lagi aspek yang perlu dipertimbangkan ialah pengagihan pendapatan. Dua dana boleh memberikan jumlah pulangan purata yang sama tetapi satu dana boleh membayar dividen yang lebih tinggi. Jika ahli lebih ingin mendapatkan kecairan jangka pendek, maka pendapatan dividen yang lebih tinggi akan menarik ahli walaupun kedua-dua pulangan dana adalah sama.

Bagi pelabur PRS, sebarang pendapatan dividen mesti dibayar dalam bentuk unit dan pengeluaran dividen mesti ditanggungkan sehingga ahli mencapai umur persaraan. Ini adalah sama untuk dividen yang diisytiharkan oleh KWSP yang juga tidak boleh dikeluarkan oleh ahli KWSP sehingga beliau mencapai umur persaraan.

## SOALAN LATIHAN

---

### Soalan 1

Berhubung dengan proses penilaian kesesuaian yang dijalankan oleh Perunding PRS, apakah tujuan UTAMA mendapatkan maklumat mengenai objektif pelaburan ahli?

- (A) Untuk menentukan pengetahuan kewangan ahli
- (B) Untuk menentukan profil risiko dan keperluan ahli
- (C) Untuk menentukan Penyedia PRS yang sesuai untuk ahli
- (D) Untuk menentukan bahawa ahli memahami potensi pulangan dana PRS

[Jawapan: B]

### Soalan 2

Soalan 2 adalah berdasarkan senario di bawah:

	Purata pulangan tahunan bagi 5 tahun yang lepas	Purata turun naik tahunan bagi 5 tahun yang lepas
Indeks Bon Global JPM	6.75%	6.3%
Dana A	6.80%	6.2%
Dana B	6.75%	7.3%
Dana C	7.85%	6.2%
Dana D	7.75%	9.0%

Objektif Pelaburan PRS ialah untuk menjejak pulangan dan turun naik Indeks Bon Global JPM sepanjang tempoh 5 tahun.

Mana antara dana berikut yang akan dianggap relevan, konsisten dan sesuai dengan objektif pelaburan PRS?

- (A) Dana A
- (B) Dana B
- (C) Dana C
- (D) Dana D

[Jawapan: A]

### Soalan 3

Pelaburan dalam dana pengurusan tunai mungkin termasuk \_\_\_\_\_.

- (i) suatu debentur korporat yang matang dalam tempoh tiga tahun
  - (ii) Nota Cagamas yang matang dalam tempoh 20 bulan
  - (iii) suatu deposit enam bulan dalam RM dengan sebuah bank asing di Kuala Lumpur
  - (iv) suatu debentur bank yang matang dalam tempoh tujuh bulan
- 
- (A) (i) dan (ii) sahaja
  - (B) (i), (ii) dan (iii) sahaja
  - (C) (ii), (iii) dan (iv) sahaja
  - (D) (iii) dan (iv) sahaja

[Jawapan: C]

## BAB 7

# PENGEDAR DAN PERUNDING SKIM PERSARAAN SWASTA (PRS)

---

### Objektif pembelajaran

Hanya Penyedia PRS yang diluluskan oleh SC boleh menubuh, menawar atau menyediakan PRS atau mengemukakan dirinya sebagai seorang yang dapat menubuh, menawar atau menyediakan PRS.

Bab ini membincangkan peranan Pengedar dan Perunding PRS dalam pengedaran PRS dan peraturan untuk saluran pengedaran. Ia juga merangkumi garis panduan yang mentadbir tingkah laku Perunding PRS apabila menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan dan memberi nasihat pelaburan.

Diakhir bab ini, anda sepatutnya dapat:

- menerangkan mengapa saluran pengedaran PRS perlu dikawal selia;
- menerangkan jenis syarikat yang berbeza serta wakil mereka yang terlibat dalam pengedaran PRS;
- menyenaraikan keperluan kelayakan Pengedar PRS;
- mengenalpasti Pengedar dan Perunding PRS yang tidak mematuhi kelakuan yang baik akan menghadapi tindakan disiplin;
- mengakui nilai perkhidmatan yang baik kepada ahli PRS;
- mengingatkan kembali faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan apabila memberi nasihat pelaburan kepada ahli PRS; dan
- menyatakan garis panduan pemasaran PRS.

## 7.1 Mengawal selia saluran pengedaran

Pengedar PRS merupakan entiti seperti institusi kewangan yang memasuki perjanjian dengan Penyedia PRS untuk memasar dan mengedarkan PRS kepada individu dan majikan. Individu yang mewakili Pengedar PRS adalah Perunding PRS yang perlu berdaftar dengan Persekutuan FIMM. Adalah penting bahawa saluran pengedaran dan Perunding PRS dikawal selia bagi memastikan–

- standard tingkah laku yang tinggi; dan
- penyampaian nasihat atau asas cadangan yang munasabah kepada individu dan syarikat.

## 7.2 Lesen untuk berurusan dalam PRS

Keperluan mendapatkan Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (*Capital Markets Services Licence "CMSL"*) untuk berurusan dalam PRS hanya digunakan untuk Prinsipal yang berurusan dalam PRS, termasuk–

- (a) Penyedia PRS yang diluluskan di bawah CMSA;
- (b) syarikat pengurusan unit amanah;
- (c) seorang pemegang CMSL berlesen untuk pengurusan dana;
- (d) seorang pemegang CMSL berlesen untuk perancangan kewangan dan pengedaran PRS menurut suatu pelan kewangan;
- (e) seorang pemegang CMSL berlesen untuk berniaga dalam sekuriti;
- (f) seorang pemegang CMSL berlesen untuk berniaga dalam sekuriti yang terhad kepada unit amanah;
- (g) sebuah syarikat insurans berlesen di bawah *Akta Insurans 1996*;
- (h) penasihat kewangan berlesen di bawah *Akta Insurans 1996*; dan
- (i) mana-mana individu lain yang dianggap sesuai oleh SC.

Dengan merujuk kepada *Buku Panduan Pelesenan SC*, agen dan kakitangan seseorang pemegang CMSL yang berurus niaga dalam PRS atau individu berdaftar yang berurus niaga dalam PRS tidak perlu memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (*Capital Markets Services Licence "CMSL"*). Walau bagaimanapun, semua Pengedar PRS serta agen dan kakitangan mereka perlu berdaftar dengan badan yang diluluskan oleh SC, iaitu FIMM.

Sebagai tambahan, agen dan kakitangan yang berurusan dalam PRS mesti



lulus peperiksaan atau apa-apa kelayakan lain yang diiktiraf oleh FIMM untuk menjalankan urus niaga dalam PRS.

### **7.3 Pendaftaran Perunding PRS**

#### **(a) Syarat kelayakan**

Syarat kelayakan bagi seseorang untuk mendaftar sebagai Perunding PRS dinyatakan dalam Lampiran A *Garis Panduan Pendaftaran Skim Persaraan Swasta Pengedar dan Perunding* (Garis Panduan FIMM) termasuk yang berikut-

- (i) Berumur sekurang-kurangnya 21 tahun;
- (ii) Telah lulus Peperiksaan PRS (melainkan dikecualikan oleh FIMM);
- (iii) Tidak pernah tersabit dalam apa jua kesalahan jenayah sama ada di dalam atau di luar negara;
- (iv) Tidak pernah menerima kecaman atau amaran dari mana-mana badan profesional atau perdagangan;
- (v) Tidak pernah dinafikan atau hilang kelayakan keahlian dalam mana-mana badan profesional atau perdagangan; dan
- (vi) Bukan seorang bankrap atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrapan atau telah gagal memenuhi sebarang hutang penghakiman.

#### **(b) Pendaftaran**

Mana-mana individu berkelayakan yang bercadang untuk mendaftar sebagai Perunding PRS mesti membuat permohonan melalui Pengedar PRS yang akan memajukan permohonan tersebut kepada FIMM dengan mengikut format dan cara termaktub. Pengedar PRS bertanggungjawab dalam memastikan kelayakan mana-mana pemohon dan maklumat yang diberikan oleh pemohon adalah sahih dan lengkap.

Pengedar PRS perlu memastikan bahawa Perunding PRS mereka mematuhi yang berikut-

- (i) Perunding PRS hanya boleh mewakili satu Prinsipal;
- (ii) Perunding PRS hanya boleh mengurus niaga di dalam PRS Prinsipalnya atau apa jua yang diedarkan oleh Prinsipalnya dan tidak boleh membuat perancangan untuk mengedar PRS bagi Pengedar PRS lain atau yang diedarkan oleh Pengedar PRS lain.
- (iii) Perunding PRS untuk Penyedia PRS atau Penasihat PRS Institusi yang

memegang CMSRL untuk menjalankan aktiviti perancangan kewangan terkawal seperti termaktub di dalam CMSA dan hasrat untuk mewakili Penasihat PRS Korporat mesti didahului dengan penamatan pendaftaran beliau sebagai Perunding PRS bagi Penyedia PRS sebelum memohon untuk mendaftar sebagai Perunding PRS bagi Penasihat PRS Korporat.

Penasihat PRS Institusi perlu memastikan bahawa hanya kakitangan sepenuh masa mereka boleh mendaftar sebagai Perunding PRS. Sekatan ini tidak digunakan jika Penasihat PRS Institusi ialah sebuah syarikat pengurusan unit amanah atau syarikat insurans berlesen atau pengendali takaful yang berdaftar.

Penasihat PRS Korporat mesti memastikan bahawa hanya kakitangan sepenuh masa mereka yang memegang CMSRL untuk aktiviti terkawal perancangan kewangan boleh mendaftar sebagai Perunding PRS.

### **(c) Tempoh dan pendaftaran semula**

Pendaftaran Perunding PRS akan diteruskan melainkan dan sehingga ia ditamatkan atau dibatalkan, dengan syarat Perunding PRS menyelesaikan sepenuhnya semua bayaran yang diperlukan sebagaimana yang ditetapkan oleh FIMM dalam manual yang berkenaan.

Pengedar PRS boleh mendaftarkan semula Perunding PRS berikut atau bekas Perunding PRS dalam format dan cara yang termaktub di dalam manual yang berkenaan, termasuk—

- (i) Perunding PRS yang telah menukar agensi atau status pekerjaan dengan Pengedar PRS;
- (ii) Bekas Perunding PRS yang telah meletak jawatan daripada Pengedar PRS;
- (iii) Bekas Perunding PRS di mana pendaftarannya tidak diperbaharui oleh Pengedar PRS, di mana pendaftaran yang tidak diperbaharui bukan disebabkan oleh sebarang salah laku atau tiada pematuhan oleh bekas Perunding PRS; dan
- (iv) Bekas Perunding PRS daripada Pengedar PRS yang lain.

Mana-mana bekas Perunding PRS yang telah meninggalkan industri PRS lebih daripada tiga tahun perlu menduduki semula peperiksaan PRS jika beliau ingin mendaftarkan semula sebagai Perunding PRS.

**(d) Pembatalan, penggantungan, penamatan dan peletakan jawatan**

Dalam situasi Perunding PRS meletak jawatan dari Prinsipalnya atau perkhidmatannya ditamatkan oleh Prinsipalnya, Prinsipal mesti–

- (i) memastikan Perunding PRS menyerahkan kad kuasa FIMM beliau; dan
- (ii) mengemaskinikan status pendaftaran Perunding PRS dalam rekod FIMM.

FIMM boleh menggantung atau membatalkan pendaftaran Perunding PRS sekiranya–

- (i) Perunding PRS tidak lagi layak untuk apa jua sebab;
- (ii) CMSRL berkenaan dengan Perunding PRS digantung atau dibatalkan oleh SC;
- (iii) Perunding PRS gagal mematuhi peraturan, garis panduan, undang-undang kecil, kod, arahan atau standard berkenaan yang dikeluarkan oleh FIMM, peraturan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh SC, undang-undang sekuriti atau sebarang undang-undang lain;
- (iv) SC mengeluarkan arahan kepada FIMM untuk menggantung atau membatalkan pendaftaran Perunding PRS; atau
- (v) sebarang maklumat atau pengakuan dalam mana-mana akuan berkanun yang disediakan oleh Perunding PRS bagi tujuan pendaftaran beliau dengan FIMM didapati palsu, sama ada secara sebahagian atau keseluruhannya.

Pendaftaran Perunding PRS akan luput jika–

- pendaftaran Prinsipalnya dibatalkan;
- pendaftaran Prinsipalnya digantung; atau
- penamatan operasi Prinsipalnya.

**7.4 Kod etika dan standard tingkah laku profesional**

**(a) Am**

Bahagian ini adalah pinjaman dari Kod Etika dan *Standard Tingkah Laku Profesional untuk Industri Unit amanah* (Kod) yang dikeluarkan oleh FIMM.

Memandangkan Pengedar dan Perunding PRS juga berdaftar dengan FIMM, mereka juga perlu mematuhi kod etika dan standard tingkah laku profesional ini.

Kod ini menggariskan prinsip-prinsip umum dan standard minimum amalan baik untuk semua yang berdaftar dengan FIMM dan ia bertujuan membimbing perjalanan pengurusan perniagaan di tahap terbaik untuk ahli-ahli PRS dan industri PRS pada amnya.

## **(b) Kod etika**

### **(i) Profesionalisme**

Pengedar dan Perunding PRS perlu menjalankan urusan niaga mereka secara profesional yang semestinya berpengetahuan di dalam semua aspek PRS dan dana-dana yang dipasarkan oleh mereka dan mematuhi amalan baik perniagaan. Pengedar dan Perunding PRS seharusnya berhemah dan berbudi bahasa kepada sesiapa sahaja ketika menawarkan perkhidmatan mereka terutamanya kepada ahli-ahli dan individu lain di dalam industri PRS.

### **(ii) Jujur, bermaruah dan berintegriti**

Pengedar dan Perunding PRS perlu sentiasa bertindak dengan jujur, bermaruah dan berintegriti, dan patut menjalan dan menggalakkan orang lain untuk bertindak dengan cara yang profesional dan beretika demi kebaikan diri mereka sendiri dan juga industri PRS.

Pengedar dan Perunding PRS juga perlu mengekalkan standard integriti peribadi yang tinggi dan tidak terlibat dalam aktiviti yang boleh menjejaskan industri. Khususnya, Perunding PRS tidak boleh memberi gambaran yang salah mengenai—

- kelayakan beliau atau Penyedia PRS yang diwakilinya;
- dana dan ciri-cirinya yang ditawarkan oleh Penyedia PRS yang diwakilinya; dan
- prestasi pelaburan dana pada masa lampau atau Skim yang dipasarkan oleh beliau.

Pengabaian sesuatu fakta penting dianggap sebagai suatu tindakan yang tidak jujur. Jika dimaklumkan kepada ahli, satu fakta penting akan menyebabkan ahli menganggap bahawa dana atau PRS adalah berbeza secara ketara daripada apa yang telah dinyatakan kepada beliau.

(iii) **Kerahsiaan**

Pengedar dan Perunding PRS mesti mengekalkan kerahsiaan maklumat ahli-ahli PRS dan tidak mendedahkan apa-apa maklumat peribadi atau kewangan kecuali dibenarkan secara nyata atau jika pendedahan sedemikian diperlukan oleh undang-undang.

(iv) **Berurus niaga secara adil**

Pengedar dan Perunding PRS perlu menjalankan urus niaga mereka secara professional yang semestinya berpengetahuan di dalam semua aspek PRS dan dana-dana yang dipasarkan oleh mereka dan mematuhi amalan baik perniagaan. Pengedar dan Perunding PRS seharusnya berhemah dan berbudi bahasa terhadap sesiapa sahaja ketika menawarkan perkhidmatan mereka terutamanya kepada ahli-ahli dan individu lain di dalam industri PRS.

Berurus niaga secara adil memerlukan kesaksamaan, kejujuran intelektual dan pendedahan percanggahan kepentingan. Dalam bahasa mudah, berurusan secara adil ialah melayan orang lain dengan cara yang sama sebagaimana anda ingin dilayan. Amalan dan teknik jualan yang terlalu agresif dan kesat harus dielakkan.

(v) **Keikhlasan**

Pengedar dan Perunding PRS mesti sentiasa berperilaku baik dan berniat ikhlas. Ahli patut dilayan dengan penuh hormat dan diberikan pendedahan sepenuhnya mengenai semua maklumat berkenaan supaya dapat membuat keputusan pelaburan yang baik.

(vi) **Kecekapan**

Pengedar dan Perunding PRS perlu mengekalkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berkhidmat dengan cekap kepada ahli dalam bidang penglibatan Pengedar PRS.

(vii) **Bertindak dengan teliti, mahir dan tekun**

Pengedar dan Perunding PRS mesti menjalankan semua urus niaga beliau dengan cara teliti, mahir dan tekun. Khususnya, Pengedar dan Perunding PRS perlu—

- memastikan bahawa dana dan Skim adalah sesuai dengan keperluan dan tidak melampaui sumber ahli tersebut;

- mengambil segala langkah munasabah untuk menyediakan ahli dengan maklumat yang komprehensif dan relevan supaya beliau boleh melakukan keputusan yang seimbang dan termaklum;
- hanya menyediakan maklumat yang boleh diuruskan dengan cekap oleh Penedar dan Perunding PRS dan mendapatkan nasihat pakar apabila diperlukan;
- berusaha sepenuhnya untuk menyampaikan maklumat dalam konteks yang betul supaya ia tidak disalah faham oleh ahli. Penjelasan yang terlalu teknikal atau terlalu ringkas harus dielakkan kerana ia boleh menyebabkan kekeliruan dan salah faham;
- tidak meninggalkan sebarang fakta penting atau membuat kenyataan atau dakwaan atau ramalan atau peristiwa masa hadapan yang mengelirukan dan ditokok tambah; dan
- apabila melakukan perbandingan dengan Skim dan dana lain, menjelaskan ciri-ciri dan profil risiko yang berbeza bagi setiap skim.

(viii) Perkhidmatan yang cepat, cekap dan berterusan

Penedar dan Perunding PRS mesti cuba menyediakan perkhidmatan yang cepat, cekap dan berterusan kepada ahli. Khususnya, Penedar dan Perunding PRS perlu sentiasa bersedia menjawab sebarang pertanyaan yang mungkin dikemukakan oleh ahli mengenai prestasi dan pengurusan PRS serta dana di bawah Skim.

**(c) Standard tingkah laku profesional**

(i) Pematuhan pada undang-undang

Penedar dan Perunding PRS mesti mengekalkan pengetahuan mengenai dan mematuhi CMSA, Kawal Selia PRS dan Garis Panduan PRS serta semua undang-undang dan peraturan yang mentadbir industri PRS. Penedar dan Perunding PRS harus bekerjasama secara terbuka dengan pihak berkuasa berkenaan dan mendedahkan segala maklumat yang wajar dan bersesuaian.

(ii) Pemasaran dan pendedahan dokumen pendedahan

Penedar dan Perunding PRS perlu menyediakan ahli berpotensi PRS dengan Lembaran Penerangan Produk mengenai sebarang mesyuarat

pengenalan pemasaran. Lembaran Penerangan Produk adalah ringkasan dokumen pendedahan dan akan menyediakan maklumat penting mengenai PRS dan dana di dalam Skim kepada ahli berpotensi.

Selepas perbincangan tinjauan lanjut dengan ahli, dokumen pendedahan berserta borang permohonan mesti disediakan kepada ahli sebelum ahli berpotensi tersebut melakukan caruman. Kepentingan dokumen tersebut juga perlu diberi penekanan. Ahli berpotensi dinasihatkan untuk membaca dan memahami dokumen pendedahan sebelum memohon untuk melabur dalam dana PRS.

**(iii) Penjelasan yang mencukupi mengenai sifat dan ciri-ciri dana PRS**

Pengedar dan Perunding PRS perlu menerangkan sifat dan ciri-ciri PRS dan dana dalam PRS dengan cara yang memuaskan. Untuk mencapai tujuan ini, Pengedar dan Perunding PRS perlu–

- menjelaskan sifat-sifat penting melabur dalam PRS, termasuk objektif pelaburan dana, risiko melabur dalam dana, bayaran dan yuran dana, penentuan harga hadapan, jumlah minimum yang dibenarkan bagi setiap dana dan implikasi cukai terhadap PRS;
- menarik perhatian kepada sekatan unik melabur dalam PRS termasuk sifat jangka panjang skim dan penalti cukai bagi pengeluaran dana pra-persaraan dari sub-akaun B; dan
- memastikan bahawa ahli memahami komitmen beliau.

**(iv) Iklan dan bahan promosi**

Pengedar dan Perunding PRS mesti menggunakan iklan dan bahan promosi yang telah diluluskan oleh Penyedia PRS mengikut garis panduan yang dinyatakan di bawah dalam perenggan 7.7(b) dan garis panduan lain berkenaan yang dikeluarkan oleh SC.

**(d) Tindakan disiplin**

Dalam usaha untuk mengekalkan standard tingkah laku profesional yang tinggi, mana-mana Pengedar dan Perunding PRS yang melanggar peruntukan Kod akan tertakluk kepada tindakan disiplin yang sewajarnya. Tindakan yang boleh diambil termasuk amaran secara individu, amaran awam, denda-denda, penggantungan atau pembatalan pendaftaran dengan FIMM.

## 7.5 Memberi perkhidmatan kepada ahli PRS

Dalam industri unit amanah, kebanyakan perniagaan baru adalah daripada perniagaan ulangan dengan pelanggan sedia ada yang berpuas hati atau melalui rangkaian prospek yang disyorkan oleh mereka. Dari pengalaman ini, boleh disimpulkan bahawa kepuasan pelanggan adalah amat penting dan harus menjadi asas kepada sebarang perkhidmatan yang diberikan. Industri PRS tidak jauh berbeza kerana ia juga melibatkan hubungan antara ahli-ahli berpotensi dan Penganjur dan Perunding PRS yang akan menjadi penghubung individu utama bagi sebarang dana PRS. Oleh itu, perkhidmatan perlu memberi tumpuan untuk memenuhi keperluan ahli supaya ia menjadi asas caruman berterusan oleh ahli-ahli. Penganjur dan Perunding PRS harus memaklumkan bahawa caruman adalah secara sukarela dan boleh berhenti pada bila-bila masa jika ahli tidak berpuas hati dengan prestasi Penganjur dan Perunding PRS atau dana dalam PRS.

Satu bahagian penting dalam memberi perkhidmatan kepada ahli adalah untuk mengetahui produk anda dengan baik. Penganjur dan Perunding PRS perlu mengetahui dengan mendalam fungsi Skim dan juga ciri-ciri dana dalam Skim. Penganjur dan Perunding PRS yang berpengetahuan akan dapat menilai keperluan ahli-ahlinya dan akan berupaya menasihati ahli dengan secukupnya mengenai pamadanan dana yang bersesuaian dengan keperluan dan sumber ahli.

Penganjur dan Perunding PRS yang berpengetahuan juga akan dapat mengurus jangkaan ahli-ahli. Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa dengan menyampaikan apa-apa jangkaan pelanggan dalam pelaburan mereka, iaitu dana seperti yang dinyatakan dalam dokumen pendedahan, tanpa sebarang kejutan pulangan pelaburan yang tidak dijangka akan meningkatkan kepuasan pelanggan. Oleh itu, adalah penting bahawa Penganjur dan Perunding PRS tidak menokok tambah ketika memasarkan dana dan menerangkan risiko pelbagai dana PRS dan juga mengapa dana tertentu dicadangkan kepada ahli. Jika ahli berpotensi atau ahli PRS sedia ada boleh memahami sebab-sebab untuk melabur dalam Skim, maka kadar pengekalan adalah tinggi dan kemungkinan besar ahli PRS akan berpuas hati dengan produk PRS.

Tidak seperti unit amanah, PRS boleh ditawarkan kepada majikan yang mencarum bagi pihak pekerjaannya. Dalam hal ini, majikan boleh memilih satu atau lebih daripada satu PRS dengan memasuki perjanjian dengan Penyedia PRS berkenaan untuk memberikan akses ke skim sedemikian kepada pekerjaannya. Adalah penting bahawa Penganjur PRS dapat menasihati majikan sedemikian dan Perunding PRS patut berupaya untuk memberi nasihat dan perkhidmatan kepada pekerja serta membantu mereka memilih dana yang sesuai. Jika pekerja tidak membuat pilihan dana, caruman boleh disalurkan ke pilihan automatik oleh Penyedia PRS tersebut.



## 7.6 Menyediakan nasihat pelaburan

Berikut adalah garis panduan am yang perlu dipertimbangkan oleh Perunding PRS apabila mereka memberi nasihat pelaburan berhubung dengan dana PRS—

(i) **Matlamat pelaburan pelanggan**

Perunding PRS perlu memahami matlamat pelaburan pelanggannya, iaitu, adakah ahli PRS ingin mengekalkan modal atau mendapat pulangan pelaburan yang agak tinggi.

(ii) **Jangka masa pelaburan pelanggan**

Perunding PRS harus mengenal pasti jangka masa pelaburan pelanggan kerana ini akan mempengaruhi pembentukan portfolio.

- Jika pelanggan akan bersara tidak lama lagi, pelanggan boleh memilih beberapa pelaburan yang stabil dan konservatif seperti bon dan dana pasaran wang.
- Jika persaraan masih jauh dan terdapat peluang untuk membangunkan aliran pendapatan, maka pelanggan boleh mempertimbangkan pelaburan dalam instrumen berisiko lebih tinggi seperti ekuiti pasaran baru muncul yang berpotensi menghasilkan pulangan yang lebih tinggi.
- Jika pelanggan akan bersara dalam beberapa tahun lagi, pelanggan boleh mempertimbangkan pelaburan dalam portfolio pelaburan seimbang seperti bon dan ekuiti.

(iii) **Portfolio pelaburan pelanggan**

Perunding PRS harus mengetahui kandungan portfolio pelaburan yang kini dipegang oleh ahli PRS supaya Perunding PRS boleh mencadangkan dana yang sesuai dan yang dapat melengkapkan portfolio sedia ada. Sebagai contoh, seorang ahli mungkin mempunyai keseluruhan portfolionya dalam unit amanah yang melabur dalam ekuiti Malaysia. Perunding PRS boleh menasihatkan ahli PRS untuk mempertimbangkan untuk melabur dalam dana PRS yang sebahagian besarnya terdiri daripada pendapatan tetap atau dalam ekuiti antarabangsa supaya dapat mempelbagaikan portfolio.

(iv) **Umur dan keadaan peribadi**

Umur ahli PRS memainkan peranan besar dalam pembinaan dan nasihat portfolio. Semakin muda ahli, semakin tinggi tahap turun naik pulangan pelaburan yang boleh diterima dalam jangka pendek untuk berusaha mendapatkan peningkatan modal jangka panjang. Seorang ahli yang lebih muda perlu mempertimbangkan pendedahan ekuiti yang lebih besar dalam portfolio beliau manakala ahli yang lebih tua mungkin ingin memperhitungkan lebih instrumen pendapatan tetap kerana jangka masa pelaburannya nyata lebih pendek dan beliau tidak mampu menghadapi turun naik pulangan yang tinggi dalam jangka pendek.

Keadaan peribadi boleh mempertikaikan isu umur. Seseorang mungkin berusia muda tetapi mempunyai keperluan pendapatan yang tinggi (contohnya, ibu bapa yang bergantung pada beliau, dan lain-lain) atau seorang ahli yang lebih tua mungkin tidak begitu memerlukan pendapatan semasa. Perunding PRS perlu mengambil kira keadaan peribadi dalam menasihati ahli.

(v) **Toleransi risiko**

Satu aspek penting dalam pembentukan portfolio ialah mempertimbangkan toleransi risiko ahli PRS. Seorang ahli PRS yang muda mungkin tidak begitu bertoleransi terhadap pulangan jangka pendek yang turun naik manakala ahli PRS yang lebih tua mungkin bersikap sebaliknya pula. Sebagai contoh, seseorang yang baru bekerja mungkin perlu mengumpul aset dengan cepat dengan tujuan tertentu (contohnya, membeli rumah untuk didiami bersama keluarga atau memulakan perniagaan baru), oleh itu, individu ini tidak akan dapat menghadapi pulangan ekuiti yang turun naik memandangkan jangka masa pelaburan beliau adalah agak pendek. Sebaliknya, seseorang dalam umur 50-an mungkin mempunyai lebih tunai untuk pelaburan pelbagai generasi (iaitu, beliau meninggalkan hasil pelaburan kepada anak-anaknya). Jangka masa pelaburan beliau adalah panjang dan toleransi risiko adalah besar.

Oleh itu, adalah penting Perunding PRS memahami keperluan dan keutamaan risiko ahli kerana bukan semua ahli akan memilih pulangan jangka panjang yang maksimum dan mungkin mempunyai beberapa matlamat pelaburan jangka pendek.

(vi) **Memberi penekanan pada risiko utama**

Perunding PRS perlu menekankan risiko utama setiap dana di bawah Skim. Risiko utama boleh didapati dalam Lembaran Penerangan Produk dan dokumen pendedahan. Perunding PRS perlu membuat ahli sedar

bahawa risiko kerugian modal dalam mana-mana pelaburan adalah satu perkara yang biasa berlaku dan terdapat kemungkinan kehilangan modal yang besar dalam pelaburan mereka.

(vii) **Perancangan persaraan**

Perunding PRS harus melakukan penilaian persaraan untuk ahli PRS. Satu contoh mudah penilaian keperluan persaraan boleh didapati di dalam Bab 1, bahagian 1.1 (a) panduan pembelajaran ini. Perunding PRS mesti mengambil kira keperluan khusus ahli seperti komitmen kewangan, simpanan semasa di dalam KWSP dan bank, serta pelaburan lain. Dengan penilaian persaraan peribadi, Perunding PRS dapat membantu ahli dengan perancangan persaraan beliau berhubung dengan jenis dana yang sesuai serta jumlah caruman yang diperlukan setiap tahun untuk mencapai matlamat persaraan.

Perunding PRS juga harus berupaya menerangkan kelebihan cukai dan kelebihan lain PRS (contohnya, komisen yang lebih rendah) berbanding dengan produk persaraan lain.

Perunding PRS juga perlu memberikan penjelasan mengenai parameter risiko dana yang berlainan serta pelbagai kategori profil risiko mengikut kategori ahli, iaitu, pelabur yang menghindari risiko, pelabur berisiko neutral atau pelabur yang inginkan risiko. Dengan memadankan profil risiko ahli dengan profil risiko pelbagai dana, Perunding PRS dapat mencadangkan dana yang sesuai untuk ahli.

## **7.7 Memasarkan PRS**

### **(a) Mematuhi kod etika dan standard tingkah laku profesional**

Penedar dan Perunding PRS mesti mematuhi kod etika dan standard tingkah laku profesional yang dinyatakan di bawah bahagian 7.4 kajian panduan ini.

Secara khusus Penedar dan Perunding PRS perlu–

- (i) bersikap profesional;
- (ii) jujur, bermaruah dan berintegriti;
- (iii) mengekalkan kerahsiaan;
- (iv) berurusan secara adil dengan ahli PRS;
- (v) ikhlas;
- (vi) cekap dalam keupayaan nasihat mereka;

- (vii) teliti, mahir dan tekun;
- (viii) menyediakan perkhidmatan yang cepat, cekap dan berterusan kepada ahli;
- (ix) mematuhi semua undang-undang yang mentadbir industri PRS;
- (x) menggunakan jawatan atau gelaran yang sesuai;
- (xi) memasarkan PRS dengan menggunakan dokumen pendedahan dan Lembaran Penerangan Produk; dan
- (xii) menerangkan sepenuhnya sifat dan ciri-ciri dana PRS.

**(b) Mematuhi garis panduan pengiklanan dan bahan promosi**

Pengedar PRS juga perlu mematuhi garis panduan pengiklanan dan bahan promosi yang ditetapkan dalam *Garis Panduan Pengiklanan dan Bahan Promosi Unit Amanah* dan sebarang garis panduan lain yang dikeluarkan oleh SC.

## SOALAN LATIHAN

---

### Soalan 1

Perunding PRS yang melanggar peruntukan kod etika dan standard tingkah laku profesional akan dikenakan tindakan, termasuklah \_\_\_\_\_.

- (i) dipenjarakan
  - (ii) amaran secara peribadi
  - (iii) pembatalan pendaftaran dengan SC
  - (iv) penggantungan pendaftaran dengan FIMM
- 
- (A) (i) dan (iii) sahaja
  - (B) (ii) dan (iv) sahaja
  - (C) (i), (ii) dan (iv) sahaja
  - (D) (ii), (iii) dan (iv) sahaja

[Jawapan: B]

### Soalan 2

Apakah faktor-faktor yang perlu diambil kira oleh Perunding PRS ketika memberi khidmat nasihat pelaburan kepada ahli PRS?

- (i) Keadaan peribadi ahli
- (ii) Toleransi risiko ahli
- (iii) Tinjauan pasaran jangka pendek
- (iv) Cadangan pelaburan Penyedia PRS

- (B) (i) dan (ii) sahaja
- (C) (i), (ii) dan (iii) sahaja
- (D) (i), (ii) dan (iv) sahaja
- (E) (iii) dan (iv) sahaja

[Jawapan: A]

### Soalan 3

Berhubung dengan kod etika, pengabaian sesuatu fakta penting apabila berurusan dengan ahli PRS dilindungi di bawah kod \_\_\_\_\_.

- (A) kerahsiaan
- (B) berurusan secara adil
- (C) jujur, berintegriti dan bermaruah
- (D) perkhidmatan yang cepat, cekap dan berterusan

[Jawapan: C]













**FEDERATION OF INVESTMENT MANAGERS MALAYSIA**

19-06-1, Tingkat 6, Wisma Tune, 19, Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel +603 2093 2600 Faks +603 2093 2700 E-mel [info@fimm.com.my](mailto:info@fimm.com.my) Laman web [www.fimm.com.my](http://www.fimm.com.my)